**PERPADUAN**
**Chedet.co.cc**
**June 25, 2008**
**By Dr. Mahathir Mohamad**

1. Ramai orang Melayu yang kesal kerana di waktu yang genting ini, di waktu mana berbagai-bagai masalah melanda orang Melayu di negara tercinta ini, mereka berpecah dan bersengketa sesama sendiri.

2. Umum tahu perpecahan melemahkan, sebaliknya perpaduan memberi kekuatan. Berhadapan dengan aneka jenis masalah dan tekanan, orang Melayu amat perlu kepada perpaduan sekarang.

3. Pada tahun 1946, di waktu orang Melayu diancam kehilangan tanahair mereka, orang Melayu bersatu padu dan menentang British. Walaupun mereka lemah, miskin, tidak bersenjata, tetapi demikianlah kekuatan hasil perpaduan mereka sehingga British terpaksa tunduk kepada tuntutan mereka dan Malayan Union digugurkan.

4. Walaupun sebahagian daripada orang Melayu kemudian berpisah daripada UMNO untuk menubuh parti PAS tetapi majoriti orang Melayu terus bersatu padu dalam UMNO.

5. Tiga kali lagi parti serpihan UMNO ditubuh dan mencabar UMNO, tetapi perpaduan majoriti orang Melayu dalam UMNO dapat dikekalkan.

6. Tetapi Pilihanraya Umum 2008 menunjuk bahawa perpaduan dalam UMNO sudah luntur. Ramai ahli telah sokong parti lawan atau mengecualikan diri dengan tidak mengundi atau merosakan undi mereka.

7. Seruan kepada perpaduan sahaja tidak akan mengembalikan mereka ini. Sebabnya ialah perpaduan dengan sendirinya tidak akan membawa kebahagiaan. Perpaduan hanya akan membawa nikmat jika perjuangan yang diusahakan mempunyai matlamat yang dicita-citakan. Perpaduan kerana perpaduan tetapi perjuangan diselewengkan tidak bermakna dan tidak membawa rahmat dan nikmat.

8. UMNO hari ini tidak lagi berjuang untuk bangsa, agama dan tanahair. Ia berjuang untuk pengekalan kuasa dan kesejahteraan Presidennya. Perpaduan yang dituntut hanya untuk menyokong Presiden.

9. Ini baik jika Presiden dapat membawa parti dan negara kearah kejayaan dan kebaikan. Tetapi apa yang dilihat ialah keburukan dan kehinaan bagi parti dan negara.

10. Dibawah kepimpinan Presiden ini UMNO dan Barisan Nasional telah kalah teruk dalam Pilihanraya Umum 2008.

11. Perpaduan dalam UMNO sudah berkecai.

12. Parti-pati komponen Barisan Nasional juga kalah dengan teruk di Semenanjung.

13. UMNO tidak lagi dihormati di dalam atau di luar negeri.

14. Generasi muda Melayu sudah anggap UMNO tidak relevan.

15. Negara Malaysia tidak lagi dianggap sebagai negara contoh oleh negara-negara membangun lain.

16. Wilayah milik negara telah terlepas ketangan negara kecil di selatan.

17. Singapura dilayan seolah-olah ia adalah kuasa besar sehingga pembangunan dalam wilayah Malaysia perlu mendapat kebenaran Singapura, sehingga keputusan Perdana Menteri untuk tidak bangunkan jambatan mengganti tambak Johor terpaksa dilapor dan dimaklum kepada bekas Perdana Menteri Singapura oleh Menteri Luar Malaysia.

18. Ekonomi negara kucar-kacir sehingga pelabur Malaysia pun tidak ingin melabur di Malaysia.

19. Harga minyak dan semua barang meningkat tanpa kawalan dan bermacam-macam lagi.

20. Haruskah orang Melayu bersepadu untuk menyokong semua ini?

21. Perpaduan adalah untuk kebaikan, bukan untuk kemudaratan.

22. Jika kita harus ada perpaduan, ianya hendaklah dengan tujuan memulih

semula maruah dan kejayaan bangsa dan negara.

23. Tidak ada sebab yang kepimpinan yang ada sekarang harus diperkuatkan dengan perpaduan di belakangnya.

24. Sebaliknya perpaduan yang perlu diadakan ialah untuk menyingkir pemimpin yang telah bawa kecelakaan kepada parti dan negara.

25. Janganlah desak supaya diadakan perpaduan tanpa mengambil kira hasrat dan matlamat ia diadakan

## 396 Comments

1. *kasturi bukit enterprise*

   November 2, 2008 at 2:37 pm | Permalink

   14. Generasi muda Melayu sudah anggap UMNO tidak relevan
   Sesuatu yang tepat sekali mengenai pernyataan yang atuk tun sebutkan seperti diatas.
   Saya adalah peminat umno dan anak melayu biasa yang bapa dan ibu memang menggangotai pertubuhan umno.
   Semasa kecil dahulu, saya selalu mengikuti program yang dianjurkan oleh umno iaitu seperti,..melawat tempat tempat bersejarah dan menarik, mengikuti kursus ajuran umno-kursus bina diri/semangat dan bermacam macam lagi. Saya memang terasa perpaduan dapat dilakukan bila adanya program seperti itu.
   Tapi sekarang..? Anak anak bangsa dibiarkan begitu sahaja sekarang… tanpa ada pihak atasan yang memikirkan teNtang mereka. Bukan maksud saya kita perlu manjakan… tetapi perlukan didikan.
   Lihat sahaja sekarang… AKIBAT KEHIDUPAN YANG DAIF… HUTANG YANG BANYAK…RATA RATA GEJALA SOSIAL MELANDA …MENGAKIBAT PERPADUAN AMAT SUKAR DIWUJUDKAN,… DITAMBAHKAN PULA… PERCAMBAHAN ANAK ANAK MELAYU SEMAKIN KURANG DAN TERUS BERKURANGAN… sEBUAH KELUARGA MELAYU KELAS PERTENGAHAN MAHUPUN BAWAHAN HANYA MELAHIRKAN 2-3 ANAK SAHAJA BERBANDING SATU MASA DAHULU…SEBUAH ISI RUMAH MELAYU ADA YANG MENCAPAI

SEHINGGA 20 ORANG ANAK.INI SATU FAKTA YANG MENUNJUKKAN BUKAN SAHAJA PERPADUAN YANG HANCUR …MALAHAN SPESIS MELAYU SEMAKIN TERANCAM… DAN BAKAL TINGGAL HANYALAH NAMA KEPULAUAN MELAYU DAN SATU KERAJAAN MELAYU MELAKA SATU KETIKA DAHULU MEMANG MENGGEGARKAN DUNIA. aPA SUDAH JADI…???
NIAT DIHATI BUKANLAH INGIN MENYALAHKAN, TAPI SEKADAR UNTUK MENGINGATI YANG APAKAH BAKAL KEMUNGKINAN SESUATU ITU AKAN TERJADI KIRANYA TIADA TINDAKAN SUSULAN DIAMBIL.

2. *Nawi anak Pawi*

September 18, 2008 at 4:59 pm | Permalink

Anak kecil main api
Terbakar hatinya yg sepi
Air mata …………..
……………………..
Hidup di nusantara

3. *Ainaq*

August 15, 2008 at 7:48 pm | Permalink

Kemajuan dan Kekayaan segolongan memusnahkan……..
Pada Zaman awal kewafatan Rasullulah Umat berpecah
Kerana mahu bebas dari membayar zakat: memberontak dari kerajaan pusat di Bawah Khalifah Abu Bakar untuk menjadi wilayah bebas.
Ada menyeleweng akidah dengan ajaran nabi Palsu Musalamah
Selepas kemenang abu Bakar perpaduan /undang di tegakan. Kerjaan Islam kembali satbil.
Omar meningakat kemajuan dan kemakmuran serta meluaskan wilah Islam ke Pelestin,Mesir dan Parsi. Kemakmuran mula bertapak
Pengantinya mewaris asas kekayaan ini mula timbul chemburu dan juga salah guna kuasa oleh orang yang di lantik: perpanduan mula hancur
Semasa Ali ia makin meruncing.
Ia hanya 26 tahun selepas kewafatan Rasullulah
Sejak Merdeka Melayu dan Islam sudah jauh maju . Kita ada hartawan dan koporat (seperti Khalid,MB selangor) dan orang UMNO serta juga Melayu lain dari limpahan DEB serta multiplier effect dari Pelajaran,Perjawatan dan sebagai

nya.
Ujud lah kelas menegah di Pertengahan Umur dan kelas bawah yang masih muda dan juga kelas pelajar yang mempunyai idealisma yang meronta.
Perbedzaan kelas Menegah dan kelas bawah dan muda ini menimbukan ketidak puas hati. Mereka tidak lagi merasa UMNO mewakili mereka ,mendengar keresahan kesusahan mereka…….oleh perjuangan bangsa di rasai tidak relevent berbanding perjungan kelas.
Tidakah Revolusi Perancis timbul oleh perasaan ini, padahal mereka satu bangsa?
Petroitisma hanya timbul selepas kebangkitan Napoleon,Kemuculan Hitler?
Oleh semnagat UMNO 50an dan 60an di masa FELDA di bangunkan,FELCRA di ujudkan,Pelajaran Peralihan Special Malay Class di perkenalkan,UiTM di perkenalkan,Instutusi MARA di pesat kan……Melayu rasa terbela buat seketika.
Corak pembangunan yang sama dalam dimesi baru perlu di ujudkan bagi belia dan lepasan sekolah dan IPT sekarang supaya mereka tidak hilang arah dan tuju pada hal dia berpijak atas DEB tetapi menghinjak hinjak…………..
Ada juga yang kaya yang sudah lupa daratan dan perjungan. Membina Istana masing masing, bermewah dengan kereta besar padahal patut melabur kedalam kilang dan gedung perniagaan yang boleh mengujudkan perkerjaan yang baik kepada anak bangsa!!!!
Melayu umum nya cherdek tetapi tidak bijak lebih Hang Jebat dari Hang Tuah,Lebih Anwar dari Mahathir……..tidak lihat matlamat jauh bagi memabangunkan Umat,Bangsa dan Negara

4. *aman-malaysia*

July 13, 2008 at 10:25 am | Permalink

Salam Tun yang dikasihi,
Semoga my comment finds you in good health insya'Allah dan sentiasa dilindunginya. Your title 'perpaduan' has touched a lot of people and this is THE solution to everything in this current scenario. If people can really understand what you really meant!.
If parti-parti can bersatu menentang British dulu, parti-parti yang dianggotai Melayu sekarang harus juga bersatu. Bukan menjadi 'alat' kepada bangsa bukan melayu. Ada juga parti yang memperalatkan Agama untuk perjuangan parti kononnya.
Keadaan sekarang menjadi lebih teruk bila bangsa bukan melayu semakin kurang ajar dan berbesar kepala menuntut hak kononnya. Simply because the Melayus sudah tiada pendirian dan berpecah belah.
I did a bit of update about perpaduan on june 10th, http://www.aman-malaysia.blogspot.com.
Wassalam.
aman-malaysia

5. *rismail*

July 9, 2008 at 12:12 am | Permalink

Salam to Tun and readers. With all due respect, there is a reason behind the falling asleep tendency. his diet tak de orang jaga. too much carbohidrate memang kuat mengantuk. kalau cuba makan protein saja, no carbodidrates (i.e. no nasi, mee, roti, santan) during working hours (for breakfast, lunch and tea), badan cergas masa kerja, tak mengantuk langsung – try for a week or two, it works – Tried and Tested True. I'm sure our PM is having rice and curries often during daytime. His Executive Chef should pay attention and sort it out. i pun dah bagi tau "someone" to tell them about it, tak tau lah whether pesan sampai atau tak. so its not entirely his fault, his Doctor and the First Lady should take note and sort it out.

6. *duan89*

July 8, 2008 at 10:33 am | Permalink

salam pejuang bangsa……….
permintaan kami untuk tun demi rakyat adalah tolong buat sesuatu yang boleh menjatuhkan pemimpin yang kuat tidooooooooooooo…….perpaduan tidakkan terhasil dengan pemimpin yang kuat tido………macam PAK TIDOLAHHHH

7. *sekhbilal01*

July 8, 2008 at 4:04 am | Permalink

Salam hormat Tun, Muga2 Tun dilimpahi rahmat dan sihat sejahtera.
Sebelum Tun menjadi Perdana Menteri, Atok saya telah memberitahu sebelum beberapa tahun Tun menjadi Perdana Menteri. Katanya ada sorang manusia yang sangat bijak akan memerintah Malaysia namanya "MAHATHIR". Sahinggalah Tun menjadi Perdana Menteri, Tok ayah pernah menyatakan "Mahathir orang bijak, Mahathir Raja Dunia". Dari apa yang berlaku sepanjang pemerintahan Tun, saya dapati ada benarnya apa yang Tok Ayah kata. Nama Malaysia semakin harum dan dikenali seluruh pelusuk dunia dan amat disegani oleh dunia. Bijaksana Tun membidas Amerika dan kuasa kuasa besar yang besar kepala sangat terpuji. Sahinggalah kepada penyerahan kuasa kepada DSAAB. Populariti Malaysia semakin menurun dan tidak lagi menjadi negara yang disegani Dunia.

Laungan Malaysia Boleh, dan macam macam slogan semasa pemerintahan Tun sudah tenggelam dik kerakusan kuasa. Namun!
Saya percaya pada Tun dan Hikmat kata kata Tok Ayah saya yang Tun adalah Raja Dunia. Pasti Tun ada jalan dalam menyelesaikan permasaalahan negara tercinta ini. Daya pemikiran Tun Sangat Luas dan jauh sekali. Sudah pasti pandangan Tun dari hal negara ini ada jalannya pembetulan yang sewajarnya. Saya sangat yakin dan percaya yang Tun bakal memecah kebuntuan yg ada dan memecahkan kepala kepala derhaka sahingga mereka tidak dapat berfikir lagi. Kesungguhan Tun dalam hal parti dan negara bukan main main spt yg di permainkan oleh kepala2 negara yg ada. Pengunduran Tun ada kemungkinan spt pengunduran tahun 1946 kalau tak silap . dan bangkit memartabatkan semula Parti dan Bangsa serta Negara tercinta.
Mereka mereka ini, bila Tun kembali kerahmatullah…….. masa itulah mereka mereka ini akan melaungkan ….KITA TELAH KEHILANGAN SEORANG PEMIMPIN, SEORANG NEGARAWAN, SEORANG PEJUANG YANG TELAH BANYAK MENYUMBANG ITU DAN INI DAN BLA….. BLA…. BLA…. BLA… “. SEDANG kan masa hidup Tun lagi mereka mencari jalan menyisih kan diri dari Tun…… tidak lain mereka mereka ini takut pada TUN …kalau kalau rahsia mereka dihidu oleh Tun. antara sedar atau tidak sedar sebenarnya Telur busuk yang diusung sana sini tu dah pon pecah dalam kocek masing masing……. cuma tunggu masa ahaja. Maka tercatatlah satu sejarah hitam buat negara, buat kita semua….. bila mana apa yang berlaku tidak dapat diperbetulkan lagi. Jadi diharapkan kita semua rakyat Malaysia kenalah sama sama mengembling tenaga dan fikiran bersama bagi membatasi kekeruhan politik Malaysia supaya jangan sampai penangguk datang bila terlihat rezeki dah timbul. Akhir dari saya buat semua pembaca juga, kita rapatkan hubungan, kerana berbaik mesra, berhubung rapat ,saling percaya mempercayai dan berkasih sayang adalah kunci bagi kesejahteraan umat.
Yang berlaku keadaan begini adalah kerana DSAAB tidak kenal akan Tun walau pon beberapa tahun bersama dgn Tun, nampak sahaja rapat , baik, mesra tapi sebenarnya tak ….maka jadilah apa yang dah jadi ini.
sekian Wassalam semua…..

8. *catwoman*

July 7, 2008 at 3:03 pm | Permalink

selalunya gitu.. kekdg tu bila dah kaya dan berpengaruh ingat boleh beli semua. rupanya tak boleh tapi tak nak ngaku kalah. budak2le tu.
tamak haloba tunjuk kuasa.
yang menang ialah raja iblis.

9. *rismail*

July 7, 2008 at 12:29 am | Permalink

Honestly Tun, neither Najib nor Anwar has the maturity to be PM. macam budak sekolah berhingus fighting at the back of the school canteen, we need a new successor!

10. *Ken*

July 6, 2008 at 11:24 pm | Permalink

Selamat Sejahtera Tun,
saya sebagai rakyat Malaysia juga sedih dengan apa yang berlaku sekarang di dalam politik Malaysia.Sekarang kerajaan pusat sudah tidak memperdulikan suara rakyat.Apabila harga minyak seluruh dunia naik maka dengan kadar segera kerajaan menaikkan harga kepada 30%,tanpa memperdulikan kesan kepada rakyat.Maka tidak hairanlah mereka yang menaikkan harga minyak ini tidak akan rasa kesannya kerana mereka mendapat keuntungan daripada kenaikan ini.Lihatlah banyak kesan berlaku selepas harga minyak naik.contohnya:ramai kilang mengurangkan pekerja,ramai menganggur dan sebagainya.Fikir kesannya. Saya dilahirkan di Kelantan yang berketurunan Tionghua juga kesal kerana ramai dikalangan kaum Tionghua kini sudah beralih kepada parti pembangkang dahulu semasa masa pemerintahan Tun ini jarang berlaku.Kerana sekarang kerajaan parti sudah tidak boleh dipercayai kerana hati pemimpin dan ahli yang tidak menunjukkan teladan yang baik maka lebih baik sertai pembangkang untuk menyuarakan hak mereka.
Sekarang saya terpaksa mencari nafkah di negara orang, tetapi apakan daya jika bekerja di Malaysia mempunyai 4ribu pun tak cukup.Sekian terima Kasih..

11. *isma*

July 6, 2008 at 8:19 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun..
Siapalah saya menulis disini kepada pemimpin besar negara yang amat saya sanjungi.Saya sebagai rakyat mahukan keamanan dan perpaduan.
Tiada hujah untuk dihuraikan kerana Tun lebih arif, cuma harapan sebagai rakyat biasa supaya kami tidak seperti peribahasa “gajah sama gajah berjuang, pelanduk

mati di tengah-tengah”.Sejarah juga telah membuktikan bagaimana kematian seorang Sadam telah meragut beribu-ribu nyawa.Saya berdoa semuga negara Malaysia kekal aman dan makmur.
Wassalam.

12. *shinju*

July 6, 2008 at 3:38 pm | Permalink

Tun…
Saya kagum dengan keberanian Tun…Tun adalah sumber inspirasi saya..Saya di lahirkan ketika Tun menjadi Perdana Menteri..Semasa saya berumur 5 tahun, saya pernah bersemuka dengan Tun..ketika itu, saya meletakkan Tun sbg sumber inspirasi dan pendorong untuk saya berjaya di dalam hidup..Alhamdulillah, sekarang saya bersyukur kerana telah berjaya di dalam hidup..
Namun, ketika ini saya amat sedih melihat bangsa sendiri terus leka dan lalai…Saya sedar, orang Melayu kini hanya kuat kerana masih memegang tampuk pemerintahan negara di samping dilindungi oleh kuasa-kuasa Raja…tapi saya tidak dapat membayangkan sekiranya satu hari nanti bangsa Melayu merempat di negara sendiri…Perpaduan di kalangan bangsa Melayu jelas telah terhakis…
Semoga ‘orang-’orang itu sedar….Sanggupkah kita tengok anak cucu kita nanti merempat di bumi bertuah ini?..
Apapun Tun, saya tetap menyokong Tun…semoga kebijaksanaan Tun membuka mata-mata mereka yang masih bermimpi….
Sekian.

13. *zelmey yusof, saudagar minyak urat*

July 6, 2008 at 12:32 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun.
Saya sebagai rakyat Malaysia amat merindui Tun. Saya sayang pada Tun. Doa saya sentiasa untuk kesejahteraan Tun dan isteri tercinta Tun. Berhajat sangat saya untuk minum secawan kopi bersama Tun. Tapi, adakah saya berpeluang sementara hayat saya masih ada ?
Walau Tun telah membuat pelbagai kenyataan yang menimbulkan kontroversi, di sudut hati kecil saya ni percaya pasti ada yang tersirat apa yang Tun lakukan. Tun hamba Allah yang sangat bijak dan pintar. Jika tidak masakan dahulu sewaktu Tun menjadi PM, Tun disegani di seluruh pelusuk dunia. Tun jugalah insan yang telah menaikkan maruah serta martabat negara tercinta ini.
Ini ada puisi yang sempat saya karyakan untuk bangsa Melayu.-

Bangsa ku..
Aku berbangsa Melayu …
Engkau juga Melayu ..
Bapak aku Melayu …
Bapak kau juga Melayu …
Mak aku Melayu ..
Mak kau juga Melayu …..
Datuk dan nenek ku Melayu …
Begitu juga datuk dan nenek kau ….
Tiap bangsa di bumi ini ingin bergelar Melayu …
Hinggakan masuk Islam juga ada yang bilang masuk Melayu ..
Dulu Melayu hebat…
Bersemangat pendekar
Berani tempur
Tak takut mati …
Demi tanah air dan bangsa
Kini …
Melayu dicabar-cabar…
Diperlekeh dan dibuli
Mengapa ini harus terjadi?
Jangan hairan !!!
Melayu sendiri bercakaran sesama bangsanya
Melayu sendiri busuk hati dengan bangsanya sendiri
Melayu sendiri suka bunuh Melayu …
Melayu sendiri tidak suka bersatu …
Cakap saja lebih …
Nak bersatu lah ..
Nak berhimpun dan berdamai lah …
Tapi, didalam dadanya penuh dengan sarap yang busuk
Kau orang boleh fikir sendiri
Tanya pada diri sendiri
Tepuk dada sendiri
Tak payah la nak tipu diri sendiri …
Perjuangan dalam parti untuk Melayu pun sudah cukup
Jelas, masing-masing nak mencipta musuh bangsa
Bunuh kerjaya
Bunuh hati
Bunuh jiwa
Bunuh ekonomi
Akhirnya Melayu sengsara
Orang lain gelak ketawa ….
Tuah kata, Tak kan Melayu hilang di dunia
Memang betul..
Tapi jiwa, pekerti, semangat bangsa Melayu telah mati
Engkau masih berkhayal lagi?
Guna pakai akal sendiri …

Kalau sayangkan bangsa…
Bersihkan hati
Sucikan hati
Bantu bangsa sendiri
Jangan ada iri
Aku amat sedih melihat bangsa ku yang kian tersepit
Pemimpin bangsa ku kian tak dihormati
Bangsa ku
Aku menyeru dan merayu …
Bersatulah demi bangsa mu
Bersatulah demi keturunan mu
Bersatulah demi moyang mu ..
Takkan Melayu hilang di dunia…………

14. *pejuang*

July 6, 2008 at 12:25 pm | Permalink

Yg Bhg Tun,
Sesungguhnya pada fikiran dan hati yang sangat hancur ini merasakan kerajaan yang ada pada hari ini telah menyongsang daripada perjuangan asal UMNO dan Presiden sekaligus Perdana Menteri yang ada sebelum ini. Kami sebagai anak-anak generasi muda melayu mengharapkan sesuatu percubaan perlu dilakukan untuk menjatuhkan perdana menteri sekaligus menteri2 yang ada dalam kerjaan bagi membaikpulih kerajaan dan parti yang telah tercalar.

15. *faizal*

July 6, 2008 at 12:28 am | Permalink

Salam Tun,
Paklah hanya pandai melaungkan bermacam slogan tapi kabur maksudnya. tak perlu nak jadi PM kalo setakat nak buat slogan. barisan menteri dibelkangnya hanya pandai mengampu dari mengatakan hal sebenar kerana sedang berada dalam kedudukan selesa kononya. apa gunanya melaungkan perpaduan sekiranya tidak tangani secara berkesan. memang dah sah lemah… letak la jawatan… MasyAllah.. apa la yang paklah nk buktikan lagi? undurlah paklah!

16. *pemerhati luar*

July 5, 2008 at 9:58 pm | Permalink

Salam TUN dan Keluarga..
APA YANG TUN KATAKAN DAN SENARAIKAN SEMUANYA BENAR BELAKA…SEMUA INI ADALAH DARI APA YANG BERLAKU DAN PENGALAMAN TUN SENDIRI..
Sekarang saya sebagai anak malaysia hanya mampu melihat apa yang akan terjadi..apa yang akan kami rasa akibat dari pada pemerintahan yang jauh terpesong dengan yang ada dulu…
Kami sebagai rakyat di ibarakan sepergi 'Anjing Menyalak bukit'…tidak ada apa kesanya kerana kami adalah rakyat…yang kami ada mungkin I.S.A.
Ingin saya katakan disini untuk pembaca,saya,TUN,semua sahaja…
REZEKI TUHAN AKAN BERIKKAN KEPADA TAK SEMUA MANUSIA….TETAPI INGATLAH BAHAWA BALA TUHAN AKAN TURUNKAN PADA SEMUA MANUSIA TAK KIRA BAIK MAHUPUN TIDAK…RENUNGKANLAH…SEBAB KITA SEMUA INI TIDAK ADA EXPIRED DATE UNTUK MATI SEPERTI MAKANAN….

17. *tokjan*

July 5, 2008 at 6:09 pm | Permalink

MELAYU MUDAH LUPA

18. *Herlina Ab. Aziz*

July 5, 2008 at 3:14 pm | Permalink

Salam Tun yang dikasihi,
Penulisan Tun ini benar-benar mengusik perasaan saya. Saya anak Melayu yang hidup di dalam negara yang saya kasihi ini, tidak nampak lagi perpaduan di kalangan orang melayu kerana unsur benci, lupa diri, kuat ampu, mengia dan mengangguk tanpa berfikir hingga hilang jati diri. Semasa Tun dulu, saya rasa bangsa bukan melayu mempunyai rasa hormat dan segan kepada orang melayu, setidak-tidaknya kerana negara ini pada masa itu dipimpin oleh seorang PM melayu yang bijak dan berjaya memberi kestabilan ekonomi dan politik kepada negara. Perjuangan Tun belum selesai! Perjuangan kita semua juga belum selesai. Jalan yang kita lalui ini semakin berliku. Maruah bangsa juga ibarat dihujung tanduk. Bukan melayu melihat kita bercaturan, isu seks dan bunuh menyelubong kepimpinan melayu kini. Saya minta Tun menasihati Pak Lah lagi.. kerana

perjuangan Tun belum selesai. Perjuangan Tun baru bermula, dan ia semakin sukar. Kami ada bersama-sama Tun. Pak Lah perlu berbuat lebih baik. Dia perlu stabilkan negara, jika tidakpun dari aspek ekonomi, sekurang-kurangnya dia boleh meneliti dengan mata hati, siapa yang layak menggantikannya. Bukannya Najib. Buang semua pemimpin pengampu! Buang pemimpin yang BUTA dan kaki angguk. Kerana hanya akal fikiran yang membezakan manusia dengan haiwan.

19. *shaiktamby*

July 5, 2008 at 10:15 am | Permalink

In The Name Of Allah Most Gracious Most Merciful
Assalamualaikum YAM Tun,
[Quran]
3:172 Of those who answered the call of Allah and the Messenger, even after being wounded, those who do right and refrain from wrong have a great reward;-
6:127 For them will be a home of peace in the presence of their Lord: He will be their friend, because they practised (righteousness).
25:63 And the servants of ((Allah)) Most Gracious are those who walk on the earth in humility, and when the ignorant address them, they say, "Peace!";
Your Lord has not forsaken you; nor does he ever turn away from
you. The life to come is far better for you than this present
life; you will be delighted at what your Lord will give you.
When you were an orphan, did he not enrich you?
Surat Ad-Duha 93
[Lessons from this Verse]
In our daily struggles, focusing on the life to come and what we
need to prepare for it today will bring the richness to our lives
that we are all seeking.
For the next seven days, ask yourself throughout the day, "In
the hereafter, will I regret how I spent my day today?"
With best wishes to see you succeed at the highest iman level!
Orang Melayu dan UMNO menjadi hebat kerana kefahaman dan mengamalkan ajaran Islam.Orang bukan Islam boleh hidup senang lenang …suatu nekmat yang hanya terdapat dinegara Islam .
Chapter 55 Ar Rahman :
55:8 In order that ye may not transgress balance
55:9 So establish weight with justice and fall not short in the balance
55:13 Then which of the favours of your Lord will ye deny?
(mention 31 times)
http://www.qurancomplex.org http://www.quranexplorer.com
http://www.islamicity.com/mosque/quran/
See what they are saying about Muhammad NOW at:
http://www.prophetofislam.com

Inilah orang yang dikatakan kepada Nabi SAW. dengan sabda;
"Yang paling aku takuti dan aku pun takut di kalangan umatku ialah orang 'Alim yang jahat".
Kita berlindung dengan Allah daripada orang 'Alim seperti itu. Oleh itu, larilah dan jauhkan diri kamu dari orang-orang seperti itu. Jika tidak, kamu akan terpengaruh oleh kata-kata manis yang bijak berbicara itu
Semoga Allah memberi Nur Petunjuknya
Tiada daya dan upaya melainkan dengan Allah yang Maha Mengetahui dan Maha Besar

20. *bryan lee*

July 4, 2008 at 10:08 pm | Permalink

Tun,
Now Malaysian have to be united as one. Whether you like it or not, world is changing. People's mindset is changing. Malay is not mudah lupa, though i am not Malay, but as human being I know we have to change to different thinking in certain of time. This is a world of no boundaries. If just thinking about the little tiny 30% economic pie in Malaysia, why don't whole nation works together get the 30% or even 15% of the whole Asia economic pie? It just waste of time.
If still talking about the Perpaduan Melayu, it obvious our whole country will have no future at all. DEB is exactly a failed policy. If it is good enough it should have meet its objective long time ago (or failure of the implementer?)
I am not try to make any trouble here. But no matter we are Malay, Chinese, Indian, Sikh, Iban, Kadazan, and etc we are Malaysian. We United now, or never. If never, once again we will see our country is being rules again but others.

21. *ahmads*

July 4, 2008 at 9:49 pm | Permalink

Salam Dato,
Saya perpendapat Rakyat Melayu di Malaysia harus tenang dan kaji semula tentang ketidak stabilan politikal dinegara ini.
Saya merayu agar parti-parti koponen Melayu bersatulah demi untuk Bangsa,agama dan negara. Fikirkanlah bagaimana Menteri-menteri sebelum kita berjuang dan mendapatkan kemerdekaan negara ini. Jangan kita bertindak mengikut nafsu. Bayangkan jika negeri ini diperintah oleh bukan Melayu contohnya sudah ada di selatan dan di penang. Bangsa kita akan kehilangan banyak keistimewaannya padahal ini adalah bumi Melayu.

Jadi saya harap buatlah ini sebagai satu contoh yang kita harus awasi supaya kita tidak akan kehilangan bumi melayu dan kedaulatannya. MERDEKA!

22. *deeno*

July 4, 2008 at 1:55 am | Permalink

YA ALLAH panjangkan usia TUN,
semoga pemimpin melayu tulen dapat mempelajari ketokohannya…

23. *Md Isa Kasim*

July 2, 2008 at 11:18 pm | Permalink

Terima kasih kerana diberi peluang untuk menyatakan kekesalan saya terhadap bangsa saya sendiri yang sudah hilang arah tuju akibat kepimpinan yang lemah dan petualang bangsa yang mementingkan diri. Saya takut (bukan lagi bimbang) orang melayu akan hilang segalanya ditanah air sendiri.
Apa harus kita buat Tun? Saya amat berharap Tun terus berusaha untuk membetulkan keadaan ini. Saya percaya Tun seorang yang bukan mudah berputus asa dan saya akan sentiasa menyokong Tun atas segala usaha Tun itu. Semoga Allah memberkati perjuangan Tun.
Terima kasih

24. *pl*

July 2, 2008 at 4:28 pm | Permalink

Semoga Tun sentiasa dalam keadaan sihat walafiat.
I like to read your blog especially the Malay Edition!
One thing I noted that there are minor grammar errors such as kearah (vs ke arah), dibawah (di bawah), and ketangan (vs ke tangan). (dimana, diluar, ………)
It is actually no big deal! But our younger generation just like to copy without think thoroughly (cannot differentiate) and it really a laughing stock when our graduates could not use Malay proficiently.
I hope to see at least no grammar errors/mistakes in Tun’s blog.
As Tun’s blog should be a site for good Malay composition.
Really Concerned.

25. *faizn9*

July 2, 2008 at 2:47 pm | Permalink

ASSALAMUALAIKUM TUN…..
SAYA ADLH GENERASI YANG MEMBESAR DI ERA TUN MEMIMPIN MALAYSIA TERCINTA INI. SEJAK LAHIR TAHUN 1981 SAMPAI PENAMAT ERA TUN SEGALA SUSAH SENANG TELAH SAYA RASAI DAN HADAPI.DARI MAKAN IKAN KEMBONG YANG DIPOTONG 2 DAN KEMUDIAN DIBAHAGI SORANG SEBELAH SEHINGGALAH SAYA BOLEH MAKAN IKAN 2 K 3 EKOR DIPENGHUJUNG KARIER TUN.INI HASIL KEMAKMURAN DAN PERPADUAN YANG DIPEROLEHI HASIL PIMPINAN TUN.
KAWAN2 MENGATAKAN SAYA NI ORANG YANG TOTOK KEPADA TUN, TAPI PADA SAYA IANYA HANYALAH PERASAAN TERIMA KASIH DIATAS KEPIMPINAN TUN MEMAJU DAN MEMAKMURKAN NEGARA INI.SEHINGGA KINI SAYA BOLEH FAHAM CARA DAN SIKAP TUN.
SEMASA PILIHANRAYA KELUAR ISU TUN MENGAKU MENGANIAYA DSAI…KAWAN2 NEMPELAK SAYA.SAYA TAK PUAS HATI SEBAB ITU BUKAN SIKAP TUN YANG SAYA KENAL..SETELAH PUAS SAYA MENCARI AKHIRNYA SAYA MAMPU TERSENYUM LEBAR KERANA STATEMENT ORIGINAL TUN ITU TELAH DISUNTING UNTUK MEMENUHI KEPENTINGAN MEREKA TANPA MENGAMBIL KIRA PERPADUAN TANG AKAN BERPECAH OLEH SIKAP MEREKA. SAYA MENGATAKAN BEGITU KERANA ORANG MELAYU DI PUAK UMNO AKAN RASA DICABAR OLEH ORANG MELAYU DI PUAK PEMBANGKANG.KITA BOLEH LIHAT DITERENGGANU DAN BELAH PANTAI TIMUR SEMASA PRU12, KAUM APA YANG BANYAK BUAT BANTAHAN DAN DEMONSTRASI DIJALANAN???
PADA ASALNYA SAYA TERKILAN JUGA KERANA TUN MEMILIH MR CLEAN INI SBG PM.INI KERANA KETEGASAN YANG ADA PADA TUN TIDAK ADA PADA DIA. TAPI SAYA REDHA BAHAWA TUN SAMA SEPERTI SAYA HANYALAH INSAN BIASA YANG HANYA BOLEH MELIHAT APA YANG ADA DIDEPAN MATA.
MR CLEAN MENGWARWARKAN KERAJAAN YANG TELUS DAN TERBUKA DAN LEMBUT. DAN SEKARANG KITA LIHATLAH HASIL SIKAP MR CLEAN YANG DAH DIRTY ALL THE BODY….
SAYA MEMOHON KEPADA TUN UNTUK MEMIMPIN REVOLUSI UNTUK MENYELAMATKAN NEGARA TERCINTA INI DARI TERJERUMUS KE ALAM KEMELESETAN YANG TERUK TIDAK LAMA LAGI DAN DENGAN MUDAH BOLEH DIPERKOTAK KATIKKAN OLEH DUNIA LUAR DAN PEMBANGKANG. TUN MESTI MELAKUKAN SESUATU KERANA SESUNGGUHNYA PERCAYALAH TUN TIDAK

SEMUA MELAYU ITU MUDAH LUPA..JIKA DIPIMPIN DENGAN BETUL MEREKA INILAH YANG AKAN BANGKIT UNTUK MENYELAMATKAN NEGARA TERCINTA INI…
SAYA SEKELUARGA AKAN SENTIASA MENDOAKAN KESIHATAN DAN KETENANGAN BUAT TUN SEKELUARGA… MOGA2 HARAPAN KAMI RAKYAT YANG MARHAIN INI DIPERTIMBANGKAN OLEH TUN DEMI KEPENTINGAN ANAK CUCU CICIT KITA SEMUA
ASSALAMUALAIKUM

26. *Cucu Tok Bakar Kuala Perlis*

July 2, 2008 at 12:04 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun
Saya rasa orang sekarang tak pandai hormat orang tua-tua. Kalau saya jadi PM sekarang. Tun akan jadi pusat rujukan saya, Tun dah mentadbir negara sekian lama, dah tentu Tun tahu jalan mana yang selamat dan jalan mana yang tak betul. Segala idea Tun saya akan laksanakan. Disamping menimba ilmu dan belajar dari pengalaman Tun, saya akan mohon pandangan Tun dalam apa segala segi.
Ini tidak, baru dapat jawatan dah nak saman orang balik. nak cari salah orang balik. Seolah-olah dunia nie buta untuk melihat jasa-jasa baik yang pernah Tun taburkan kepada rakyat.
Saya kesal dengan semua ini. Pesan saya " Experience can't buy with money"
Salam

27. *princeofpeace*

July 2, 2008 at 3:38 am | Permalink

Tun
Walaupun pada pemerhatian saya Tun ada melakukan beberapa kesilapan akan tetapi jasa Tun amat besar kepada rakyat Malaysia khasnya bangsa Melayu. Tun berjaya membangunkan negara hingga menjadi terkenal dan dihormati diseluruh negara. Persoalan saya benarkah Tun benar-benar dengan jujur dan ikhlas tanpa prejudis Tun berniat dengan tulus iklhas membantu bangsa Melayu.Saya kerja saya untuk menghukum atau mencatit baik buruk yang Tun telah lakukan. Saya percaya Malaikat belum pencen, biarlah malaikat yang buat kerja menghukum atau mencatit baik buruk seseorang.Saya percaya Malaikat buat kerja dan rukun iman ada menyatakan kena percaya pada Malaikat.
Saya melihat disebaliknya. Melayu masih terpinggir di bumi sendiri.
walaupun sudah lebih 50 tahun merdeka. Mengapa pegangan ekuti bangsa melayu

masih tidak tercapai 30% walaupun berbilion peruntukan diberikan kepada berbagai kementerian di bawah Tun dahalu terutama kepada Kementerian Luar Bandar yang merupakan diantara penerima peruntukan terbesar dalam budjet tahunan negara. Saya rasa ini semua pasal kenduri kekah. Saya tidak tahu siapa yang suka buat kenduri kekah. Pada pendapat saya yang dangkal ini sekiranya matlamat 30% itu tercapai awal maka barangkali tiada peruntukan baru boleh dikeluarkan untuk memajukan bangsa Melayu. Maka apabila tiada budjet baru saya percaya mereka-mereka itu tak dapat nak buat kenduri kekah. Tak camtu Tun?
Pada masa sekarang adalah saat paling kritikal bagi bangsa Melayu.
Melayu sebenarnya tak mudah lupa. Tun jer program diorang agar mudah lupa. Seorang pemimpin yang baik takkan menghina bangsa sendiri. Tun sorang jer kata Melayu mudah lupa.Saya tak lupa Tun.
Apa yang terjadi sekarang sebenarnya hasil warisan Tun sebenarnya.
Bagaimana kuih begitulah acuannya
Bagaimana pemimpin begitulah pengikutnya
Persoalannya adakah mereka-mereka itu layak memimpin?
Kalau layak sokong lah tak layak jangan sokong.
Akan tetapi bangsa melayu bukan hamba di bumi sendiri
Antara keberanian dan ketakutan
Antara persoalan dan keinsafan
Tiap cabaran harus diterjah
Kilas dugaan langkah dipatah.
Maka untuk demi perpaduan bangsa melayu …tak perlulah kita nak bergaduh dan bersengeketa di antara satu sama lain. Sudah lah tu ..bukah kah kita mengucap Bismillah yang sama…Mengucap kalimah shahadah yang sama jua. Kita mesti berani berkata benar. Berani pula
berubah sikap jangan takut mengaku kesilapan dan kelemahan diri.
Wahai bangsa ku …sesungguhnya keberanian adalah bala tentera jiwa yang mengawal diri dari dihina, dicerca, diperkatakan dan di perhambakan.
Seperti kata pantun Melayu
Semangat cekal jiwa berani
Sekali genggam jadikan bara
Perubahan sikap harus di uji
Kelak sampai kepuncak jaya.
Hiduplah untuk berbakti kerana orang yang berbakti akan terus hidup namanya walaupun mati.
Yang sudah tu sudahlah! Jangan ikut emosi nanti mati dan Jangan marah nanti kena jual.
Princeofpeace

28. *haizam88*

July 2, 2008 at 1:52 am | Permalink

Assalamualaikum w.b.t,
Tun,saya seorang mahasiswa yg masih menuntut di salah sebuah ipta di kuala lumpur,sebagai seorang pelajar…saya melihat keaddan politik semasa negara ketika ini amat2 mengecewakan.Saya melihat bagaimana isu2 yang sepatutnya tidak lagi dipersoal seperti kontrak sosial dan ketuanan Melayu mula digunakan secara progresif dalam menimbulkan rasa tidak puas hati sesetengah pihak.Saya tidak mahu di anggap sebagai seorang yg mengamalkan konsep"perkauman" disini,tp saya merasakan org melayu amat kerugian waktu ini.Boleh di lihat betapa terseksanya org melayu di tanah sendiri ketika suasana politik,ekonomi dan agama di jadikan isu hangat untuk kepentingan masing2.Saya menyanjug tinggi kepimpinan Tun dan pemimpin2 terdahulu seperti Tun Razak,Tun H.S.Lee dan Tun Sambathan.Walaupun mengalami tekanan dan desakan dari pihak luar…tun dan tokoh2 terdahulu cuba mendominasi keadaan agar tidak memberi faedah kepada pihak pendesak.Tindakan2 seperti inilah yg diperlukan rakyat masakini agar kebejikan rakyat terjamin.Saya kecewa dgn tindakan pemimpin masakini yg lebih mementingkan kepentingan masing2 untuk mecapai cita2 busuk mereka.Tiada yang sempurna di dunia ini namun mereka bertindak bagai merekalah raja dunia!Saya sedih apabila mereka membodohkan tun di media semata2 untuk menunjukkan kesetian palsu mereka seperti mana yang mereka lakukan pada Tun dahulu.moga Tun dan isteri di panjangkan umur dan di beri kesihatan yang sempurna hendaknya.sekian.wassalam

29. *Abdul Hamid*

July 1, 2008 at 11:24 pm | Permalink

Salam Tun,
Pepecahan kami kali ini mungkin peristiwa baik. Kami sedang menunggu seorg pemimpin baru utk membawa kami ke arah baru, bkn lagi kemerosotan dan rasuah. Org Melayu mesti akan bersatu padu lagi apabila seorg pemimpin baru muncul, tunggu dan lihatlah siapakah pemimpin baru.

30. *Abd Rahim Aziz*

July 1, 2008 at 9:47 pm | Permalink

Salam
YAB Tun
1.Pergolakan politik semakin meruncing
2.Keburukan kepada org melayu
3.Berbalah antara satu sama lain

4.Gila kuasa & kekayaan
5.Bagi kaum lain masa utk menegok di air keroh.
6.Musuh YAB Tun mula muncul macam cendawan lepas hujan.
7.Cubaan mereka umpama menikam gergasi dihujung kaki. Merana badan sediri
8.Menteri mcm zaid tak guna langsung.
9.Perjuangan kalau utk balas dendam, sama macam pembangkang jadi pemerintah baru.
10.Semangat antara kaum sebenar dihancurkan oleh pemimpin2 itu sendiri bukannya rakyat.
11.Bila minyak mahal sepatut negara pengeluar (Kerajaan) kaya raya. Tak terkecuali Malayasia.
12. Tapi kita Malay sia jadi miskin. Mungkin rakyatnya sahaja mana tidak semua kontrak pembangunan hadapi krisis yang teruk melibatkan ramai golongan rakyat.
13. Kerajaan jangan simpan duit dlm poket aja untuk tunjukan kemiskinaan.kena lah belanja buat projek mega mcm zaman YAB Tun.
14.Rakyat hari ni kena kerja lebih kuat utk hidup sekali gus mengkayakan orang yang sememangnya dah kaya.
15.Tapi masalah yang timbul dah kaya semakin kaya dan tak pernah cukup,kerana pengukurnya adalah org yang lebih kaya.
16. Kesimpulanya Tamak haloba penyakit yang menghancurkan segalanya…!!!!Kebangkitan Melayu, adalah wajib!!!!
Bagi pendapat saya Pak Lah tak boleh cara keras dan beliau cari cara yang mulia untuk berundur.Begitu juga cara untuk menewaskan.!!!! Org Tua kata Menarik benang dalam tepong.!!!
Semoga YAB Tun sihat sejahtera, Perjuangan YAB Tun pada Agama, Bangsa & Negara tiada bandingnya.. Kalau ada masa sudikah YAB Tun menceritakan tentang ‘Perjuangan’ dari kaca mata YAB Tun..
Kebenaran tetap pada orang yang benar.Insyallah

31. *MAJ (B) RAHMAN M.A*

July 1, 2008 at 7:03 pm | Permalink

Yang Di Hormati Tun, PERPADUAN yang amat penting ialah bagi orang MELAYU bersatu dibawah satu parti politik yang berasaskan kepada kepentingan Melayu sahaja.Agama jangan dicampur adukkan dengan politik.Orang Melayu berpecah bukan sahaja sebab politik tetapi sebab agama juga. Jadikan perpecahan orang Islam di Iraq, Afghanistan dan Pakistan sebgai teladan.Orang Cina dan India nampaknya sudah bergerak kearah perpaduan diluar parti MCA dan MIC. UMNO tidak bolih diharapkan lagi menjaga kepentingan Melayu.Islam Hadari juga membawa perpecahan dan merosotnya sokongan terhadap UMNO dan BN.Konsep perpaduan melalui BN buat masa ini tidak penting dan bolih diketepikan kerana ianya tidak menjamin masa depan Melayu. Lagi pun yang terhegeh-hegeh untuk menjaykan konsep BN ialah orang Melayu sahaja,

khususnya UMNO. Bila MELAYU KUAT dan ada PERPADUAN yang menyeluruh kaum lain akan menghormati kita, akan mencari kita untuk menjalin persahabatan dan mencari perpaduan. Tubuhkan parti baru yang hanya berjuang untuk kepentingan bangsa Melayu. UMNO sudah ketinggalan zaman. Racist,Ya memang racist. Untuk Bangsa ku apa salahnya,kerana semasa saya berjuang menetang Pengganas Komunis didalam hutan belantara dahulu tiada siapa pon menjerit racist apabila askar berketurunan Melayu di tembak mati oleh pengganas komunis berbangsa Cina.

32. *sinaran*

July 1, 2008 at 6:49 pm | Permalink

Aslm TDM,
Perpaduan…..
Melayu mudah lupa…..
TDM … saya adalah peniaga kelas sederhana yang merasai kesan dari sikap perkauman negara malaysia……
Melayu sebenarnyer
1.sangat toleransi …sehingga malaysia boleh tergadai
2.tidak bersifat perkauman …. sebab itu kedai cina banyak yang maju …..siapa yang jadi pelanggan nyer …melayu mejoritinyer.
3.lembut hati …..sebab itu pelbagai bangsa dibenarkan hidup dan mencari makan di malaysia.
4.Mudah lupa dan memaafkan …. kerana itu pelbagai kaum boleh hidup harmoni……
Siapa yang bersifat perkauman……
Sebenarnyer yang paling bersikap perkauman ialah cina……
Cuba lihat ……
Tak akan ada cina mahu bekerja dengan syarikat melayu
tak akan ada cina mahu menjadi pelanggan dikedai melayu
TDM …… anda yang memberi ruang ini kepada mereka sehinggakan…kami orang melayu terasa bergitu tersisih dinegara sendiri…… anda yang terus mengekalkan sekolah-sekolah cina sehingga ujudnyer sifat perkauman yang besar dan ketara…….
Perpaduan…..
senang sahaja jika kita mahukan ianyer terjadi…..
Buang semua sifat perkauman….. hentikan kewujudan sekolah aliran cina ….
adakan sekolah 1 untuk semua ……. 1 bahasa untuk semua…..
Maka
Tiada istilah…perkauman…perpecahan kaum…..perpecahan melayu…..
Kita jadi satu bangsa
BANGSA MALAYSIA…….

33. *Anak Jatie Kedah*

July 1, 2008 at 12:25 pm | Permalink

Untuk Mantapkan Kembali…..Perpaduan Melayu…..satu jerk Ayahanda…….Ilmu Agama Yg Mantap, InsyaAllah…..sukar untuk dijinak dan rapuh berderai…..Pak Bedolah dok cakap…Pasal Islam Hadhari……..apa sebenarnya Islam Hadhari tu…….tidak ada pun dalam….Riwatat Hadith Nabi or Firman Allah….Seandainya ianya hanya suatu perbuatan atau adab yg diadakan yakni yang mana perbuatan itu tidak dilakukan atau diamalkan oleh Rasulullah s.a.w .ianya dikategorikan sebagai Bida'ah'. Sesungguhnya..ada Hadith Nabi menyatakan…'Sesungguhnya Bida'ah itu adalah neraka'. Namun, ahli-ahli agama kita tidak mengetengahkan benda ini…tak tahulah kenapa….Oleh itu, kembalilah kepada Agama Islam yang sebenarnya….itu sahajalah yg dapat mengukuhkan perpaduan Melayu-Islam.Bangsa Melayu selalu dikaitkan mesti Islam….tapi Islam hanya pada Nama…tapi hakikatnya..tidak amalkannya……sebab itulah……Bangsa Melayu..sekarang porak peranda……..fikir2kanlahhhhh..

34. *iea*

July 1, 2008 at 11:48 am | Permalink

Malays Rather Have Pleasure Than Pressure?
Di mana boleh cari ramai Melayu
Pastinya di Kelantan dan Trengganu
Dan juga di pasar malam dan pasar minggu
Di Akademi Fantasia dan Pesta Lagu
Di Jom Heboh orang Melayu berpusu-pusu
Di Sungai Buloh dan sebelum ini di Pudu
Dan di jalan, lumba haram tak buka lampu
Dan di selekoh duit rasuah depa sapu
Di pusat serenti akibat ketagih dadah dan candu
Di malam kemerdekaan dan malam tahun baru
Terkinja-kinja best giler menari macam hantu
Apa hobi orang Melayu
Terkenal dengan budaya malas dan lesu
Berlepak buang masa tak jemu-jemu
Atau baca majalah Mastika cerita hantu
Tengok telenovela dari Filipina dan Peru
Sambil makan junk food kacang dan muruku
Mana tak gendut berpenyakit selalu

Kalau nak berlagak melayu nombor satu
Asal bergaya sanggup makan nasi dan toyu
Boleh tak jumpa mereka dikedai buku
Atau di perpustakaan dan majlis ilmu
Atau ambil kelas kemahiran di hujung minggu
Ada tapi kurang sangat ke situ
Kenapa Melayu jadi begitu
Nak salahkan sapa ibubapa atau guru
Pemimpin negara atau raja dulu-dulu
Ayat lazim di mulut ialah malas selalu
Nak harap kerajaan saja bantu
Terutama sekali kontraktor kelas satu
Tak habis-habis gaduh nak jatuh sapa dulu
Dan suka sangat dengan budaya mengampu
Sampai bila kita nak tunggu
Bangsa Melayu jadi bangsa termaju
Boleh, dengan beberapa syarat tertentu
Pertama dengan banyak menguasai ilmu
Kata nabi ikutlah al Quran dan sunnah ku
AlQuran yang diturunkan 1400 tahun dulu
tapi apakah yang kita tahu,cuma baca nak halau hantu
especially enjoyed the last line
So, masih nak meLAYU?

35. *cleolekor*

June 30, 2008 at 3:46 pm | Permalink

Kita patut menubuhkan satu lagi pakatan Malay ReUnion bagi menetang UMNO yang dikatan tidak memperjuangkan lagi bangsa Melayu. Hanya yang diperjuangkan adalah untuk kepentingan mereka2 yang diatas. KJ adalah punca segala pemasalahan dalam hal ini. Untuk tidak merosakan bangsa haruslah kita mencari penyelesaian bagimana untuk menghapuskan sama sekali punca pemasalahan ini.Parti UMNO tidak lagi parti untuk rakyat hanyalah parti kepentigan individu untuk keluarga – keluarga mereka sahaja.

36. *Mentel*

June 30, 2008 at 1:13 pm | Permalink

by By mzzainal on June 29, 2008 6:34 PM,"National Unity can only be achieved with Vision2020. I firmly believe in this Vision, however unfortunately many people seem to have forgotten it, especially those in UMNO."..
You have wrong perception on UMNO. It is DAP that never subscribes to Wawasan2020. They promote MALAYSIAN MALAYSIA. UMNO is very clear on this. UMNO still the best guardian to this country provided chase out Abdullah, Khairy, Anwar and people with their same agenda.

37. Wallace

June 30, 2008 at 11:52 am | Permalink

Tun,
Apa maksud perpaduan?Apa yang saya tengok perpaduan di malaysia sekarang hanya wujud antara kaum sahaja.Perpaduan yang sebenarnya tidak wujud disebabkan perbezaan agama dan kaum.Kita dapat lihat negara di australia,USA dan tempat lain di mana berbagai kaum tinggal suatu negara yang sama dengan harmoni di mana mereka tidak beza kaum dan agama.Apa yang kita tengok di news paper mungkin tidak begitu benar jika kita cuba tinggal di tempat mereka selama beberapa bulan.Baru kita dapat rasai harmoni dan perpaduan negara orang lain.Pada pendapat saya,kita harus buat beberapa perkara seperti berikut
1)memansuhkan hak keistimewaan orang melayu dengan perlahan.Hak keistimewaan orang asli harus di kekalkan sebab orang asli di negara kita adalah kaum masih memerlukam bantuaan kerajaan tetapi orang melayu tidak perlu lagi sebab dah lebih kuat berbanding 50 tahun lalu.Orang melayu dapat bersaing lebih baik sekarang.Orang melayu tidak perlu hak keistimewan orang melayu.Orang melayu sudah matang dan tidak harus di manjakan lagi.Jika orang melayu diteruskan diberi hak keistimewaan,mereka akan menjadi lemah sebab terlalu bergantung kepada kerajaan.Contohnya,orang cina dapat bersaing dengan hebat dalam ekonomi disebabkan persainngang yang hebat.Saya percayai tuhan mencipta setiap manusia mesti di beri dengan akal yang cerdik.Jika akal ini digunakan dengan baik,orang itu mesti dapat berjaya dengan baik di masa depan tanpa kira kaum atau agama.Saya tak percaya wujud nya orang bodoh di dunia ini.
Hak keisitimewaan raja-raja juga harus dikekalkan seperti sekarang.
2)ISA haruskan diganti kan dasar lain yang lebih baik.ISA sekarang hanya untuk menlindugi BN sahaja.ISA sepatutnya melindungi keselamatan dan kepentingan rakyat.
3)Dalam pendidikan,kita seharusnya memberi peluang kepada sesiapa rakyat malaysia yang berbakat dalam suatu bidang.Saya berasa sedih sebab terdapat beratusan pelajar yang cermerlang yang belajar di luar negara tidak ingin balik ke luar negara.Ini disebabkan kerajaan tidak merhargai mereka.Mereka ke luar negara belajar adalah atas usaha mereka tanpa ada support dari kerajaan.Jika

negara kita menpunyai orang yang berbakat,kerajaan kita mungkin akan membangun dengan lebih pesat dan harmoni.

38. *arik*

June 30, 2008 at 2:04 am | Permalink

Saya berpendapat kerajaan yang tidak betul sekarang adalah dari kesilapan rakyat malaysia sendiri.
Dari pemimpin yang dahalu lagi sudah tidak betul Rakyat malaysia sebenarnya bodoh
Masih tak boleh menilai lagi.Bagi pandangan saya untuk memajukan sesebuah negara dengan mempunyai pemikiran berintelek serta berdaya maju kita mestilah mempunyai standard pemimpin yang bijak mencari jalan penyelesaian serta berdaya maju,tapi pelik bin ajaib di negara malaysia ini , asal dia dari barisan nasional kita mesti sokong walaupun pemimpin kita sebenarnya adalah seorang yang bodoh. Dan mengapa hari ini kita hendak menyalahkan pemimpin sedangkan kebodohan itu datang dari pihak pengundi sendiri.
Kesilapan yang lalu itulah yang menyebabkan kehancuran kepada negara malaysia. Sepatutnya pihak pengundi perlu mengubah cara berfikir untuk kebaikan negara dan langkah yang sepatutnya diambil kita mesti siling bertukar parti untuk persaingan yang sihat diantara sesama parti serta suara rakyat diberi perhatian dengan itu parti yang menerajui negara akan selalu memberi khidmat yang terbaik untuk negara
maka lahirlah pemimpin yang bijaksana serta berdaya maju untuk sesebuah bangsa . Kalau asyik parti yang sama memerintah inilah akibatnya dia tak betul pun dia kata dia betul. Sekarang terimalah padahnya kebodohan rakyat malaysia adalah kerana kita bangsa yang tak berilmu sebenarnya . ada otak tapi tak boleh fikir harapkan kesetiaan ibarat orang sembahyang tapi tak tak tahu makna yang dia sebut boleh mengaji tapi tak tahu isi kandunganya itulah bangsa malaysia ku.

39. *nama*

June 29, 2008 at 11:18 pm | Permalink

salam,
ramai juga orang mengatakan tun salah kerana melantik dsaab sebagai penggati pm. saya berpendapat, tindakan tun melantik dsaab sangat tepat, mengikut situasi pada masa tersebut. saya yakin, tun memilih dsaab kerana mahukan perpaduan melayu menjadi keutamaan. walaupun pada masa tersebut pasti tun ada calon lain yang sepatutnya lebih sesuai. tetapi pada masa tersebut, kesan kes anuar masih

kuat. ramai masih tidak berpuas hati dengan apa yang terjadi. oleh itu perlantikan pengganti pm harus dibuat dengan keutamaan adalah perpaduan melayu. dan saya juga yakin, tun pasti telah membuat beberapa permintaan dengan dsaab, mungkin tugasan yang perlu dibuat setelah menjadi pm. dan permintaan tersebut juga bertujuan untuk mengekalkan perpaduan melayu. malangnya dsaab tidak memenuhi tuntutan tun, yang mungkin dsaab dan kroninya dan beberapa pemimpin lain sangkakan permintaan itu untuk tun, sedangkan permintaan tun itu keutamaan ialah perpaduan melayu.
mereka lupa, sebelum tun masuk politik, semasa masuk politik, semasa menjadi pm, dan sehingga kini bersara daripada pm, tun tidak pernah berubah, perpaduan melayu adalah keutamaan perjuangan tun. hanya dengan perpaduan sahaja akan mengekalkan ketuanan melayu.
tolong la, apa yang berlaku hari ini, biar sesiapa menang dalam pertandingan, biar sesiapa menjadi pm, kalau rakyat tidak bersatu padu. negara ini, negara kita malaysia akan musnah. hidup menderita, rakyat menjadi miskin, barang2 menjadi mahal, pengganguran bertambah ramai, huru hara berlaku, untuk mencari makan terpaksa mencuri, merompak, hidup dalam ketakutan, polis tidak dipercayai, bal.. blaa.. tak tau la.
percaya la, sekiranya rakyat hidup aman damai,bersatupadu, rakyat kaya, ekonomi baik.. negara akan lebih kaya, pemimpin juga akan menjadi lebih kaya dan kedudukan tidak akan digugat. tapi sebaliknya.. mcm mana rakyat nak bayar cukai kalau, cari makan pun susah.
salam untuk tun, pejuang bangsa dan negara.

40. *elisebelle tears*

June 29, 2008 at 9:50 pm | Permalink

Bangsa melayu sememangnya lemah, mudah lupa, pemalas (tidak semua tapi kebanyakannya). Jika Tun tidak menjadi perdana menteri dahulu, malaysia tak mungkin seperti sekarang (jambatan pulau pinang pun tak wujud kut)

41. *mzzainal*

June 29, 2008 at 6:34 pm | Permalink

I do not think UMNO is relevant in the way of life in our country. It is merely a forum for those who are dreaming for riches and self-interest. UMNO is not in the position to advocate social unity, nor is it in the position to lead this country. After all, it is only for PakLah, and the 4th floor. It is only for them that would greatly benefit.

UMNO needs to remember its position and history.
Perhaps it was relevant in the past, however I for one do not need UMNO. Nor would UMNO need people like me, after all it merely seeks Yes Men and those who willingly would nod their heads in silent.
National Unity can only be achieved with Vision2020. I firmly believe in this Vision, however unfortunately many people seem to have forgotten it, especially those in UMNO.

42. *fairuzstone*

June 29, 2008 at 6:32 pm | Permalink

Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi Silalah Berhenti Dengan Kadar Segera!! Kami Dah Letih Nak Cakap Dah, Tolonglah Selamatkan Negara Kita Ini Dengan Meletakkan Jawatan Itu Saja, Tak Susahkan?

43. *arik*

June 29, 2008 at 5:00 pm | Permalink

Itulah hakikatnya Malaysia. Saya masih menyalahkan bangsa malaysia kerana kerajaan yang kita pangkah selama ini adalah bodoh sebenarnya semua ini kerana bangsa kita adalah bangsa yg lemah sebenarnya selalu tidak boleh menilai utk kebaikan asal bn sokong bila dah terjadi begini dan tak sehaluan masing-masing menyalahkan sesama sendiri. Apa pandangan saya sebenarnya generasi muda seperti saya memang tidak menyokong bn lagi utk kebaikan generasi akan datang kerana apa yang saya nampak kalau generasi sekarang masih seperti generasi dulu malaysia akan hancur kerana pemikiran pemimpin tidak ada standard sebagai seorang pemimpin itulah yg che det pilih dari awal saya tidak bersetuju dah nampak apa akan berlaku pada malaysia dan hari ini sudah terbukti apa yang terjadi pada negara kita . Dan apa yang patut generasi seperti saya lakukan ialah memberi kemenangan kepada parti lain supaya negara kita ada persaingan dari segi kepimpinan parti barulah kita dapat mencapai objektiv standard pemimpin dan persaingan yang sihat dikalangan parti. Kalau kita tak lakukan dari sekarang negara kita menuju kehancuran sebenarnya akan berlaku penyalahan guna kuasa serta tidak mendengar suara rakyat akhirnya rakyat yang tertindas. Dan siapakah yang patut kita salahkan bila ini terjadi sebenarnya rakyat lah bersalah kerana memberi kuasa melampui batas. itulah pandangan saya

44. *Abdul Hayee*

June 29, 2008 at 4:14 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,
Pendapat Tun mengenai perpaduan amat tepat sekali. Kalau keyakinan orang Melayu kepada pemimpin mereka sudah hilang, bagaimana boleh kita menyeru untuk berpadu sedangkan penyakitnya tidak diubati. Penyakitnya ialah mereka hilang keyakinan kepada pemimpin. Maka jalan yang patut diambil ialah pemimpin itu harus ada rasa tanggungjawab kepada bangsa negara dan tanahair dengan melepaskan jawatan secara sukarela kerana sudah sah, terang dan nyata bahawa kepimpinannya gagal.
Insya Allah orang Melayu akan berpadu semula. Mudah-mudahan ALLAH beri petunjuk dan hidayah kepada pemimpin kita ini untuk membuat keputusan yang bijak dan bertanggungjawab. AMIN!

45. *my2mine*

June 29, 2008 at 3:35 pm | Permalink

Assalamualaikum,
Saudara Tun, meskipun apa yang berlaku ketika ini di Malaysia saya kira punya ibrah yang besar. Mungkin dari mata kasar kita sebagai manusia melihat apa yang berlaku seolah-olah perpecahan tapi mungkin juga kearah satu perpaduan yang lebih jitu.
UMNO dilihat sebagai parti teras orang-orang Melayu seolah-olah terumbang ambing ketika ini akibat tamparan PRU 12. Namun tumpuan pemilihan parti akhir tahun menjadi satu perjudian masa depan UMNO, adakah keadaan menjadi "retak menanti belah"? Begitu juga parti komponen utama dalam BN seperti Gerakan dan MIC melihatkan jeneral kanan mereka tewas sementara jeneral kanan MCA mengorak langkah untuk tidak mempertahankan kedudukan. Permintaan jeneral kanan MIC ketika ini seolah-olah duduk diluar BN. Mujurlah parti-parti etnik kecil di Timur umpama "lidi" yang mampu membantu menegakkan Kerajaan bagi permulaan separuh abad kedua MalaysiaKu.
Orang-orang Melayu sedikit demi sedikit hilang ketuanannya. Tapi sikap manusia bila senang dan mewah mengakibatkan kita lupa, tatkala tersepit "membujur lalu, melintang patah". Begitulah semangat dari zaman Hang Tuah. Tapi mampukah semangat Hang Tuah moden ini mempertahankan haknya? Kita tidak perlu lihat jauh, dari bilang syarikat-syarikat swasta yang berdaftar di Malaysia berapakah bilangan syarikat tersebut milik anak Tuah? Siapakah pekerjanya? Jika ada orang-orang kita, berapakah pendapatannya berbanding bangsa-bangsa lain? Itu tidak

dilihat dari iklan “Mandarin Dialect Only” atau “Chinesse Preferable”. Mungkin satu hari “Malayalam Dialect Only” atau “Tamil Preferable”?
Mungkin keadaan sekarang menjadi satu “turning point” untuk kita keluar dari “comfort zone” kita. Tapi tidak dinafikan jikalau banyak projek-projek besar terus dijalankan, yang meraih keuntungan besar syarikat Ah Chong atau sub-kontraktor Ah Meng yang tidak berdaftar langsung. Sekarang Mutu atau Raju dulunya membeli “scrap metal” tetapi kini mampu memandu S320.
Takkan datuk kita dulu jual goreng pisang generasi cucu masih juga dengan goreng pisang. MALAYSIAKU BAGI MILIKKU

46. *manhakim*

June 29, 2008 at 3:27 am | Permalink

Assalamualaikum Tun;
Berbillion project yang takdi selesaikan oleh Paklah. Jambatab ke Singapura kalau siap akan jadi salah satu jambatan bengkok paling unik dan menarik .Tak ada siapa buat jambatan macam tu kecuali Malaysia saja.Kapal dagang boleh terus ke Tanjung Pelepas, air bebas mengalir dll.
APA PROJECT BAWAH PAKLAH SIAP?? BERBILLION KELUAR DAN TAK NAMPAK APA HASIL YANG BOLEH KITA BANGGA.
Sanggup hentikan project@ penting kat P.Pinang cuma tak sanggup nak kata batal atau defer sebab Penang bukan bawah BN lagi. Bukannya nak jimat cuma nak kroni dapt tempias kut…..
Jawab PaklaH.
Manhakim

47. *vincent*

June 28, 2008 at 9:31 pm | Permalink

Salam Tun,
Perpaduan asal daripada kepecayaan, kepecayaan asal daripada kelakuan sendiri, untuk menentukan kelakuan baik atau sebaliknya ,buatlah apa yang cakap , bukan setakat bangsa melayu shj.
Sebagai pemimpin, yang asal pun xtahu, macam mana boleh memimpin.
Cakap xnak kahwin, tapi…
Cakap xsampai masa undi, tapi…
Cakap minyak sampai bulan ogos xnaik, tapi…
Cakap nak letak jawatan, tunggu apa lagi, durian bulan depan pun nak jatuh.

48. *WADY*

June 28, 2008 at 4:42 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,
Saya akan tetap menyokong Tun dulu kini dan selamanya kerana pada pandangan saya hanya Tun sahaja yang layak digelar pemimpin di Malaysia….
Memang org melayu skarang dah berpecah belah…. kita sepatutnya bersatu kerana ada pihak yg menunggu kita kucar kacir untuk manangguk di air yg keruh….. pikir-pikirkanlah wahai bangsaku…

49. *Tun Jebat*

June 28, 2008 at 11:43 am | Permalink

YAB TUN DR M,
Ringkas saja hari ini…
Pasal ada Panglima Ibrahim Ali dan Warrior Matthias Chong yang berani secara official melalui laporan Polis untuk menidakkan Hakim 'NO Intregiti' Ian Chin.
Rupa-rupanya ada lagi manusia yang "Berani Kerana Benar" dalam bumi Malysia ini.
Pasal Kedua…Cerita Orang Terdesak…sampai terpaksa upah orang naik motor panas-panas terik ( 33′ Cel)just semata-mata nak dapatkan tandatangan sokongan pemimpin-pemimpin UMNO Negeri.
Rupanya ada orang yang lagi panas dari itu.. Kembara Perpaduan Melayu Semenanjung..dengan orang upahan: Kononnya 70 Profesional Melayu dari Gabungan Badan Bukan Kerajaan.
Ulasan: Zaman IT ini ada lagi orang buat macam tu…May be dia takut nak buka Blog sendiri…Orang UMNO kini, jenis kalau minta sign…tambah-tambah nak sokong PM…depan kita mesti sign punya…belakang kita 12% saja yang sokong ( Ambil Data dari laman Blog DrKhir.com di mana Pak Lah di vote untuk Keluar sebanyak 88% )
PS : Untungnya Rakyat Malaysia : Derhaka kepada Agung macam Salleh Abbas pun dapat Ex-Gratia. Cuba kalau benda begini berlaku di Thailand.

50. *WongKito*

June 28, 2008 at 11:33 am | Permalink

Yg amat berbahagia Tun,
PERPADUAN UMNO
1. Untuk membina perpaduan dalam UMNO kita mesti mengetengahkan Islam sebagai simbol perpaduan. Islam hanya satu. Idea Hadhari adalah baik tetapi satu kesilapan yg nampaknya memecahbelahkan UMNO dan Melayu.
2. Dulu UMNO dikampong2 dipelopori oleh Pak Imam, Tok Bilal, Tok Siak, Cikgu2 Sekolah. Sekarang UMNO dikampung2 dipelopori oleh peniaga2, kontraktor2, Ahli koprat atau orang2 yang mempunyai kepentingan pribadi dan menunggu projek kerajaan untuk mengaut keuntungan dan kekayaan. Ahli Parlimen, ADUN, Ketua cawangan dan bahagian daripada UMNO kebanyakannya golongan ini. Ini amat merosakkan UMNO yang dilihat sebagai kronisme, rasuah, pentingkan kebendaan dan pembangunan material sahaja. Ada parti lain yang sudah menggunakan idea pembangunan UMMAH yang menitikberatkan unsur bukan kebendaan dan mula mendapat tempat dalam kalangan orang Melayu. Maka harap TUN dapat fikir2kan dan suarakan.
3. Orang Melayu dikampung amat perlukan kemudahan asas seperti jalan, mesjid, paip air, elektrik, tempat rekreasi dan peluang pekerjaan. Nampaknya jalan2 dikampung belobang sana-sini, parit sebu, longkang tersumbat, tiada kemudahan telefon awam, tiada kemudahan tempat rekreasi. Sungai tempat menangkap ikan/udang dah habis musnah, pantai2 kotor. Ini semua menyusahkan orang kampung kerana kemudahan asas masih kelas ketiga.
Orang kata kalau nak ubah sistem mesti ubah betul2 jika tidak ubahlah pemimpin, betul ke?.
Org Kampung

51. *nuryus*

June 28, 2008 at 9:55 am | Permalink

Salam Wan Det …
Saya sayang sangat2 kat Wan Det.. Masa Wan Det undur diri dulu, benda2 camni la yang saya takut. Paling takut DSAI ambil alih kerajaan. Wan Det jadi la PM balik huhu..
Walau macam mana pun, Wan Det teruskan agenda Wan Det dan saya serta seluruh keluarga akan sentiasa di belakang Wan Det sebab saya tahu apa yang Wan Det buat adalah untuk kebaikan semua terutamanya orang Melayu sekaligus semua hamba Allah.
Semoga Allah panjangkan usia Wan Det.. Amin Ya Rabbala’lamin..

52. *Zammy*

June 28, 2008 at 2:34 am | Permalink

Salam Tun,
Saya disi amat hampa dengan apa yang berlaku sekarang. Harga menjulang naik tanpa dikawal. Di tv tiada lagi berita meletup tentang naiknya harga barang. Di waktu Tun dahulu baru naik 10sen 20sen berita kat tv kat surat khabar tulis meletup2 mcm nak kiamat. Tapi skrang naik sampai 50sen hingga RM 1 ringgit tak keluar pun berita. Apa dah jadi dengan media kita. Perpaduan yang Tun harapkan itu bole berlaku dengan hanya satu cara iaitu perlu semarakan semangat bangsa kita seperti diwaktu menuntut kemerdekaan seperti yang Tun telah katakan. Perpaduan itu amat penting. Ramai tidak amik peduli dengan apa yang berlaku kerana takut diugut. Semua menteri yang menentang PM(boneka anak beranak die) akan terus diugut dengan siasatan oleh BPR. Bagaimana perpaduan hendak dibina kerana hampir semua pemimpin yang dilantik rakyat cuba bermain selamatkan diri sahaja. Ini amat menghampakan saya. Takan la malaysia perlu memerlukan sejarah seperti negara asing dimana rakyat mereka bangkit dengan mengunakan kekerasan menghancurkan kerajaan yang sedia ada. Kita tidak ingin itu berlaku. Pada waktu ini kita perlukan perpaduan yang dibentuk secara aman supaya apabila perubahan kuasa pimpinan berlaku ekonomi kita masih teguh dan pihak asing yang ingin melabur di malaysia tidak lari kerana perubahan yang berlaku berlangsung dalam keadaan yang aman damai. Bodolah itu ingin memuaskan semua pihak tertapi seperti satu perpatah “keluar poket kanan masuk poket kiri”. Maka sama sahaja nilai duit yang kita ada di diri kita. Contohnya subsidi minyak. Subsidi tue ditarik tapi akhirnya dibayar semula kepada rakyat melalui Tunai bukan lagi melalui minyak itu sendiri. Bila kita lihat ianya sama sahaja kerana akhirnya kerajaan terpaksa keluarkan duit dan bayar terus kepada rakyat. Kerajaan kita telah miskin. Ini kerana gara-gara ingin merasuah org sana sini untuk menyokong “dia”. Semua penyokong “dia” dapat ape yang diorang hendak, tapi disini satu soalan…duit yang diberikan pada org “dia” tue duit poketnya sendiri atau duit dari rakyat? iaitu cukai yang kerajaan tuntut dari rakyat setiap tahun. Maka disini kita telah lihat banyak penyelewengan berlaku. Disebabkan itulah Tun meminta PERPADUAN perlu ada dikalangan bangsa kita ia untuk meyelamatkan negara ini daripada menuju ke arah ape yang negara musuh kita kehendaki. Ia itu “KEMUSNAHAN TOTAL” atau “TOTAL DESTRUCT” dimana tiada lagi pembagunan yang bole kita bangunkan. Maka dengar la semua manusia yang bergelar RAKYAT MALAYSIA kita perlu bersatu-padu wujudkan perpaduan untuk melindungi NEGARA MALAYSIA yang dicintai ini. Bangun lah….
Salam dr Z

53. *shukor*

June 28, 2008 at 1:59 am | Permalink

wasalam tun,
Kalau nak di bincang perpaduan melayu….ianya terlalu infinit. selagi ada yang berani bersuara, tampilkan muka dan coretkan pena utk bangsanya…selagi itu ethik melayu kekal. Tapi kekal dalam jurusan apa…saya pun tahu…..pasal banyak sangat yang di perjuangkan untuk melayu. samada kepentingan melayu ataupun mahupun kepentingan melayu popular. alhamdullillah….yang menjadi itu lebih daripada yang tercicir. Malah yang tercicir itu menjadi besar bilangan apabila segolongannya tersungkur lalu terus tercicir….Ini yang menampak kita jauh daripada bangsa-bangsa lain….kurang perpaduan….macam pepatah melayu ada berkata…masa senang kawan seriba masa susah……no talipun pun dia dah delete…
Ini atas pengalaman dan pendengaran…wasalam tun

54. *Critique*

June 28, 2008 at 12:20 am | Permalink

why did he always mention MELAYU? isn't it only Malay exist in his mind? yes, malays are the majority population in the country. but then it is not enough if only the malays are united. what about other races in malaysia? Come on, Malaysia is a multiracial country and every MALAYSIAN must unite and not only the MELAYU. Should I say that DR Ma is an ethnocentric person? do not always mention melayu! say MALAYSIAN!
leadership is not the main reason for the election setback but are the policies. malaysia always enforce policies that are only beneficial to certain groups of people with similar 'traits' for the past 20 years (under YOUR leadership). that's why the government is losing people's confidence, trust and supports because majority, including Bumiputeras are not treated fairly as what a citizen should get from the government. today's malaysia's situation is the aftermath syndrome of past 20 year policies run in the country.

55. *Anak Kedah*

June 27, 2008 at 10:29 pm | Permalink

Assalamualaikum…
TUN saya sayang dan sanjungi anda……
Bagi Tun anugerah Allah yang jarang-jarang kali dijumpai…
saya keliru dengan sikap orang kita yang tidak nampak kejujuran TUN.. Pening saya, orang luar mengagung-agungkan TUN. Lagi satu, siapa TUN MUSA. Layakkan dia digelar Tokoh penting hingga mengetuai delegasi Tokoh-tokoh

Penting. Apa jasa dia? Saya yakin kerajaan terpaksa, kerana kalau TUN yang mengetuai mesti TUN akan lebih terkenal. Pak Lah hanya mencari glamour dan kekayaan ja, itu pasal dia menyekat lalu TUN yang bernas ni. HIDUP TUN!! Moga Allah Melimpahkan Rahmat Dan Kesihatan Yang Baik Kepada TUN berdua.. Amin….

56. *muslimah_262*

June 27, 2008 at 8:14 pm | Permalink

May I allude readers to a more sinister "entity" in our own backyard (it's not Pak Lah).You can form your own conclusions.To destroy the unity and wealth of Malays and Malaysians via IMF and its associated networks and "foundations": http://www.larouchepub.com/eiw/public/2005/2005_10-19/2005_10-19/2005-17/pdf/60-62_17_int.pdf
TUN, you are our hero that saved us from abject poverty and free-fall devaluation of M'sian currency during the 1997-1998 crisis by REJECTING the IMF (and IMF's ardent supporter, Anwar).

57. *mcguyver99*

June 27, 2008 at 4:08 pm | Permalink

Bagus Tun!!! Bagus!!!
Mari kite bersatu-padu singkirkan "Pemimpin" yang lemah ini!!! Cume satu call aje dari Tun, kite semua keluar utk berdepan dan berjuang utk Malaysia!!!

58. *ARbAK*

June 27, 2008 at 3:53 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun, Tun Siti dan Semua Rakan Seperjuangan.
Sugguh benar apa yang Tun katakan. Namun demikian mereka yang dimaksudkan masih memekakkan telinganya dan membutakan matanya akan kecelakaan yang akan menimpa. Seruan kepada kebenaran tidak diendahkan langsung. Mata hatinya sudah buta oleh hawa nafsu syaitan.
Sekali lagi saya katakan bahawa adakah semua yang berlaku ini tidak diketahui dan di luar kuasa Allah swt???
Maha suci Allah yang maha mendengar, maha melihat lagi maha berkuasa.

Sehelai daun kering gugur dimalam yang gelap gelitapun Allah swt tahu,pokok mana, dahan mana,ranting mana,daun mana, hutan mana, jam/minit/saat/detik berapa in gugurpun Allah swt tahu. Inikan pula apa yang berlaku sekarang ini. Cuma kita manusia yang jahil
Yang Dikasihi Tun, seperti saya katakan dahulu, Allah swt jadikan tiap-tiap suatu itu berpasang-pasangan. Siang/malam, bulan/ matahari………. dan jahat/baik ( Nabi Ibrahim a.s/Namrud, Nabi Musa a.s/ Firaun, Nabi Muhammad saw/Abu Lahab )
Dengan adanya perbezaan dan perbandingan ini maka timbullah perjuangan dan pengorbanan. Dalam erti kata lain, dengan adanya satu puak yang melakukan penipuan, kerosakkan dan kezaliman maka timbullah satu puak lagi yang memperjuangkan kebenaran,kebaikan dan keadilan.Dalam konteks apa yang berlaku pada masa ini bolehlah kita simpulkan; yang Kumpulan DSAAB di sebelah kiri manakala Pihak Tun/Kita di sebelah kanan.
Didalam usaha kita memperjuangan kebenaran, kebaikan dan keadilan sudah pasti kita akan diuji oleh Allah swt dengan berbagai halangan. Namun kita jangan gentar dan mengaku kalah. Lakukanlah sebaik mungkin tetapi sentiasa ingat dan yakin (Hakkul yakin) bahawa
1. Allah berada di pihak yang benar walaupun dianya seorang.
2. Kebenaran akan mengatasi kebatilan akhirnya.
3. Pengorbanan yang suci akan diterima Allah swt
4. Tidak akan berlaku se suatu itu tampa izin Allah swt
Semoga Allah swt memberi taufik dan hidayah- Nya kepada Yang Dikasihi Tun dan Rakan2 Seperjuangan semua. Amin

59. *matmelaya*

June 27, 2008 at 2:31 pm | Permalink

Akum Tun,
Saya rasa Tun buat je satu sidang akhbar, dan umumkan Tun akan kembali ke dunia Politik! Bukan saja Paklah gelabah, yang beria-ria nak ganti paklah pun gelabah. Ni cadangan saya sebagai layman je
Wasallah tun

60. *Mohamad Noor Mohar*

June 27, 2008 at 12:55 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun Dr Mahathir serta Ibu Dr Siti Hasmah
Terlebih dahulu saya mendoakan Tun sekeluarga berada

dalam sihat sejahtera dan di lindungi Allah..Amin!!
Umum mengetahui perpaduan tidak dapat di kecap tanpa penglibatan semua pihak. Perpaduan hanya boleh di raih melalui persefahaman dan di buang sikap ego dan keungkalan.
Kalau ia dapat di sepakati melalui rundingan dengan dada terbuka pasti ia dapat di kecap. Bicara memang mudah tapi kita harus ingat.Teori dan praktikal tidak sama.
Saya harap Tun dapat menerajui barisan perpaduan ini.
Tanpa mengira fahaman ideologi. Untuk menyatukan rakyat memang tidak mudah apatah lagi membentuk negara. Tapi untuk memecah belahkan negara hanya perlu sedetik saja.
Akhir sekali, saya harap Tun sudi ke blog saya dan memberi komen pada 'posting' saya. Komentar Tun amat di hargai kerana walau saya warga Singapura
tapi kepimpinan Tun meninggalkan kesan mendalam pada diri saya apatah lagi saya berusia 12 tahun ketika Tun memimpin Malaysia dalam tahun 1981. Terimakasih dan salam sejahtera
OPEN ID URL : http://rintihanbochakcilik.blogspot.com/
Melalui Google Search engine
Mohamad Noor Mohar

61. *Jembalang Tanah*

June 27, 2008 at 12:41 pm | Permalink

Assalamualaikum YB Tun DM,
Saya amat kagum dengan kebolehan dan kebijaksanaan Tun serta keberanian Tun dalam menyuarakan apa sahaja tindakan yang Tun rasakan tidak wajar.
Cuma ingin saya dapatkan kepastian daripada pihak Tun, ADAKAH TUN MEMBACA SETIAP KOMEN/ PANDANGAN KAMI INI ATAU SEKADAR RUANGAN INI HANYA UNTUK DI ISI DAN DIPENUHI TANPA SEBARANG MAKLUMBALAS?
Bukan niat saya untuk mempertikaikan niat murni Tun, cuma sampai sekarang kami masih belum nampak sebarang maklumbalas atau apa2 usul yang telah kami lontarkan kat sini daripada Tun.
Adakah kelulusan penyiaran komen kami ini di buat secara automatik (system approval) atau Tun sendiri yang meluluskannya?
Mohon Maklumbalas drpd Tun untuk kepastian kami sekalian supaya setiap apa yang kami curahkan di di sini tidak seperti mencurahkan air ke daun keladi.
Sekian, Salam Hormat

62. *Fadzly*

June 27, 2008 at 12:01 pm | Permalink

Salam… Sememangnya Parti keramat ini sedang diuji dan diperlakukan dengan keadaan yang menyakitkan hati masyarakat Melayu. Bukan salah parti, namun persoalannya dimanakah pemimpin yang benar dalam parti bagi meneruskan kesinambungan perpaduan Melayu hari ini.
Pemimpin datang dan pergi, biarlah yang datang dan pergi ini sehaluan dengan inspirasi rakyat Malaysia. Benar kata Tun, Melayu sekarang makin tenat dan menyeksakan. Terlalu banyak dugaan yang menimpa sehinggakan parti ini tidak relevan lagi untuk ditegakkan dan disanjung keutuhannya.
Namun ingat, disebalik kerasukan parti lawan menjahanamkan perpaduan parti, lebih memeritkan orang yang menjadi tunggak dalaman perti juga bertindak sedemikian malahan lagi teruk dan hal ini menilai semula adakah kejatuhan ini berpunca daripada diri sendiri.
Saya generasi yang akan datang, mengakui ketinggalan dan kurang kompetitif dengan bangsa yang lain. Hal ini kerana hasil akuan setia kepada pemimpin tertinggi tanpa ada sesuatu yang menjadi titik penanda kepada aras kesetiaan tersebut. Akhirnya menjadi orang yang sentiasa mengatakan benar walaupun kadangkala iainya tidaklah benar seperti yang di duga.
50 tahun kemerdekaan bukanlah masa yang lama untuk orang Melayu menunjukkan hasil kemerdekaan yang menakjubkan. Kita masih terbelenggu dengan bentuk penjajahan. Masa kini pula dijajah oleh bangsa sendiri yang menyekat kebebasan atas dasar kesetiaan. Namun, disebalik kesetiaan ini, kita berada kemabali dalam era yang sama semasa penjajahan.
Sedarlah…..
Kehilangan kepercayan makin meresap ke dalam fikiran generasi muda untuk tidak setia kepada kerajaan yang sediada. Buatlah sesuatu untuk mengembalikan kepercayaan kepada masyarakat. Walaupun adil kini menjadi alternatif namun keadilan yang lepas belum terbalas kepada bangsa yang runtuh akibat kerakusan bangsa lain terhadap orang melayu. Kini ia hadir kembali untuk mengintai peluang pada sisa-sisa perjuangan yang lepas untuk meneruskan kerakusan atas bangsa Melayu.
Tunggulah sehingga wujud kumpulan yang benar-benar jujur untuk memimpin negara dan harapan ini hendaklah disegerakan.
sekian… terima ksih Tun.

63. *Shamsulfahmi Shamsudin*

June 27, 2008 at 11:45 am | Permalink

Salam….
Tun, saya sebagai “orang biasa” tahu apa yang Tun cuba perjelaskan… Akan tetapi, yang saya kesalkan ialah saya tidak mampu untuk melakukan apa-apa selain memerhati… Saya “orang biasa”… Tiada siapa yang akan peduli tentang

apa yang saya fikirkan tentang situasi yang kita hadapi sekarang..
Bagaimana “orang luarbiasa” seperti Tun boleh memberi ruang kepada saya “orang biasa” untuk melakukan sesuatu?
Saya “orang biasa” teringin melakukan sesuatu yang “luarbiasa” dalam hal ini..
Wassalam..

64. *Shamsulfahmi Shamsudin*

June 27, 2008 at 11:44 am | Permalink

Salam….
Tun, saya sebagai “orang biasa” tahu apa yang Tun cuba perjelaskan… Akan tetapi, yang saya kesalkan ialah saya tidak mampu untuk melakukan apa-apa selain memerhati… Saya “orang biasa”… Tiada siapa yang akan peduli tentang apa yang saya fikirkan tentang situasi yang kita hadapi sekarang..
Bagaimana “orang luarbiasa” seperti Tun boleh memberi ruang kepada saya “orang biasa” untuk melakukan sesuatu?
Saya “orang biasa” teringin melakukan sesuatu yang “luarbiasa” dalam hal ini..
Wassalam..

65. *vendeta*

June 27, 2008 at 11:03 am | Permalink

V FOR VENDETA……………

66. *ciksitiwanmelor*

June 27, 2008 at 10:32 am | Permalink

Salam Ayahanda Tun…
Saya sokong Ayahanda Tun 100%…but, what we as rakyat biasa can do? Hanya doa yang mampu dipanjatkan kepada Yang Maha Kuasa agar tanahair yang tercinta ini kembali selamat, aman makmur dengan kepimpinan yang baru….
Semoga Allah mengurniakan kesihatan kepada Ayahanda Tun & Tun Hasmah yang sangat dikasihi….kenangan yang tidak dapat dilupa dapat melihat Ayahanda Tun di LIMA 99, Langkawi….

67. *ANAK-DAMIT*

June 27, 2008 at 9:22 am | Permalink

Rakyat Malaysia!! sila tunjukkan undi tidak percaya anda terhadap pimpinan pak lah..
http://www.afundi-paklah.blogspot.com
tunjukkan majoriti rakyat malaysia mahukan pak lah meletak jawatan!!

68. *maksulong*

June 27, 2008 at 8:52 am | Permalink

salam Tun.saya ini adalah golongan yang telah memangkah parti lawan.bukan sebab tak suka BN,masalahnya saya tak suka AAB..disebabkan kenaikan harga minyak dan kenyataa2 yang flip flop saya dah menyampah tengok muka dia kat TV.Saya tak faham mengapa pemimpin yang ada pada masa kini tidak mengerti tentang apa yang telah diberitahu oleh rakyat pada PRU12 yang lalu.Pemimpin yang ada ni dok ampu Si Dolah tu.Geram betul….dgn menantunya Si KJ tu..Pak Lah macam tah dak t*&#@ ke??Yang kita risaukan adalah generasi yang akan datang.Kerajaan yang ada pada masa kini full of corruption,kaki bodek,buta bijik mata..boleh dikatakan setiap hari saya dgr pd PRU13 nanti BN akan kalah teruk…Tun perlu lakukan sesuatu….

69. *muschemun*

June 27, 2008 at 4:16 am | Permalink

Assalamu’alaikum Tun yg amat saya hormati
Saya amat memahami bahawa Tun adalah seorang manusia biasa yang tidak dapat lari daripada membuat kesilapan. Saya amat menyanjungi khidmat yang telah Tun berikan tetapi sebagai rakyat biasa, saya ingin memberikan sedikit komen. Jika sudi, silalah jawap secara personal kepada email saya. Harap maafkan saya jika rentetan saya
menyinggung perasaan Tun.
Saya rasa pemilihan PM melalui tradisi sudah tidak lagi releven.
Kesilapan melepaskan jawatan PM kpd si badwi adalah seperti “harapkan pagar, pagar makan padi.” Tunjuk alim tapi alim kucing.Kita sudah pun kehilangan sebuah negara dan yang tinggal adalah sebuah kampung yang bernama Malaysia

yang diperintah olih seorang penghulu(atau mungkin juga Tok Siak). Segala perancangan yang dipersetujui sebelumnya telah dicantas untuk kepentingan peribadi keluarga penghulu kerana kepentingan rakyat tidak penting.
Kesilapan memilih MB "penyapu" yang pembersih kerana beliau seorang yang amat tinggi pelajarannya hingga tidak dapat membezakan antara "penyapu" dengan "pembersih".
Kedua2 perkara diatas amat meruntun hati saya. Kuasa yang diberikan telah disalah gunakan dan pada pilihanraya yang lepas, seisi keluarga saya telah memilih pihak pembangkang untuk kerusi DUN sebagai tanda protes. Saya tidak pernah memilih wakil pembangkang sebelum ini. Saya gembira kerana protes itu berkesan dengan jatuhnya
lima negeri ketangan pembangkang. Akan tetapi, Si badwi buat2 tak tau dengan membutakan mata, memekakkan telinga dan menutup hatinya utk memahami perasaan kami yang amat terluka kerana si badwi pentingkan keuntungan peribadi serta keluarganya.
Keadaan ekonomi sekarang yang tidak terkawal lebih menghimpit kami.
Saya seisi keluarga telah menetapkan akan memilih pembangkang untuk kerusi DUN dan juga Parlimen pada pilihanraya akan datang.
Apakah ada pilihan selain ini ?

70. *Ah Tech @ Mamad*

June 26, 2008 at 11:03 pm | Permalink

"YANG SALAH DILIHAT BETUL"
Salam Tun, Madam Tun & all,
Sejak kebelakangan ini, apabila 'bertambah kuat' pengaruh anak Pak Lah, KJ & konco2nya dalam UMNO, semakin jelas keburukan dan kesalahan yg dilakukan mereka. Semakin hebat 'rahsia2′ dan kisah buruk mereka ini disebarkan & dikongsi diantara ahli UMNO.
Tetapi apabila tiada tindakan yg diambil, tiada perbicaraan yg dilakukan & tiada hukuman yg dijatuhkan oleh pihak tertinggi, yg lain2 mula merasakan apa yg lanun2 ni buat, salah; tapi 'tak mengapalah'….
Lama-kelamaan bila dah berterusan, mereka pun anggap cara lanun2 tu betul dan mula meniru. Nak dapat imbuhan cepat, mereka pun berkawan dengan lanun2 ni.
Lagi teruk, ramai yg dah pikir "Apa yg KJ buat tu betul la… kalau aku jadi dia, aku pun buat macam dia tu malah lagi hebat lagi!!"
So tak lama lagi dalaman UMNO akan makin kronik! Budaya kotor macam ni dah semakin berleluasa dan seterusnya pemerintahan negara jugak korup kerana yg 'salah dilihat betul!!'
Tun boleh komen sikit… "layari_net@yahoo.com.my"
Salam!

71. *rezala*

June 26, 2008 at 11:01 pm | Permalink

Salam Tun, Semoga sihat selalu. Saya merupakan peyokong Tun dari zaman pemerintahan Tun sehingga ke hari ini. Bercakap mengenai perpaduan saya berasa amat terkilan dengan pemerintahan Pak lelah hari ini. Kerajaan Pak Lelah hari ini cuma kerajaan syok sendiri dikalangan menteri2 kabinet kerajaan BN yang menyokong ketua mereka dengan membabi buta. Semua takut untuk bercakap perkara yang benar. Saya sendiri meupakan ahli umno yang berdaftar semasa zaman Tun berasa kini BN dibawah kepimpinan Pak lelah sudah tidak relevan lagi. Rakyat sangat2 meluat dengan cara pentadbiran kerajaan sekarang. Wassalam…. Hidup Tun…

72. *emonsys*

June 26, 2008 at 10:59 pm | Permalink

please spend your old age nicely,donot create unnessarry problem,better prepare for your next life,u have earn enough and create problem enough,just retire and wait for your day.YOU ARE NOT GOD and wait for your judgment day

73. *Ah Tech @ Mamad*

June 26, 2008 at 10:17 pm | Permalink

Salam Tun , Madam Tun & all,
"By azmany on June 26, 2008 4:42 AM"
Thanks 'azmany' for your posting. Its very insightful thought dan bernas. Satu perspektif yg nampak relevan dan wajar diberikan perhatian. Thanks again!

74. *sharmilen*

June 26, 2008 at 8:42 pm | Permalink

Dear Tun,
Though am a non malay but have been your fan since teenager.Go On Tun fight

them all and be victorious again and please bring back dignity & respect to our beloved country Malaysia again.TUN BOLEH !

75. *GOMO*

June 26, 2008 at 7:59 pm | Permalink

SAYA SUDAH DAPAT MENGENALPASTI SIAPA ANTIMAMAK.
ANTIMAMAK NI SEBENARNYA TEMAN ANWAR TOT!!!
BUKAN TEMAN BIASA, TAPI TEMAN YANG ISTIMEWA DAN MESRA!
SEMASA KES ANWAR DAHULU, ANTIMAMAK NI PUN ADA SEKALI.
TAPI MUKA DAN CERITA ANTIMAMAK NI TAK MASUK TV DAN SURAT KHABAR!!!
ITU PASAL LAH ANTIMAMAK NI BENGANG KAT TUN!!!
PASAL TUN DIA TAK GLAMOUR MACAM TEMAN SUNTUT YANG LAIN!!!
KESIANNNN
SEKARANG NI ANTIMAMAK NAT TRY PAK LAH NGOK PULAK!!!
TAPI DENGAR KATA TAK DAPAT!!!
SEBAB K.J. DAN NAZRI DAH BOOKING UNTUK BERKONGSI KASIH DENGAN ANTIMAMAK NI!!!
BAIK PUNYA…….

76. *silent_voters*

June 26, 2008 at 6:56 pm | Permalink

Sorry Tun, ter 'forgot'.
Who wan't to volunter to be the AJK.

77. *silent_voters*

June 26, 2008 at 6:51 pm | Permalink

salam Tun.
Apa yg terjadi sekarang ialah 'PERPADUAN'
1 . Dibeli dengan jawatan.
2 . Disogok dengan kemewahan.
3 . Dibuai dengan kewangan.

4 . Diupah dengan keraian.
5 . Dipaksa dengan ugutan.
Kasihan…..rakyat merana, menderia, terseksa, tertekan, bercelaru, haru biru, bercerai berai.
Perpecahan … keluarga, pekerjaan, masyarakat.
Ingin cadangkan lantik satu AJK mengumpul maklumat menentang DSAAB, bukan UMNO. tugas ajk mengumpul e-mail semua pengunjung dan memikir langkah yg boleh dilaksanakan. Apa2 tindakan dihantar kepada senarai e-mail untuk tindakan bersama. PERPADUAN

78. *KGB2020*

June 26, 2008 at 6:12 pm | Permalink

Salam Tun,
Semoga di beri rahmat dan sentiasa sejahtera.
"Coming together is a beginning, keeping together is progress, working together is success " -Henry Ford-
Malayu,in coming together stage pun belum lepas, keeping together and working together masih kabur lagi.
You have tried your best to change malays mindset while you were Prime minister, tapi melayu mudah lupa, yang hairan nya, yang lupa itu orang orang muda, orang tua tidak akan lupa, tetapi jangan pelik ada juga orang tua yang buat buat lupa.
Tun umur 82th pun masih belum lupa.

79. *emville*

June 26, 2008 at 5:58 pm | Permalink

Betul tu Tun. Selagi Melayu tak bersatu, selagi itu lah Malaysia akan lemah.
Teruskan menulis disini dgn idea2 yg bernas dan bertanggungjawab.

80. *malan3395*

June 26, 2008 at 5:52 pm | Permalink

Dear Tun…,,
Sy dh pns ni. Rs nk triak kt dpn PLah sruh dia resign.

Tun sy ada idea. Cb Tun buat demo kta org skog pnya, dh tntu ada 2 juta org nnti. Pastu Tun jd PM blik. Tk lm 5 thun je utk stbilkn kadaan. Selain menylamatkan kta Tunnya nma 1 dunia knl bleh cpta rkod lg dh brenti naik blik. Klau nk wat demo On je bl2 kitarang bleh
trun. Yg penting halo.

81. *deeno*

June 26, 2008 at 5:39 pm | Permalink

Hidup Mahathir!

82. *kamal ahmad*

June 26, 2008 at 5:35 pm | Permalink

semasa saya belajar di luar negara dulu saya guna duit sendiri. macam-macam kerja halal saya buat. saya marah dengan orang melayu ketika itu. tapi apabila saya pulang ke Malaysia pada tahun 1987 saya dapat melihat sendiri bagaimana tun pada ketika itu bertungkus lumus untuk membangunkan bangsa melayu. proton pun ada dah. melayu dan Malaysia dikenali di dunia. tak payah lagi saya bawa diari kecil dalam poket untuk nak tunjuk kpd mat salleh yang bangang dimana terletaknya Malaysia. tak payah lagi saya kata Malaysia is in between Vietnam and Singapore. saya kata dengan megahnya MALAYSIA! saya bangga menjadi orang melayu. melalui pendekatan tun yang menyeluruh, saya mula belajar semula siapa saya, asal saya dan arah saya perlu tuju. hari ini saya amat berbangga menjadi anak melayu. di Malaysia dan di pentas dunia. semua ini adalah kerana misi dan visi yang telah tun ilhamkan dan laksanakan. saya amat berharap dan berdoa agar tun akan dapat sekali lagi memperbetulkan keadaan hari ini. saya yakin tun mampu. seperti kata tun pada tahun 1991 dalam ucapan tun â œMalaysia, the way forwardâ : â œperjuangan ini masih belum selesaiâ . mengenali diri tun, saya yakin bagi seorang individu yang bernama Mahathir Bin Mohamed, tak akan ada noktahnya perjuangan beliau untuk bangsa melayu dan Malaysia. teruskan tun, kami sentiasa bersama anda.

83. *rossi*

June 26, 2008 at 5:24 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,
saya bersetuju sepenuhnya dengan apa yang ditulis Tun. Marilah kita bersama-sama berjuang kearah perpaduan Melayu.
Kenapa Pak Lah begitu angkuh dan tidak faham atas tanggungjawapnya yang beliau sepatutnya bertanggungjawap atas kekalahan teruk BN pada PR lepas.
To Pak Lah,
please…don't wait until it is too late and damage cannot be undone!
Anak DEB

84. *pakbelalang*

June 26, 2008 at 5:20 pm | Permalink

Dear Tun,
Perpaduan tidak mungkin akan berlaku dikalangan ahli-ahli UMNO khasnya dan seluruh masyarakat Melayu amnya jika sekiranya Pak Lah masih lagi kekal sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.Beliaulah yang menjadi penghalang utama. Beliau masih lagi didalam alam mimpinya, kononnya beliau akan membuat sesuatu untuk memulihkan UMNO yang telah dirosakannya. Pak Lah masih belum sedar lagi bahawa kemampuannya untuk menyelamatkan UMNO adalah sebagai angan-angan Pak Pandir.
Begitu juga dengan majoriti pemimpin UMNO yang lain dari peringkat MT, Bahagian dan cawangan masih lagi dalam "keadaan penafian". Mereka terpaksa berpaut kapada Pak Lah semata-mata kerana untuk menjaga kedudukan dan kepentingan diri mereka. Mereka ini semua adalah pengkhianat dan makhluk perosak yang tidak bermaruah.
Selagi pengkhianat didalam UMNO ini kekal berada di "comfort zone" dah tidak ada sesiapa yang berani bersuara lantang untuk "menendang", "menumbang" dan "menghalau" mereka keluar dari kelompok keselesaan maka akan berterusanlah UMNO dalam keadaan kegelapan, hanya menunggu masa sahaja untuk ditalkinkan.
Budaya pemimpin UMNO seperti diatas memang telah lama menular dan menjadi sebati dalam darah daging mereka. Ini adalah satu "penyakit" "kanser" yang memang susah untuk diubati sekiranya kita tidak dapat mencari "penawar" yang mujarab untuk mencegahnya dari merebak sehingga tidak dapat terkawal lagi. Jika ini berlaku maka akhirnya mereka akan " mati kejung" dan mengheret bersama parti yang dipimpin mereka. Penyakit ini adalah perbuatan mereka sendiri dan sepatutnya bolehlah dicegah jika mereka prihatin tentang "kesihatan" mereka.
Sekarang yang hanya boleh kita harapkan ialah supaya "mind set" ahli-ahli UMNO sendiri dapat berhijrah dan berubah nasib daripada keadaan jahil kapada keadaan yang "celek hati, celek mata dan celek pendengaran" supaya tidak lagi dianggap seperti ahli yang "pekak, buta dan bisu". Allah beri kita akal yang sempurna dan sebaik-baiknya supaya kita dapat menilai mana yang baik dan

buruk sebagai panduan untuk kesejahteraan hidup kita khasnya dan seluruh ummah amnya.

85. *toreff*

June 26, 2008 at 4:48 pm | Permalink

assalmaulaikum tun..
sesunguhnya kebenaran akan muncul..
tunggu dan lihat sahaja..
hidup tun!!!
u r brilliant malaysian!!!!

86. *izza zaidun*

June 26, 2008 at 4:42 pm | Permalink

assalamualaikum ayahanda, TUN DR MAHATHIR MOHAMAD.
saya adalah generasi muda yang lahir pada awal pemerintahan TUN. pada pendapat saya, bukan UMNO yang tidak relevan, tetapi pemimpin UMNO sekarang yang tidak relevan. saya secara peribadi TIDAK berminat langsung dengan cara pimpinan sekarang. semangat saya hilang. secara jujur, hati saya tidak terbuka untuk turun mengundi pada PRU 12 kerana saya hilang kepercayaan kepada UMNO. saya sayangkan MALAYSIA, tapi dalam masa yang sama, saya tidak dapat melihat dengan jelas kemana arah tuju negara ini dengan timbulnya bermacam-macam masalah angkara "DIA & KONCO2NYA"..

87. *azwaniakbar*

June 26, 2008 at 4:32 pm | Permalink

Assalamualaikum YB Tun DMM,
Saya kagum dengan semua hasil tulisan Tun. Sememangnya benar dan memberangsangkan!
Perpaduan yang kian pudar berlaku bukan sahaja di kalangan bangsa Melayu malah sesama rakyat Malaysia. Sungguh menyedihkan!
Saya dibesarkan semasa pimpinan Tun dan sedari kecil saya diajar konsep perpaduan. Dunia dahulunya mengagumi Malaysia kerana berani bersaing dengan negara maju lain! Sungguh mengagumkan! Malangnya, kini dunia hanya

digemparkan dengan berita ketidakstabilan politik dan ekonomi negara. Apa yang perlu dibanggakan?
Tidak salah jika saya katakan antara sebab utama Pak Lah dipilih sebagai PM dahulu adalah untuk menyatupadukan orang Melayu. Tetapi siapa sangka, keadaan menjadi semakin buruk di bawah pimpinan beliau.
Kini orang Melayu berpecah-belah, begitu juga dengan kaum lain. Apabila di minta Pak Lah melepaskan jawatannya, dia 'ego' dan bongkak mempertahankannya. Apabila disuruh memulihkan keadaan yang berlaku, dia 'janji' akan membawa perubahan. Tetapi persoalannya "Mana perubahannya?"
Mengapa Malaysia tidak boleh mengadaptasi polisi negara jiran, di mana bekas Perdana Menteri mereka (LKY) masih 'mempunyai suara' di negara itu? Saya pasti, jika polisi itu digunapakai di Malaysia, ekonomi negara pasti stabil.
Bersepadulah rakyat Malaysia! untuk kemajuan dan kemakmuran!
Teruslah menulis Tun untuk tatapan penyokongmu!

88. *dali*

June 26, 2008 at 4:22 pm | Permalink

konsep atau prinsip yang paling mudah untuk perpaduan adalah ibarat jari-jari tangan.
Kelingking – Jari Masin – Jari Tengah – Telunjuk – Ibu Jari.
Pusing-lah kot mana pun dari segi theory, practical atau logic. Kesemuanya ada tugasnya masing-masing secara tidak disedari atau disedari.
Banyak lagi contoh, perumpamaan, peribahasa yang boleh kita jadikan tauladan cuma antara mahu dah tidak. Yang kita nak tahu, siapa yang boleh telan dan buang ego masing2 untuk duduk bersama dan mulakan perbincangan?
Bila adanya brain-storming sebegini ;
1) no rangking is to be placed above anything else, semua sama, semua Melayu, semua pemimpin, semua wakil dari semua bangsa Melayu, dari segala negeri di Malaysia.
2) tak ada suatu syarat pun untuk pertemuan ini
3) yang patut hadir adalah mereka yang telah di pandang sebagai pemimpin Melayu, dari apa juga parti politik Melayu yang ada.
4) Kena ada orang tengah yang meneraju sidang sebegini yang mewakili semua Melayu bermula dari pihak Institusi Raja, politik, cendikiawan, ulama, ngo2, pegawai2 tertinggi Melayu dalam kerajaan, pendidik2, para profesional, ketua2 kampung, pelajar, mahasiswa, dan wakil rakyat biasa.
Tajuk – Kemana Hala Tuju Bangsa Melayu
1) Kita dengar apa agenda, perancangan, pandangan, tindakan yang telah dan akan diambil.
2) Kita dengar pula kupasan dan alasan kenapa boleh/talk boleh/tangguh dulu dsb
3) Kita dengar sebab akibat, impak, kesan dari itu
4) Kita tolak ketepi penyakit berbahaya – IDEOLOGI politik masing2.

5) Kita dengar tajuk pokok, cadangan, tindakan dan keputusan.
6) Kita capai persetujuan, dulukan yang patut, tangguh yang lain dan follow-up seterusnya.
SOALNYA – BILA NAK MULA?
- Kita tengok sendiri siapa pemimpin Melayu kita yang benar2 ikhlas yang mahukan perpaduan sebenar.
- Kita ketepikan pemimpin yang popular sekarang yang tidak mahukan permulaan ini walau apa saja alasan mereka.
- Kita analisa sikap mereka2 ini apakah benar semua tohmahan rakyat terhadap mereka bahwa mereka ini ;
a) pentingkan kedudukan/jawatan mereka
b) pentingkan puak sendiri
c) pentingkan survival mereka sendiri
d) pentingkan kuasa untuk terus bertapak
Kita sama2 lihat.
Pada saya, TUN telah mula melangkah setapak kehadapan.

89. *sukabumi*

June 26, 2008 at 3:58 pm | Permalink

Assalamualaikum,
Your excellency Tun,
I have read one comment from one of the blogger. It says “Sokong Membawa Rebah”.
Ini adalah yang ada dan berlaku pada orang yang bergelar Melayu…..
Perpatah melayu “…..Tiada melayu hilang didunia” Big words, deep in meaning but actually it should sound like this “selagi ada melayu di dunia selagi itu tiada perpaduan yang sebenarnya”.
Melayu memang tidak akan hilang di dunia tetapi akan hilang kuasa dan maruah……..mereka tidak boleh duduk sama rendah berdiri sama tinggi……Perasaan buruk menghantui individu tertentu….
Maka sedarlah wahai orang melayu…We are being watch….Mereka yang menunggu untuk mengambil kesempatan sentiasa ada…..every where.
isteri saya, a foreigner, wish she could be a malay….sopan santun, percakapan yang baik dan berbudi,adab beradab. But when it comes to “Perpaduan” really scares her off. Kita mempunyai semua yang baik didalam hati tetapi perihal Perpaduan…we are the LAST.
Saya malu……

90. *Archer*

June 26, 2008 at 3:31 pm | Permalink

Asalamulaikum Tun, everwhere around the world I travel everyone knows you and respects you for all the things you have done for Malaysia. This proves your sincerity to the nation and it people. Unfortunately nobody knows the present PM. However, the image of Malaysia is still good now. So I totally agree that we need to do something before it gets too late. Memang benar UMNO tidak memperjuangkan hak2 melayu lagi. Perkara2 yg tidak boleh dan tidak pernah dibincangkan di zaman Tun berani dibincangkan sewenang2 nya. Ini lah masalah 'freedom of speech'. Walaubagaimana pun masih ada masa dan saya akan sama2 berjuang bersama TUn menentukan Malaysia kembali ke zaman kegemilangan nya. Salam dan semuga sihat selalu.

91. *Bongek*

June 26, 2008 at 3:20 pm | Permalink

Salam Tun,
Saya & keluarga,kawan-kawan serta jiran tetangga serta ramai rakyat di dalam negara Malaysia ini amat dukacita dengan sifat keras kepala Pak Lah. Kepada Pak Lah, jangan sampai jadi pemusnah Agama, Bangsa & Negara. Tiada apa yang nak dibuktikan dan nak ditandingi wahai Pa Lah. Turunlah. Apa yang terbukti, tiada apa pun yang menurun semenjak kerajaan Pak Lah berkuasa (selain daripada menurunnya undian BN pada PRU12) lain-lain semuanya naik.
Apa nak jadi
Apa nak jadi
Kos hidup semakin tinggi
Pak Lah tengok senang hati
Biar Rakyat mati
Supaya Duit kerajaan boleh di monopoli
Pak Lah ingat duit tu boleh bawak MATI

92. *truth?*

June 26, 2008 at 3:16 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,
Pandangan saya tentang kenapa Tun pilih DSAAB jadi PM.
1. Ketika itu, prestasi BN amnya dan UMNO khasnya terjejas sedikit hasil keputusan PR11 dan dek serangan pembangkang yg menjejaskan sikit imej Tun terutama dr segi lamanya memimpin dan kronisme.

2. Tun bijak pada ketika itu tidak memilih DSNajib kerana imejnya jugajatuh dan hampir-hampir kalah di kawasannya (PR11). Dirasakan bahawa jika memilih Najib, maka survival UMNO mungkin statik dan tidak mendapat sokongan ramai.
3. Tun memilih DSAAB adalah kerana suasana pada ketika itu memerlukan seseorang yang nampak 'bersih', rekod yg masih belum diketahui ramai dan dapat menandingi DSAnwar atau setidak-tidaknya meningkatkan kembali imej dan sokongan UMNO. Kebetulan pula kedua-duanya dari Penang. Jadi seolah-olah mengembalikan ceria di kem UMNO Penang.
Maka dilihat percaturan Tun pada ketika itu adalah amat bijak walaupun Tun sebenarnya tentu ingin memilih Najib kerana beliau yg terkanan dan boleh diharapkan. Dan saya percaya terdapat arahan lisan dari Tun kpd DSAAB supaya menyerahkan jawatan PM kpd Najib selepas sepenggal memegangnya ataupun ketika keadaan di mana merosotnya UMNO & BN.
Atas kebijaksanaan Tun, maka hasilnya BN & UMNO menang besar pd PR12 sehingga pembangkang duduk terdiam. Ini kerana rakyat telah buka buku baru ke atas kepimpinan DSAAB dan amat menaruh harapan mendalam terhadap beliau. Maka BN & UMNO kembali kukuh. Pada hemat saya, percaturan Tun sudah selesai. Maka bermula selepas PR12, adalah menjadi tugas sebenar DSAAB mengemudi kapal. Terpulanglah kepada beliau. Pada ketika itulah rakyat mula menulis buku rekod beliau dan kepimpinan. Pada ketika itu jugalah DSAAB dan konco2nya juga mula naik kepala dan semakin lupa akan amanah dan harapan rakyat. Projek2 mega yg Tun rancang utk kebaikan rakyat dibatalkan, harga minyak naik mendadak 30sen, kemunculan mendadak KJ dan Scomi dan malah keputusan-keputusan DSAAB dlm pentadbiran seperti yo-yo. Ditambah pula DSAAB bukanlah seorang yg pandai membuat ucapan. Ucapannya barangkali kalau panjang buat orang tertidur dan tidak menarik utk didengari. Sebenarnya itulah X-faktor yg perlu ada pada setiap pemimpin. Lihat sahaja Tun dan DSAnwar. Cakap saja, orang dah suka dengar. Dengan pelbagai krisis dan masalah yg tidak dapat diselesaikan dgn bijak, maka PR13 adalah hasilnya. Rakyat mula memprotes, sabotaj, gelisah dan tidak yakin dgn kepimpinan beliau. BN & UMNO merosot. Malah begitu bersejarahnya bila Gerkan hilang kesemua kerusi Parlimen dan BN hilang majority 2per3. Sehingga Tun membuka mulut meminta supaya beliau menyerahkan kepimpinan kpd DSNajib sptmana yg dipersetujui. Beliau nafi dan tidak serahkan kedudukannya buat masa ini. Entah bila?. Malah beliau sebaliknya menyerang Tun dgn pelbagai isu dan meremehkan usaha-usaha Tun utk membaikpulih kepimpinan UMNO dan negara. Sehingga menyebabkan Tun keluar UMNO kerana hampa dgn DSSAB. DSAAB masih lagi tidak sedar atau tidak mahu sedar bahawa setiap masa dan di mana saja di warung kopi atau ofis malah di universiti sehingga di surau, orang bercakap tentang ketidakupayaannya dlm mentadbir negara. Maka berlakulah perpecahan orang Melayu. Kemuncaknya kenaikan harga petrol yeng tidak terduga dek akal rakyat. Beliau masih mengatakan demi kesejahteraan rakyat dan minta rakyat amnya dan UMNO khususnya bersatupadu. Benarlah kata Tun, bersatupadu untuk apa dan siapa? Bersatupadu demi kebaikan, kekukuhan dan kecemerlangan 'Malaysia Boleh' itulah yg dikehendaki. Bukannya bersatupadu demi menyelamatkan DSAAB dan kuncu-kuncunya yg sentiasa sahaja gagal membuat keputusan

tepat/bijak dlm pentadbiran negara. Jika beliau tidak rasuah atau salahguna kuasa sekalipun, persoalan utamanya Adakah beliau bijak dan cekap mentadbir negara yg rakyat pelbagai kaum dan penuh cabaran ini?. Jawapannya TIDAK (BAGI SAYA). Demi negara tercinta dan kesejahteraan rakyat, turunlah DSAAB. Biarlah diganti pemimpin baru, biarlah rakyat buka buka baru dan menaruh harapan baru kpd pemimpin baru. Biarlah pemimpin ini memberikan idea-idea baru. InsyaAllah. Sesungguhnya, idea-idea dan pemikiran DSAAB sungguh menggelikan i.e. gaji 2Xsebulan, makan nasi segempal sehari dll. Maka fikir-fikirkanlah rakyat Malaysia.

93. *bulan*

June 26, 2008 at 3:12 pm | Permalink

How can we overthrow Pak Lah, when he sits in the heart of the Malaysia power structure? To topple Pak Lah, you would have to topple the whole Malaysian power base. I believe the only way is for to give up his position. But that is highly unlikely. Even if he did, who is to say the next person will be any different? But in either case Pak Lah still needs to go!!
Duhai! Tun pemimpin melayu sajati.
Tolonglah negeri mu ini sekali lagi.
Jangan biarkan kerosakkan menjadi jadi.
Pengkianat negeri ini maseh tegoh berdiri.
Agenda siapa gerangan perlu dikaji.
Memperkosakan Umno tiada berhenti.
Melukakan hati melayu berkali kali.
Rakyat perhatikan maseh mencari bukti.
Bumi Putera Putri ta akan berdiam diri.
Melihat pengkianat hancurkan negeri.
Tempat strategik negeri ta selamat lagi.
Tunggu PRU13 sudah terlambat sekali.
Perpaduan melayu hanya cakap cakap.
Ada yang ambil kesempatan kekal tetap.
Perpecahan langkah strategi bertahap.
Hancurkan Malaysia yang telah mantap.
Melancong jauh kapulau lengkawi.
Terusek hati berkata sacara peribadi.
Siapalah lagi kalau ta si dolah badawi.
Menjadikan Umno hilang populariti.

94. *atan*

June 26, 2008 at 3:07 pm | Permalink

Salam Sejahtera kepada Tun, Keluarga dan Warga Blog.
Arwah ayah saya pernah mengulas pasal Tun ketika Tun hendak lancarkan Proton Saga dulu,
"Mahathir ini seseorang yang berfikir jauh, dia berfikir 10 tahun ke depan dari kita. Pandangan beliau tu ini tidak sesuai dan akan dibantah sekarang ini, tetapi ianya adalah sangat relevan 10 tahun akan datang".
Nampaknya benar kata arwah ayah saya, bila paklah jadi PM, semua projek yang diatur oleh tun dibatalkan kerana dia rasa tak relevan.
Tapi selepas 2008, baru dia tahu yang apa yang tun atur itu adalah relevan dan untuk kebaikan rakyat. Tapi dah terlambat…
Anyway, terima kasih TUN.

95. *Faruq al-Aziz*

June 26, 2008 at 3:06 pm | Permalink

Saya antara berjuta rakyat Malaysia yg lahir dan membesar di bawah pemerintahan tun. bagi saya sesuatu perlu dilakukan skrg untuk mengubati UMNO. Umno skrg semakin sakit disebabkn barah didalam UMNO sendiri. Sesuatu perlu dilakukan untuk Atau kiter akn kehilangan UMNO. Kiter patut memebuang barah2 ini. barah tersebut adlh Pak Lah Dan pemimpin2 Umno Yg ader skrg. Kiter X bleh tggu smpi PRU 13. mungkin sumernyer akan terlewat nanti. bukan shaja org melayu kehilangan hak dan kuasa tetapi juga kehilangan UMNO sendiri. Bangunlah tuan2 dan puan, kiter x bleh menunggu lg. something must be done..

96. *kamimelayubaru*

June 26, 2008 at 3:00 pm | Permalink

Salam Tun,
Tun, Masa pilihanraya tahun 2004, BN menang besar dan PAK LAH dan kaki-kaki bodek cakap (macam si nazri BOTAK tu), BN menang sebab PAK LAH. Apasal pulak tahun 2008, bila BN kalah teruk di 5 negeri dan Wilayah serta hilang majoriti 2/3 kat parlimen, mereka cakap bukan sebab PAK LAH? Mereka cakap sebab masa pemerintahan TUN banyak benda yang TUN dah buat hingga kan hilangnya perpaduan melayu dan rakyat keseluruhannya terhadap BN pada tahun 2008 menyebabkan pencapaian BN teruk sangat. Kalau pun tuduhan ini benar, patutnya pencapaian BN dah teruk pada pilihanraya tahun 2004 lagi sebab masa tu TUN baru lepas jawatan dan PRU-12 yang lepas patutnya BN boleh sapu habis sebab PAK LAH pemimpin yang bagus sebab apa juga kesalahan TUN yang lepas patutnya PAK LAH dah perbetulkan setelah sepenggal memerintah. Ni tak, depa cakap 2004 menang sebab PAK LAH tapi 2008 effect pemerintahan TUN baru terasa…apa ni? Logik la sikit, kalau ia pun nak kencing rakyat, jangan la tipu macam tipu budak darjah 1. PAK LAH, NAZRI, ZAID, SHARIR, MENTERI-MENTERI BESAR/KETUA MENTERI/MENTERI YANG KAKI BODEK…WATCH OUT, the second tsunami coming up….patutnya you all takut pada rakyat dan ALLAH SWT, bukan dengan PAKLAH, KHAIRY and the geng. Bagaimanapun cara you all nak pertikaikan jasa-jasa TUN, rakyat dah boleh rasa perbezaan pemerintahan TUN dan PAK LAH…Masa pemerintahan TUN,

cuma ada satu koridor tapi kita cuma kalah 1 negeri, PAK LAH Perintah kita ada 5 koridor tapi kita kalah 5 negeri, wilayah persekutuan dan 2/3 majoriti. Say it as you want PAKLAH, but the fact is there for you to see, so PLEASE RESIGN!!!

180. *ShInYiHlI*

June 26, 2008 at 10:48 am | Permalink

Salam Tun,
Tun, sila boleh ceritakan dan menjelaskan sebab-sebab Tun melantik / memberi peluang kepada PLah menjadi PM? Mungkin Tun sudah jelas, boleh jelaskan sekali lagi? “BACK BY POPULAR DEMAND” !
Terima Kasih Tun.

181. *redzuank*

June 26, 2008 at 10:35 am | Permalink

Assalamualaikum Tun,
Saya sangat bersetuju dengan pandangan Tun.
UMNO jika mengekal atau meneruskan keadaan seperti sekarang akan membawa kemusnahan kepada UMNO itu sendiri.
Perjuangan semata-mata untuk mengekalkan presidennya tidak membawa sebarang manfaat kepada rakyat. Apa alasan untuk rakyat menyokongnya?

182.  *born in 1981*

June 26, 2008 at 10:33 am | Permalink

Salam Tun yg dihormati,
Dahulu, saya tidak berminat utk bercampur tangan atau ambil tahu tentang politik kerana merasakan hidup sudah selesa. Tetapi sejak akhir ini, saya merasakan kita sudah terancam. Saya tidak mahu komen lebih tentang kroni “our current PM” sebab sakit hati bila mengingatkan “kenaifannya” atau “kebo………”.
Kali pertama saya menitis air mata di ofis apabila terbaca salah satu dari komen2 di atas sebab memang sebenarnya kami sekarang ni terpaksa menangis diwaktu “orang-orang tertinggi” bergelak ketawa. Mereka seperti menyindir kami.
Sekarang ini, saya memikirkan bagaimana kalau saya dan suami sudah ada anak nanti. Sekarang ini pun kadang2 kami keputusan wang kerana kami terpaksa

berbelanja lebih untuk segalanya… sepatutnya, saya dan suami bersama2 mengatur masa depan, tetapi kami sedang bercatur dengan masa depan kami…..

183. *RyscheClyde*

June 26, 2008 at 10:33 am | Permalink

TUN,
Jika benar suatu hari nanti UMNO sudah tidak relevan- saya tidak akan menyokong PKR atau DAP biarlah sampai bila bila. Walaupun saya penyokong kuat BN, tetapi di dalam HATI saya lebih kuat dengan parti berbangsakan MELAYU..Jadi jika UMNO berkecai- adalah lebih baik saya sokong PAS..kerana itu lah alternative yang ada jika UMNO tersungkur kedalam “sungai” lalu dibawa arus hanyut ke “laut”.

184. *Born84*

June 26, 2008 at 10:31 am | Permalink

Salam Tun,
Saya lebih suka menggelar ‘perpaduan’ yang disuarakan untuk berada bersama PM sekarang sebagai satu ‘pembusukan’ bersama Presiden.
Proses satu pembusukan bangkai memerlukan banyak benda untuk bersatu melaksanakannya,seperti lalat,ulat-ulat,bakteria,cacing,dan macam-macam lagi,semuanya bersatu padu sampailah bangkai itu hancur…
Sesuatu yang tidak elok dan sudah tidak memberi kebaikan selain bau busuk yang semakin kuat bolehlah dikatakan sebagai ‘bangkai’
Bukan niat saya untuk merendah-rendahkan sesiapa seperti bangkai..tetapi ia satu perumpamaan yang harus dijauhi oleh bangsa Melayu dalam memahami konsep perpaduan.
Jika kita semua bersatu untuk sesuatu yang buruk..hasilnya hanyalah sia-sia sama seperti nasib bangkai..cuma jadi humus…dan kita bolehlah dianggap seperti cacing-cacing,bakteria dan lalat-lalat yang menjengkelkan.
Jadi,bersatulah untuk sesuatu yang baik dan berkumpullah dibawah payung kekuatan bangsa Melayu…ibarat lebah-lebah yang bersatu padu menghasilkan madu…manisnya bermanfaat untuk seribu penyakit..
Moga Tun sekali lagi dapat menjadi penawar kepada perpaduan bangsa Melayu…
Terima Kasih Tun.

185. *GEEKHAN*

June 26, 2008 at 10:29 am | Permalink

assalamualaikum TUN..
MOGA SIHAT DAN DIPANJANGKAN UMUR HENDAKNYA..
Seperti kata TUN..MELAYU MUDAH LUPA..
Perpaduan yang diwar-warkan hanya sekadar kiasan di bibir..tidak ada langkah yang tepat untuk menjamin perpaduan tersebut..akhirnya kita dapat lihat perpecahan terutama sekali orang-orang melayu..MELAYU sudah tidak kuat akibat daripada perpecahan ini.
Saya mewakili anak melayu muda hari ini berasa amat gelisah melihat perkembangan politik semasa hari ini.Saya merasakan kepimpinan hari ini bagaikan tidak cukup kuat untuk menempuh cabaran-cabaran mendatang. seperti kata Tun, saya berharap agar peralihan kuasa dapat dilakukan secepat mungkin bagi melihat melayu menjadi kuat seperti dahulu. sanggup berjuang sampai ke titisan darah yang terakhir.Bukan tidak menyokong kepimpinan hari ini, tetapi saya merasakan bagaikan ada sesuatu yang tidak kena dengan kepimpinan hari ini.takut untuk menyuarakan kebenaran.
Gelisah dan sedih melihat orang-orang melayu bercakaran dan berdendam hanya kerana kepentingan individu mereka tidak terlaksana.TERKINJA-KINJA merebut hal-hal duniawi sahaja.Insaflah dan bangunlah. bersatulah melayu .Jangan kerana KEPENTINGAN, mereka sanggup melihat melayu itu hancur dan tinggal nama sahaja.
amat mengharapkan kepimpinan dari tenaga muda seperti YB Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein dan rakan seangkatannya.
keranamu TUN, MALAYSIA DKENALI..
TERIMA KASIH TUN.jasamu dikenang
adakah DSNAJIB LAYAK MENERAJUI KEPIMPINAN NANTI..?
KAMI MAHUKAN KEPIMPINAN YANG BENAR-BENAR BERSIH..JAUH DARI SEGALA GOSIP2 LIAR..
MCM TUN HISHAMUDIN , TAN SRI MUHYIDDIN YASIN DAN RAKAN2 SEANGKATAN YANG BENAR2 BERSIH..?
KOMEN SIKIT TUN..
PERJUANGAN BELUM SELESAI..
ANAK MUDA BALING

186. *peninglalat*

June 26, 2008 at 10:27 am | Permalink

salam tun
terkenang kembali… mengapakah terjadinya “perpaduan” dikalangan ahli UMNO yang menyatakan sokongan 100% kepada paklah? Kalau difikirankan, rata2 orang melayu yang “memperjuangakan” UMNO adalah memperjuangkan kepentingan perut sendiri atas nama UMNO dan org melayu.
Parahnya pemikiran orang2 melayu ini, sehingga sanggup diperkotak-katikkan oleh seorang pemimpin yang tidak mempunyai kaliber, maupun kemampuan untuk berfikir!! malah amat memalukan bila beliau berbahasa inggeris yang terdapat byk kesalahan pada tatabahasa. AMAT MEMALUKAN MEMPUNYAI PEMIMPIN NEGARA SEBEGINI!!!
peliknya, tidakah MT UMNO berfikir bahawa, kekalahan pilihanraya baru2 ini adalah disebabkan oleh kelemahan pemimpin??? jika kita lihat, kemajuan dan kekuatan sesebuah negeri ataupun kaum terletak pada pemimpinnya!!! Orang2 melayu harus sedar, kita adalah orang islam, kembalilah pada ajaran islam. buka mata dan lihatlah bagaimana Rasullulah SAW dan khalifah2 memimpin. Jika kita masih ingat, Saidina Umar AlKhatab pernah memberi kata dua bahawa jika beliau memimpin tanpa mengikut lunas2 islam, maka perangilah dia.. BUKAN TERUS MENYOKONG DAN BERSEPADU DIBELAKANGNYA!!!
Orang2 melayu kini telah semakin parah. pemimpin2 melayu semakin parah.
wassalam

187. *jamesmiely_S2*

June 26, 2008 at 10:24 am | Permalink

salam tun&family,
jom bangsa ku kita semua kembali kpd yg esa secara total, nescaya akan tecapai perpaduan.

188. *Abg mamak*

June 26, 2008 at 10:22 am | Permalink

Salam,
Hang ni makin bodohlah adik(antimamak) merapu kot dan ja.Isu yang dah basilah..mcm roti canai hang yang basi tu..
Hang tengok Ayahanda Tun tak cita pasal org lain..pasal bangsa dia..agama dia..negara dia..Hang merapu pasal org lain…hang ingat depa kisah ka..kita ni makan ka..ada diut ka..Depa la ni betepuk tangan melihat perangai kita..Depa semua bersatu nak jatuhkan kita..nampak baik belakon ja tu..konon2 nak membela negara..

La ni hang tengok apa yang kita dapat..kalau dulu kroni2 pun org kita jugak..islam..dia keluarkan zakat la ni nak ambik hati kena bagi sama banyak..sedangkan kita majoriti..bodohnya kita..

189. *masterpiece*

June 26, 2008 at 10:21 am | Permalink

salam Tun…
harap Tun sentiasa sihat sejahtera hendaknya..
Benar apa yg Tun ckpkan…
sebenarnya melayu kita mudah lupa…mcm dlm petikan Tun dulu..masa perhimpunan agung UMNO masa Tun menjadi presiden..
melayu yang mudah lupa skrg adalah pemimpin2 sekarang yg ada nie…
depa suma lupa akan perjuangan pemimpin terdahulu..
semoga tun terus berkarya dan memperbetulkan kembali perjalanan UMNO dan membuka minda anak2 muda dan rakyat…

190. *tatih*

June 26, 2008 at 10:20 am | Permalink

tun yang dikasihi,
1.saya amat kagum dengan cara pemikiran dan penulisan tun.
2.saya dapat bayangkan gaya lengguk bahasa tun sekiranya tulisan tun tersebut dibacakan atau disampaikan tun dalam bentuk ucapan.
3.saya amat berbangga mempunyai pemimpin seperti tun, walaupun sekarang sudah tidak berada ditampuk pemerintahan.
4.benar kata tun, perpaduan sekarang hanyalah untuk menyokong presiden, bukan untuk kekuatan melayu.
5.tidak sekali kali kepimpinan sekarang mengajak melayu kembali berpadu dan bersatu untuk mengekalkan ketuanan melayu. usahkan memujuk melayu kembali menyokong mereka.
6.betapa ramai melayu sekarang ini yang berpihak kepada pembangkang yang tidak tahu menjaga ketuanan melayu.
7.benar, bukan mudah untuk menangani masalah kenaikan harga minyak, yang juga telah menyebabkan kenaikan harga barangan yang lain tetapi berfikirlah untuk alternatif terbaik untuk kesejahteraan rakyat khususnya melayu yang agak tercicir dari segi kekuatan ekonominya.
8.sekarang semua langkah yang diambil kerajaan nampak seolah-olah serba tak kena.

9.jalan yang diambil tidak memberikan kesan yang terbaik.
10.marilah kita sama-sama memikirkannya.
11.mungkin perubahan tampuk kepimpinan sekarang adalah jalan yang terbaik, tetapi adakah kita masih mempunyai calon-calon pemimpin yang sehebat tun?

191. *zam_lg*

June 26, 2008 at 10:18 am | Permalink

KAT KAWAN PAS TADI TU.SAYA X MARAH CUME NAK INGATKAN JE DENGAN KEPIMPINAN TUN
NEGARA KITE KAYA DAN HEBAT.MESTI AWAK NI LEPASAN UNIVERSITI KAN ,(MUNGKIN AWAK NI YANG MEMANG HEBAT LA KAN)CUBE AWAK INGAT2 MASE KAT U DULU KAWAN2 AWAK YANG KURANG HEBAT CAM AWAK TAPI DAPAT MENERUSKAN PELAJARAN KAT U.
TAU X KENAPA KELOMPOK NI DAPAT TERUS KAN PENGAJIAN MEREKA(SEBAP UMNO MENGEMUDI BN)KERAJAAN…
MAAF SEKALI LAGI,NAK TANYE AGAKNYA KALAU AWAK JADI SUB CON UNTUK SESUATU PROJEK TU.ADAKAH SUB CON MAMPU MENGARAH DAN MENGAWAL KEPUTUSAN MAIN CON.MACAM TU LAH PAS SEKARANG.JADI SUB CON PADA PROJEK YANG MEGA.TAPI SUB CON LA KAN
CARI BUKU2 TUN DAN TENGOK SUMBANGAN TUN UNTUK ISLAM KHUSUSNYA KAT MALAYSIA.
KAT DUNIA PUN TUN BERPERANAN BESAR.DAN SEBAP KEKUATAN UMNO LAH PAS DAPAT DITUBUHKAN .AGAK2 NAY KALAU KAT SINGAPURA BOLEH X AGAKNYA.

192. *Ironman*

June 26, 2008 at 10:13 am | Permalink

Salam Tun,
Tak tau lah apa nak cakap lagi………Kalau lah si pak lah dan budak KJ tu satu gila kuasa satu lagi cuma nak kebas duit saja…I promise malaysia akan hancur tak lama lagi. Tak sedar ke dia orang ni ? dah lah bodoh macam lembu, tak tau urus kan hal negara tapi nak tunjuk pandai pula tu. beras naik, minyak naik, tepung naik, sekarang pulak nak control Petronas. gila babi betul lah dia orang. Minta maaf Tun kerana sebut perkataan yang tidak sesuai tapi saya terpaksa kerana marah sangat dengan pak Lah & CO tu.

Semoga Tun dan keluarga sihat sihat belaka.
Penyokong Setia Tun
IRONMAN

193. *alizan*

June 26, 2008 at 10:12 am | Permalink

salam Tun…
saya rasekan keadaan melaysia dan melayu kini berada ditahap yg kritikal. kami rakyat yg biasa ini di tindas, dan ditipu secara terang2. memang betul Tun, perpaduan amat perlu kini untuk menyingkirkan Lah, dan saya rase, antara satu jalan untuk menyalakan api perpaduan ini, kami memerlukan seorang ketua atau pembimbing yg boleh memandu kami ke arah yang betul. pada pandangan saya, amat lah molek jika ada satu persatuan atau parti yg ditubuhkan dibawah naungan Tun untuk membela kami. dan saya percaya, pasti ramai yg memberi 100% sokongan padu dan insya'Allah, perpaduan akan wujud..

194. *Jembalang Tanah*

June 26, 2008 at 10:09 am | Permalink

Salam hormat buat TUN DM,
Saya wakil daripada suara2 pekerja swasta (Non-exec)di Kuantan telah mencapai kata sepakat dan menyediakan langkah2 yang boleh Tun pertimbangkan bagi mengembalikan PERPADUAN KAUM (Tanpa mengira Bangsa & Agama) demi memakmurkan Malaysia:-
1) Memungut tandatangan Rakyat Malaysia supaya diserahkan kepada DYMM Sutan Mizan (Agong) supaya mengusulkan ketidak puasan hati rakyat terhadap pimpinan AAB & KJ
2) Mengadap perkenan DYMM Agong supaya mendesak AAB, KJ & Kroni melepaskan jawatan demi kesejahteraan Malaysia
3) Memohon Majlis Raja2 mengambil langkah serta mendengar keluhan rakyat dari akar umbi bagi mengukuhkan bukti bahawa RAKYAT TIDAK PERLUKAN KEPIMPINAN AAB & KJ
dan langkah yang terakhir amat drastik dan memerlukan Perkenan Tuanku DYMM Sultan Mizan serta campurtangan pihak ATM iaitu:-
4) Menggulingkan Kerajaan AAB, KJ, Kroni & Family (RAMPASAN KUASA) sepertimana yang berlaku ke atas PM Thailand (Thaksin).
Cadangan ke 4 boleh dilakukan sekiranya cadangan per-1 mendapat majoriti sokongan rakyat dan cadangan ke-3 mendapat restu Raja2 kerana pihak ATM

adalah di bawah kuasa DYMM Agong.
Hanya itulah jasa dan pengorbanan yang boleh kami jalankan demi kesejahteraan Rakyat (Melayu, Cina, India, Asli, Bidayuh dan kaum2 lain di Sabah & Sarawak).
Marilah kita bersatu Wahai Melayu (Demi Keuntuhan Bangsa), Marilah kita bersatu Wahai Rakyat (Demi kemakmuran Malaysia). Hapuskan KEKEJAMAN dan PENINDASAN yang telah dilakukan oleh AAB & KJ.
Bangkitlah semua demi kesejahteraan Negara Tercinta…
Salam Hormat buat TUN & Keluarga serta RAKYAT MALAYSIA
Kuantan
Pahang D.M
jembalang_tanah_x@yahoo.com

195. *Amar*

June 26, 2008 at 10:06 am | Permalink

Salam…Tun, saya menyokong perjuangan Tun…. Didalam masa yang sama, saya menyokong kuat anak Tun iaitu Dato' Mukhriz Mahathir… Bersama-sama kita tegakkan kebenaran….. Hidup Tun….

196. *anakjatipilah*

June 26, 2008 at 10:05 am | Permalink

Salam..Tun, very gud am to u
Bravo imamalaysian,abma..anti-mamak ni org melayu jati ka?..Awat.. Tun bukan melayu ka..kalau bukan tak kan la Tun dok pertahan kan org2 melayu..kita ni sama jer..janganlah dok beza beza kan..sometimes this anti-mamak talk sheet!
Mana abang anti-mamak ni..bagi julap sikit kat adek hang ni…

197. *agent mulder*

June 26, 2008 at 10:05 am | Permalink

Diriwayatkan daripada Jabir r.a katanya: Nabi s.a.w pergi ke kubur Abdullah bin Ubai lalu mengeluarkan jenazah Abdullah dari kuburnya. Baginda meletakkan jenazah Abdullah di atas dua lutut baginda lantas meludahnya, kemudian memakaikan baju baginda kepada jenazah tersebut. Allahlah yang mengetahui segala-galanya.

src :
http://www.pmo.gov.my/WebNotesApp/hadism.nsf/23bbdee64ca987b148256a41002edbd1/ce8be86a14d93aaa48256a86001f264e?OpenDocument

198. *jebon*

June 26, 2008 at 9:59 am | Permalink

Salam Tun..
Didalam sebuah negara yang mempunyai bangsa yang berbilang kaum, Perpaduan bagi kaum yang majoriti di sesebuah negara amat penting bagi membolehkan negara tersebut menjalankan kerja lebih efektif dan efisen..
Jika Kaum yang majoriti ini mempunyai masalah,ini akan mengakibatkan rakyat yang berbilang bangsa ini akan hilang kepercayaan terhadap puncuk pimpinan yang ada..Ini memungkinkan masalah rusuhan kaum,protes dan lain-lain akan diadakan.
Masalah yang kita hadapi sekarang adalah ketidakpedulikan pucuk pimpinan yang ada sekarang dengan masalah yang hadapi oleh rakyat sekarang ini.Mereka hanya memekakkan telinga dan membutakan mata sahaja dan inilah senario yang terjadi kepada malaysia.
Dan kepada TUN Apakah tindakan yang paling berkesan bagi rakyat untuk menumbangkan puncuk pimpinan yang pekak lagi buta ni???????????????????
harap TUN boleh komen untuk komen yang akan datang..
Salam

199. *jaypawiro*

June 26, 2008 at 9:56 am | Permalink

Assalamualaikum Tun yang dikasihi, Bercerita tentang perpaduan bangsa khususnya Melayu pada hari ini amatlah menakutkan.Saya amat merasakan bahawa kepimpinan hari ini tidak begitu prihatin dan ambil mudah tentang banyak perkara. Pasca PRU ke 12 menyaksikan umat Melayu telah hilang keyakinan pada UMNO khususnya generasi muda. Lebih dari itu, kebanyakan dari pemimpinnya dilanda sindrom bisu iaitu tidak berani menyatakan kebenaran kerana terlalu takut kehilangan kepentingan! Banyak yang sekadar menjadi Tukang Kipas dan Burung Kakaktua;mengiyakan apa sahaja yang dikatakan oleh Bos besar mereka. Ini tambah membuakkan api kebencian rakyat yang telah sedia muak dengan pentadbiran negara yang dikuasai oleh anak beranak ini. Sampai bila keadaan ini akan berlarutan..? Semoga Allah akan sentiasa memberiakan

taufik dan hidayahnya.
Salam perjuangan untuk Tun…teruskan perjuanganmu.

200. *tajulazali*

June 26, 2008 at 9:54 am | Permalink

Salam Tun,
Apa jua yang dirancang dalam memperkasakan BN dan menjatuhkan manusia hina didalam BN akan saya sokong 100%

201. *thaiso*

June 26, 2008 at 9:53 am | Permalink

Salam Tun.
Saya berada di sini kerana Tun bersedih.
Saya berada di sini kerana perpaduan untuk menurunkan Presiden yang membawa kecelakaan dan kemusnahan pada Malaysia.
Saya berada di sini kerana mengambil kira hasrat dan matlamat perpaduan diadakan.
Terima kasih Tun.

202. *azuar*

June 26, 2008 at 9:52 am | Permalink

Asm Tun,
Polisi-polisi ekonomi yang bercelaru akibat terlalu banyak campur tangan telah menyebabkan keadaan dalam negara kucar-kacir dan menuju kearah porak peranda. Dalam era yang bertambah mencabar, seharusnya kepeimpinan yang ada dapat sama2 fikir bagaimana menghadapi cabaran 'penjajahan ekonomi' ( globalisasi) yang boleh menyebabkan sesuatu kerajaan boleh menjadi bankrap. Apatah lagi dengan kehadiran pihak-pihak tertentu yang membolot kekayaan negara.
Polisi2 supaya negara 'self-sustainable' patut dilaksanakan. Bidang2 yang mana importya lebih banyak patut diberi penekanan dalam masa panjang supaya faktor luaran tidak dapat memberi kesan besar kepada ekonomi negara disamping membangunkan kepakaran negara dalam pelbagai bidang. Pelaburan2 dalam

bidang baru tidak seharusnya disekat atas alasan mengurangkan projek2 mega semata2. Sebaliknya jika dilihat dalam jangka masa panjang pendapatan dalam negara akan bertambah ( dalam masa 10-20 tahun) dan nikmatnya akan dirasai oleh generasi akan datang. Akhirnya pendapatan per kapita negara akan bertambah disebabkan pelaburan2 jangka masa panjang yang memberikan pulangan. Oleh itu kualiti hidup pastinya meningkat kerana kuasa membeli meningkat, jika inflasi dapat ditangani dengan baik.
Tapi kepimpinan yang ada lebih berminat untuk mengekalkan kuasanya sahaja. sekadar pandangan. TK.

203. *Pulau*

June 26, 2008 at 9:50 am | Permalink

Yang dihormati Tun Dr. Mahathir
AAB merupakan pemimpin yang telah menghancurkan UMNO & BN dan negara ini. Pada pilihanraya yang lepas saya telah mengundi pembangkang. Bukan kerana tak sayang UMNO & BN tetapi kerana bencikan AAB. Melihat muka beliau di TV pun benci. Tak tahu apa pasal. Personaliti beliau seperti berpura pura. Tak cerdik tetapi berlagak pandai.
Kuncu kuncu beliau pun sama juga. Cakap banyak dan selalu condemn pentadbiran Tun yang lalu. Kurang ajar pulak. Seperti Zam Mydin, Johari Baharum, Sheikh Radzi, Syed Hamid, Shahril, Mohamed son of Mohamed dan banyak lagi pengampu yang lain yang telah memberi maklumat serong yang suka di dengar oleh Presiden UMNO & Perdana Menteri yang selalu tidur ini. Pengampu pengampu ini adalah menteri dan timbalan menteri dan mahu dipilih semula selepas pilihanraya. Sebagai contoh, Zam Mydin, over confident, ingat rakyat akan memilih beliau semula sebagai MP di Merbok. Cakap pun tak nampak orang bawah dah. Nak memperjuangkan kemajuan orang Melayu, konon. Memperlekehkan pendtadbiran Tun selama 22 tahun.
Infact, Zam Mydin belittle Tun's leadership of 22 years as PM of Malaysia. No doubt, he has written a book about you during your tenure as PM. He became a different person after you step down as PM. He's not the only one, who have changed. There are many other including Johari Baharum, Nazri Aziz, Azalina Othman Said..etc. This bunch of idiot disrespect you as former PM. And this is what the rakyat is angry. I am angry with their attitude and so are my family members and friends. We are the ordinary people who are the silent majority. Our only avenue to show that we are angry and do not support the goverment is through the ballot box. And so, we did. UMNO & BN tumble down like HUMTY DUMTY.
Voting the opposition is not because we like them or because we want UMNO & BN to loose, it is because we dislike the leadership and the manipulation of power for the benefits of his family members and his good son inlaw KJ. It is also the cabinet members whom insabordinate their former superior. These bunch of idiot

failed to realise that Tun is the former PM who have contributed so much to the nation.
Just wait, I have more to say about the sleeping PM, flip flop minister and the back door minister. Coming soon. For now it's breakfast time.

204. *mistikana*

June 26, 2008 at 9:49 am | Permalink

"Pada tahun 1946, di waktu orang Melayu diancam kehilangan tanahair mereka, orang Melayu bersatu padu dan menentang British. Walaupun mereka lemah, miskin, tidak bersenjata, tetapi demikianlah kekuatan hasil perpaduan mereka sehingga British terpaksa tunduk kepada tuntutan mereka dan Malayan Union digugurkan."
Sapa cakap UMNO Melayu tak relevan, pada pendapat saya masih relevan tetapi perjuangan mereka saja yang terpesong jauh sebab pengemudinya MABUK LAUT! Sebab Tun cakap Tun masih nak masuk UMNO jika DSAAB letak jawatan.
Jangan lupa askar melayu yang banyak berkorban memerdekakan negara MALAYA tercinta ini. Disebabkan UMNO jugalah ramai kaum lain diberikan banyak peluang bersuara dan bersaing dengan orang melayu. Kalau tidak entah berapa orang aje yang duduk kat parlimen, macam yang berlaku si Singapura.Tak sedar dan berterima kasih!
Sekarang menang pingat emas olimpik dapat 1 juta sebab berjuang untuk negara. yang hairan untuk perak dan gangsa tak banyak mana. Abis tu tentera kita yang putus kaki, cacat anggota berjuang untuk keamanan dan kedamaian negara yang kekal sehingga sekarang dapat APA? ada yang sampai sekarang susah hidupnya. Kerajaan sekarang ni tak pikir ke semua ni.
( Aik, penasihat kita ANTIMAMAK(petronas) ada lagi? ingat dah resign..sama macam orang yang dia dok kutuk jugak, piirah!)

205. *zam_lg*

June 26, 2008 at 9:47 am | Permalink

SALAM TUN
BILE NAK AJAK KAMI BERJUANG SECARE NYATA.
KENAPA SAYA CAKAP CAM TU…
SAYA NAK KETUANAN MELAYU DIRIALISASI KAN KEMBALI DAN SAYA NAK MERASAINYA BERSAMA ..(KOMEN TUN YANG

TERDAHULU)
BUKAN KETUANAN AAB AND CO YANG BERLELUASA…

206. *Mentel*

June 26, 2008 at 9:47 am | Permalink

Kepada Karpal, Lim Kit Siang, Param, dan lain2 racist (non-malays) sila akur bahawa negara ini asalnya Tanah Melayu dan jika Tun Dr. Mahathir menggesa agar Melayu bersatu ianya amat wajar kerana sememangnya negara ini asalnya Tanah Melayu. Maka, gesaan TDM agar Melayu bersatu bukannya bersifat "racist" tetapi ianya PATRIOTIK.

207. *Mat_Kilau*

June 26, 2008 at 9:46 am | Permalink

Assalamualaikum YBhg Tun sekeluarga,
Toh Puan apakhabar? Harap semuanya OK.
Hari ni Mat nak cakap pasal perpaduan. Pepatah ada mengatakan Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh dan banyak lagi perumpamaan , bidalan dan macam-macam lagi yang kita pernah dengar sejak kecil hingga kini. Hampir semua orang Melayu faham maksud dan makna semua itu kerana telah samaada diterangkan secara terperinci oleh guru_guru semasa di sekolah dulu atau dijelaskan oleh orang tua kita. Persoalannya cukupkah dengan memahaminya saja?
Memahami maksud dan memahami falsafah sesuatu rangkaikata atau perkataan membawa dua kesudahan yang berbeza. Dalam konteks UMNO perpaduan adalah di kalangan orang-orang Melayu. Dalam konteks Malaysia pula perpaduan menekankan aspek hubungan erat antara pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia.Dalam Islam pula perpaduan membawa maksud yang lebih luas yang merangkumi semua hubungan makhluk yang dijadikan Allah yang mencakupi segala yang ada di langit dan di bumi – hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan alam, dan segala elemen kehidupan di mukabumi ini yang dalam istilah sainsnya disebut ekologi.
Persoalan yang kita RAKYAT nak faham sekarang ni PERPADUAN apa yang disarankan oleh DSAAB? Adakah perpaduan kaum di Malaysia? Adakah perpaduan di kalangan orang Melayu? atau perpaduan di kalangan Ahli Parlimen BN?
Kalau dilihat dari perspektif PERPADUAN ANTARA KAUM di Malaysia, rasanya tidaklah perlu dibimbangi sangat buat masa ini kerana keharmonian kaum masih terpancar dan boleh dilihat di sana sini.

kalau bercakap pasal PERPADUAN ORANG MELAYU rasanya rakyat yang ADA OTAK sudah geli dan muak mendengar kerana ia hanyalah merupaka SLOGAN YANG RHETORIK semata-mata. Melayu tak pernah bersatu sejak PAS ditubuhkan. Orang Melayu pernah bersatu di bawah Parti UMNO untuk menentang Malayan Union dan menuntut kemerdekaan satu masa dulu tetapi saat penyatuan itu mula terhakis dan musnah umpama dua bangsa yang berbeza. UMNO dan PAS tak pernah ikhlas dengan gerakan untuk menyatukan kembali orang Melayu semata-mata kerana kepentingan pengaruh politik. KINI muncul pula PKR yang menjadi pemangkin kepada kemusnahan yang semakin teruk. Runtuhnya empayar Melaka bukan kerana KUATnya Pertugis TETAPI kerana Melayu tak bersatu. Bangsa Melayu mempunyai ramai pejuang-pejuang seperti Mat Kilau, Dato Bahaman, Tok Janggut, Tok Gajah, Dato Bahaman, Dato Dol Said, Dato Maharajalela dan banyak lagi tetapi perjuangan mereka masing menggunakan PLATFORM yang berbeza. Tidak ada kesepakatan atau penyatuan kekuatan berlaku semuanya kerana masing-masing menyangka KUAT mampu berjaya sendiri dan tidak memerlukan bantuan orang lain.
Kalau PKR atau PAS menyatakan mereka parti perpaduan mereka telah melakukan PEMBOHONGAN BESAR kerana pemimpin meraka tidak pernah menggerakkan apa-apa usaha pun dari dulu sehingga kini untuk melihat penyatuan Orang Melayu.Kepentingan politik mengatasi segala-gala.
UMNO pun sedemikian juga tetapi kita bolehlah mengaku pada satu ketika dulu UMNO pernah menyatukan Orang-orang Melayu. Yang lain TARRRAAAAAAAK.
Sekarang ni sibuk pula pemimpin kita bercakap pasal PERPADUAN. Mat nak tanya beberapa soalan di sini…
1. Apa untungnya kalau semua Ahli Parlimen bersatu mengekalkan kerajaan sedia ada kalau ORANG MELAYU berpecah-belah?
2. Siapa yang mendapat keuntungan daripada Perpaduan Ahli Parlimen untuk mengekalkan kerajaan? ORANG-ORANG TERTENTU atau RAKYAT?
3. Adakah langkah-langkah diambil untuk mengembalikan Orang-orang Melayu (UMNO) yang telah meninggalkan perjuangan UMNO?
4. Adakah UMNO sekarang ini mementingkan PEMIMPIN atau ORANG MELAYU?
Bagi Mat kalau bercakap biralah kita ikhlas. Mat banyak setuju dengan YABhg. TUN bukan kerana TERPESONA kosong, tetapi kerana setiap tindak tanduknya mempunyai KEBERANIAN. Keberanian TUN Mat percayai kerana Tun memahami falsafah perjuangan. Keberanian Tun menggerakkan daya fikir untuk menyelesaikan masaalah. Keberanian Tun memungkinkan Tun menjadi pemimpin dari aspek idea pemikiran, tindakan, teladan dan MOST of ALL …..
YOU LEAD PEOPLE not YOU ARE LEAD BY OTHER PEOPLE.
YOU TOSS PEOPLE and not letting PEOPLE TOSSING YOU.
YOU MAKE PEOPLE LISTEN and not LISTENING TO OTHER PEOPLE.
Wallahuallam.
Semoga Allah sentiasa memelihara TUN dan family.

208. *Puteri Bongsu*

June 26, 2008 at 9:42 am | Permalink

Assalamualaikum Yg Bhg Tun, Bonda Hasmah dan bloggers…
Minta beri laluan…
Kepada Pak LeLah, KJ & Co..dan semua pak turut nun di atas sana…
Ingatlah MATI, mana tau kang tiba-tiba ajal menjemput..tak sempat taubat..harta takkan ikut ke dlm kubur..hidup hanya sekali…mati pun sekali..harta dunia hanya sementara…bekalan akhirat macam mana???
Klu dah berani sangat…tak takut janji2 Allah…bakarlah jari sendiri..klu betul tak sakit..kebal sangat dah..buat lah sesuka hati..
Pintu taubat sentiasa terbuka..
Bersatu padulah meletak jawatan..
Terima Kasih YB Tun…

209. *merdeka5000*

June 26, 2008 at 9:41 am | Permalink

Salam buat Tun yang di hormati.
Saya adalah pembaca setia laman blog Tun. Pemikiran Tun adalah amat profesional sekali dengan pandangan-pandangan yang bernas dan menyakinkan semua pembaca laman blog ini.
Sejak akhir-akhir ini Tun asyik menghentam peminpin yang di pilih oleh Tun sendiri sebagai pengganti.Saya rasa semua pembaca blog ini amat tersangat ingin tahu mengapa Tun memilih beliau sebagai pengganti pada masa itu dan sekarang menghentamnya balik? Bolehkah Tun memjelaskan perkara ini agar semua pembaca laman ini tahu apa yang sebenarnya terjadi pada masa itu.Boleh di katakan semua pemimpin kerajaan di kritik oleh Tun. Jikalaulah semuanya di singkirkan siapa yang akan jadi PM dan TPM? Samada Tun akan jadi PM dan Anwar Ibrahim akan jadi TPM? Kita tunggulah. Jawapannya akan keluar suatu hari nanti.
Harap Tun sihat sejahtera.

210. *T.Iza*

June 26, 2008 at 9:40 am | Permalink

As’kum Tun…….
Pak Lah…….. Nothing….. Whatsoever he done….. worst came to be worse…..
He pretending to believe and have faith in Islam… what so-called (MUNAFIK)
BLOODY FOOL PAK LAH & CO…..

211. *mannsgor*

June 26, 2008 at 9:33 am | Permalink

Salam
Tun, semoga sihat sejahtera
saya berpendapat perpaduan dapat disatu kalau pemimpin dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan jujur dan ikhlas tapi kalau sebaliknya ia tak mungkin akan membentuk perpaduan tetapi perpecahan..
saya amat berharap Tun dapat melakukan sesuatu agar kami dapat menjalankan kehidupan seperti sebelumnya…thanks
wassalam

212. *jimmybong*

June 26, 2008 at 9:28 am | Permalink

Apa kabar Tun, harap sihat sentiasa.
Apa lah nak jadi dengan negara kita ni di bawah AAB? Barang keperluan harian dan terutama sekali barang-barang makanan sudah melambong naik! Kebanyakan dinaikkan harga dari 50sen keatas. Ini kurang sebulan selepas kenaikan harga minyak. Apa nak jadi 3 bulan akan datang… 6 bulan akan datang…?? Jawapan: kesengsaraan rakyat!! AAB harus berundur sekarang…..

213. *Hesmel Faznee Faisal*

June 26, 2008 at 9:26 am | Permalink

Salam..
Tun, Malaysia adalah sebuah bumi bertuah.
Namun sayang sekali ada pemimpin yang tidak nampak betapa bertuahnya bumi ini, kerana ianya terletak di dalam kawasan yang selamat (selamat di sini bermaksud selamat dari bencana bumi dan sebagainya, kecuali semasa kita menghadapi Tsunami pada tahun 2004)

Hakikatnya, semakin lama kita dapat lihat betapa bumi Malaysia ini sudah semakin hilang keindahannya mahupun tuah hidup di Malaysia.
Ianya berkait rapat dengan perpaduan. Perpaduan ini tercapai jika kita hidup dalam suasana yang aman dan harmoni.
Hari ini, ini semua sudah tiada lagi. Masing-masing dengan cerita dan kisah masing-masing. Tidak ada lagi sifat toleransi dan rata-rata lebih bersifat "kiasu" dan "kiasi".
Kedua sifat ini, sering diamalkan oleh negara jiran kita.
Apakah ini petanda negara kita cenderung untuk menjadi seperti negara itu?
HESMEL FAZNEE FAISAL

214. *mariapun*

June 26, 2008 at 9:25 am | Permalink

Assalamualaikum Y.A.Bhg Tun dan pembaca semua,
Maaf jika apa yang ingin dikomenkan dalam ruangan ini akan menyinggung hati pembaca (bagi yang ingin membaca la).
Orang melayu memang mudah berpecah belah dek kerana tahap PhD yang terlalu tinggi. Maaf la, kita semua orang melayu kena akui hal ini.
Saya sedih kerana susah nak kekalkan perpaduan orang melayu. Bila timbul masalah baru boleh bersatu padu tetapi selepas itu berpecah semula.
Sudi-sudikanlah lawat blog saya di (http://sokongkanpadatun.blogspot.com), saya memang ada bincangkan masalah orang melayu dengan tajuk Dilema Melayu.
Kepada semua melayu (antimamak pun melayu rasanya), kita kena bersatu padu.
Ubahlah sikap dan buang PhD yang tak berbayar tu. Kalau kita semua Melayu bersatu, memang tak akan wujudnya dua parti UMNO dan PAS. Kita kena bersatu semula bagi mempertahankan kedaulatan tanah air kita.
Salam Takzim.

215. *Zulhairy Jalaluddin*

June 26, 2008 at 9:14 am | Permalink

Saya ahli UMNO sejak 1986. Sepanjang pengalaman saya dalam partisaya dapati susah ahli UMNO untuk bersatu. Macam mana nak bersatu agenda mereka adalah pemilihan parti, jatuh menjatuh pemimpin, lobi melobi projek, membodek pemimpin, lansung tidak menghargai perbezaan pendapat dan banyak lagi.
Mereka hanya bersatu bila menyayikan lagi UMNO Bersatu Bersetia Berbakti dalam majlis UMNO. Lepas tu back business, Bergaduh. .

216. *Hookamania*

June 26, 2008 at 8:58 am | Permalink

Salam sejahtera Tun,
Perpaduan tersebut masih ada cuma sudah tidak dipraktikkan lagi.. Adalah menjadi dasar dan keutamaan seseorang pemimpin mengekalkan perpaduan tersebut untuk mewujudkan keharmonian sesebuah negara. Melalui cara melantik seorang ketua yang berpengaruh dan berkuasa barulah pemimpin yang mewakili sesuatu bangsanya akan dikenali kerana bangsa dan negaranya…
Kami dah tidak praktikkan lagi kecenderungan untuk perpaduan tersebut kecuali sekata dan tidak bersetuju dengan pemimpin yang ada sekarang kerana tiada pengaruh dan kurang berkuasa dan terlalu kurang bijak bersama line-up kabinetnya. Rasanya banyak masalah cuma masalah yang ada sekarang pun tidak tertampung apatah lagi untuk setahun..
Saya rasakan bahawa Perdana Menteri yang ada sekarang pun tahu mengenai masalah tersebut cuma diwar-warkan benda yang baik-baik bagi mengelakkan perkara yang lebih buruk dan kebaikan untuk dirinya sendiri. Cuma saya pelik macamana dan bagaimana kaum keluarga mereka tidur dalam kebencian rakyat sebegini…
Lama tak tengok muka YAB Tun dalam berita yang ada pun sekarang cuma gambar sahaja. Berita pun quotekan kata-kata YAB Tun sahaja. Kalau boleh buatlah ceramah bebas diseluruh negara terutama di Selatan. Agar selalu sihat-sihat sejahtera dalam segala perkara…

217. *Non-Bumi*

June 26, 2008 at 8:56 am | Permalink

Tun,
Saya datang dari sarawak. Saya memang amat mengagumi Tun. Biarpun saya ini berbangsa Cina, namun dari dulu lagi Tun tidak pernah menidakkan hak bangsa Cina di negara ini. Sejak Tun meninggalkan pentadbiran Tun, bangsa Cina makin ditindas dan pemimpin tersebut telah menidakkan hak bangsa Cina sehingga kalau dulu Tun yang jadi pemimpin, bangsa Cina tetap dapat memohon untuk jawatan yang ada dalam perkhidmatan awam. Sekarang biarpun mendapat kelayakan yang lebih baik dari yang lain, bangsa cina malah non- bumi pun tidak dapat haknya untuk memohon pekerjaan di sektor awam.
Saya amatlah berharap Tun sentiasa sihat dan saya pernah berharap Tun selalu menjadi PM kami….

218. *shah*

June 26, 2008 at 8:52 am | Permalink

Salam Tun,
Tersentuh hati naluri saya di pagi yang mendung ini. Kata-kata Tun ada betulnya dan bagaimanakah kita sebagai bangsa Melayu dapat memainkan peranan yang sepatutnya di masa sekarang untuk kepentingan anak cucu kita di masa hadapan. Kita tidak ingin melihat mereka terkapa-kapa mencari sesuatu yang tidak pasti. Mungkin-kah pemimpin-pemimpin yang sedia ada sudah hilang kredebiliti mereka disebabkan tekanan-tekanan di belakang tabir yang akan diambil oleh dua(2) orang tertentu ?
Rakyat sebenarnya terutama bangsa Melayu masih kabur dengan perkembangan semasa di Malaysia & ianya pada hemat saya telah sampai ke peringkat kritikal. Contohnya : so called Bakal Perdana Menteri yang baru Si Tanggang – Anwar Ibrahim (seperti dicanang-canangkan) pada September 2008 ini telah melalui satu proses hukuman yang agak lama tetapi dilepaskan & dibiar bermaharajalela. Adakah hukuman beliau diada-adakan semasa pemerintahan Tun. Kami terlalu "Confuse" & perlu penjelasan & bukti2 seperti gambar eg. Mr. Corect Correct Correct tu – Lingam.
Seperkara lagi, berkenaan kenaikan harga minyak, hari ini di berita radio telah diluluskan kenaikan komisen dari 9.5% ke 12% untuk pengusaha stesen-stesen pam di Malaysia. Kenapa ini terjadi & kenapa rakyat terpaksa menanggung semua bebanan yang tidak sepatutnya dipindahkan sekarang. Dan kenapa di Sabah, mereka mendapat pakej yang berbeza berkenaan subsidi minyak ? Apa dah jadi dengan Sultan-Sultan kita yang mana rakyat boleh ingkar contohnya : perwakilan DAP di Johor – sungguh biadap. Kenapa menteri-menteri terdahulu yang sememangnya sudah ada track record yang buruk seperti ex-Menteri Besar Selangor sebelum Khir Toyo … ingat lagi kan terjumpa $$ di Australia.
Dan banyak lagi …. kita sebagai umat Islam menjadi satu KEWAJIPAN untuk memperbetulkan keadaan yang kritikal ini. Dan pada pandangan saya, ianya belum terlambat.
Wassalm

219. *Zubli Zainordin*

June 26, 2008 at 8:44 am | Permalink

Tun Dr Mahathir Mohamad,
Malaysia yang maju memerlukan perpaduan seluruh masyarakat Malaysia.
Perpaduan ini bermula dengan perpaduan dalam semangat Barisan Nasional.

Perpaduan dalam Barisan Nasional bertitik-tolak dari perpaduan UMNO.
Penggerak utamanya ialah Presiden UMNO, Pengerusi Barisan Nasional, yang juga Perdana Menteri Malaysia.
Betapa penting dan utamanya seorang pemimpin, yang menerajui masyarakat dan negara Malaysia.
Kita telah menyaksikan kemunculan para pemimpin yang hebat. Bermula dengan Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Abdul Razak Hussein, Hussein Onn, dan kemuncaknya Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri.
Ketika itu kejayaan pemimpin adalah kejayaan masyarakat Malaysia.
Namun sebagai manusia biasa, Tun Dr Mahathir Mohamad disokongi sebahagian, dan ditentang sebahagian, dan rata-rata sebahagian lagi ditengah yang tidak menyokong dan tidak pula menentang.
Dari segi rekod pencapaian Tun Dr Mahathir Mohamad adalah pemimpin terbaik Malaysia dan kepemimpinan yang bertaraf dunia.
Ini tidak dapat dinafikan. Jika pun dinafikan, penafian ini tidak menjejas rekod yang masih tegak.
Jadi, ketika itu, ramai yang terfikir siapakah yang dapat meneruskan kejayaan ini?
Dari segi score card, pengganti yang dapat memacu terus kejayaan ini, ialah Mohd Najib Abdul Razak.
Jika diberikan sedikit masa, Mohd Najib Abdul Razak mampu melakukan yang terbaik, dan yang terbaiknya dari kepemimpinannya, dapat mengekalkan Malaysia harum di mercu tanda dunia.
Dengan itu tepat sekali Abdullah Ahmad Badawi dilantik untuk memenuhi tempoh masa ini, supaya kesinambungan wujud dan kejayaan Malaysia dapat diteruskan.
Tetapi…
Dalam sejarah politik dan kepemimpinan Malaysia, belum pernah ada seorang pemimpin yang seburuk dan seteruk Abdullah Ahmad Badawi.
Dia buat sesuatupun teruk. Dia tidak buat sesuatupun buruk. Hari demi hari semenjak Oktober 2003, kelemahan demi kelemahannya terserlah, sehinggalah anak muda, mak cik, achi, dan nyonya pun, boleh memperlecehkan Abdullah Ahmad Badawi, dan perlecehan ini tepat.
Pemimpin ada kek dan memperbesarkan kek ini supaya dapat dinikmat oleh ramai orang di kalangan orang ramai.
Abdullah Ahmad Badawi sebagai pemimpin dan kepemimpinannya dilihat menjadikan kek ini semakin mengecil, dan hanya dapat dinikmati oleh individu yang berdaya mengambil kesempatan di atas kelemahannya.
Tidor dan dibuai mimpi, adalah paparan Abdullah Ahmad Badawi, termasuk di majlis rasmi.
Kemenangan PRU 11, memburukkan lagi prestasi Abdullah Ahmad Badawi. Lalu dalam jagapun dia boleh tidor juga.
Ketika itu, sudah mula muncul sebahagian masyarakat yang mengharapkan Abdullah Ahmad Badawi melakukan perpindahan kepemimpinan dan peralihan kuasa kepada Mohd Najib Abdul Razak yang sudah pun bersedia.
Tetapi, kemungkinannya sekarang, Abdullah Ahmad Badawi akan kekal dan terus memimpin masyarakat dan negara Malaysia ke arah kehancuran dan kemusnahan.

Kenaikan harga petrol dan diesel secara mendadak dan drastik adalah petanda mula. Kesan dan akibatnya sudah mula dirasai setiap detik sejak 5 Jun 2008, dan lebih buruk lagi dengan Shahrir Samad mengusul di Parlimen 23 Jun 2008, lalu kemenangan 129 ahli parlimen Barisan Nasional yang memenangkan institusi spekulator antarabangsa, dan kekalahan 78 orang wakil turut kalah teruk ialah berjuta rakyat Malaysia.
Nampaknya tiada siapa dan tiada apa yang dapat dilakukan supaya Abdullah Ahmad Badawi meletakkan semua jawatan berkenaan sekarang.
Semoga Allah memberi petunjuk dan kebijaksanaan kepada kita semua.
Mesej PRU 12 adalah jelas, tetapi telah ditafsir semula oleh Abdullah Ahmad Badawi sebagai kemenangan.
Kemunculan Tengku Razaleigh Hamzah untuk bertanding jawatan Presiden UMNO Disember 2008 ini, tidak dilihatnya sebagai satu isyarat nyata.
Tun Dr Mahathir Mohamad dengan mesej dentuman keluar untuk sementara waktu dari parti keramat ini, diselambakan sahaja.
Suara Yong Teck Lee mewakili SAPP, tidak lagi konfiden akan kepemimpinannya adalah jelas, namun telah menjadi satu langkah yang telahpun ditangani sehingga tiada lagi yang berani menegur Abdullah Ahmad Badawi selepas ini.
Dengan segala macam tekanan dan himpitan dari sebuah kerajaan ke atas masyarakat, maka jelas kerajaan ini tidak lagi membela masyarakatnya, maka perpaduan yang goyah sejak Abdullah Ahmad Badawi memimpin, kini sedang secara semulajadi menuju perpecahan.
Jika penyingkiran pemimpin yang telah bawa kecelakaan kepada parti dan negara tidak tercapai dalam tempoh terdekat, maka kecelakaan itu berterusan, dan setiap orang di Malaysia bakal menanggungnya selagi Abdullah Ahmad Badawi berkuasa.
Kecuali beberapa orang yang berteduh di bawah kuasa ini, dengan sanggup menggadai maruah sendiri dan lupa janji bakti kepada pengundi dan masyarakat setempat.
Namun adakah nanti mereka ini akan dapat hidup sebagai manusia bila setiap dari sebahagian rakyat menjadi semakin vokal.
Contohnya telah ada, lepukan pemimpin kecil terhadap Ismail Sabri Yaakub di Kedah. Serta lepukan yang tiada dipapar di media massa, ketika suatu Ahad, Abdullah Ahmad Badawi bertemu perwakilan Johor.
Sampai suatu masa nanti mereka ini yang menunjukkan kedangkalan dan sanggup meletakkan diri di bawah paras kemanusiaan, akan dicemuhi sebagai demikian oleh ahli masyarakat, yang tidak lagi menghormati mereka, sebagaimana kata watak Tan Sri P. Ramlee kepada watak Mak Dara, dalam filem Ibu Mertuaku, akan nyata merata.

220. *penukul*

June 26, 2008 at 8:42 am | Permalink

assalammualaikum,
Nampaknya dasar pecah dan perintah telah berlaku kini.Ada tangan tangan ghaib yg telah mengaturkannya.Kunci perpaduan dan kekuatan diMalaysian adalah bersatunya orang orang Melayu.Kini kuncinya telah dibuka sedikit demi sedikit.Satu cara yg sistemmatik. Orang melayu telah dipisahkan,dipuak-puakkan,diasing-asingkan,dikecil kecilkan dlm kumpulannya dan dilemahkan.Jadi apabila orang Melayu telah dilemahkan kita sendiri akan tahu apa yg akan terjadi..fikirkanlah.Lihatlah Melayu Singapura telah diblockkan kediamamnya.
Kesimpulannya pilihlah pemimpin yg mempunyai pandangan masa depan dan belajar dari masa silam serta ada semamgat NASIONALIS yg tinggi.Yg paling penting..
Jangan pilih Pak Dol & Co.GELAP MASA DEPAN.Percaya dan yakinlah..Dengarlah cakap TDM.
Wassalam.
Dari penukul cari pahat
Bersatu kita teguh bercerai kita roboh

221. *peja*

June 26, 2008 at 8:41 am | Permalink

YA TUN>SAYA SKARANG AMAT BOLEH DI KATAKAN PAK LAH ADALAH SAMA TERUK DGN ANWAR IBRAHIM.KEDUA_DUANYA HANYA MEROSAKKAN BANGSA DAN NEGARA DEMI KEPENTINGAN SENDIRI

222. *hajiman ibrahim*

June 26, 2008 at 8:37 am | Permalink

Ybgh Tun,
Terimakasih atas coretan diatas.
Dari mula tiap coretan Tun senada dengan hasrat kami (sebahagian dari) rakyat malaysia yang sedar ketidakstabilan negara dibawah pimpinan DSAAB.
Keinginan melihat beliau bersara amat diharapkan pada setiap masa, malah di iringi dengan doa supaya dimakbulkan. Malangnya beliau kurang peka dan terus diatas.
Kami harap Tun dapat membantu langkah kami untuk bertindak supaya beliau lebih faham.
Doa senantiasa untuk Tun dan keluarga senantiasa bahagia dan sejahtera.

223. *Darren*

June 26, 2008 at 8:31 am | Permalink

When ? When can we stop talking only for 1 race ? Unity is not only within a particular race but all races in Malaysia.
Please stop now and work toward a real unity of Malaysian.

224. *pembaris*

June 26, 2008 at 8:26 am | Permalink

berkenaan dgn 'perpaduan' yg dicanang olih tuan tun kali ini, saya rasa kenalah kita keluarkan pepatah 'one has to be cruel to be kind' – kadang2 kita itu terpaksa bersifat kejam untuk tujuan yg baik'. amatlah pahit merotan anak kalau anak kita yg nakal dah nampak nak jadi jahat, dah pandai menipu, mencuri, memutar belit dll, kalau 'spare the rod, spoil the child' – tak dirotan, akan punahlah watak mulia anak tu. inikan keadaan sekarang yg nak dirotan bukan anak, tetapi 'ayah', pengulu rumah, kerja yg nak dibuat tu kena lainlah sikit, nak rotan dahlah lanjut usia. nak rotan anak2 kesayanganya yg megambil kesempatan kedudukan ayahnya, dah pandai2 belaka, manis dgn ayah, pandai pujuk dan macam s.samsudin dgn aziz satar dlm nujum pak belalang. satu utk engkau satu utk aku dan seterusnya. silap2 kita yg kena rotan. jadi yg lain ni nak buat apa bila tengok keadaan rumah yg dah terbalik kot? macam tuan tun, dia buat keputusan, pahit tapi kena buat – dia keluark rumah – chow!. yg dok dalam rumah tu lagi macam mana, nak ikut arus ka? nasi dgn kicap aje tiap2 hari, bolih hidup ka? yes men la tu? memanglah tuan tun kata dia tak penting – banyak maksud dan berlapih2. sedih kalau nak pikiark kita kena bersepadu utk menyinkir sesaorang yg sendiri kita pilih dari takhtanya. apa itu perpaduan kalau perpaduan itu ditafsirkan satu pemberontakan mengambil alih kapal yg tengah belayaq yg tak tentu hala, yg tak tau hanya kepten dan leftenen2nya sahaja. dia buat suka hati dia. ada angin, bubuh turun layark, takdak angin pi boh naik layark. ayark tenang dia main kemudi. semua tak betui!!! naik pukat, dia lempark kat kita ikan bilih. cakap banyak dia beri sikit ikan kembong – bonus katanya. kerapu senohong dia dan leftenan2 dia sapu. itu kapal atas ayark, kalu kapal selam tak taulah!!!
tuan tun dari luark membuat panggilan kpd anak2 yg masih didalam rumah, adik beradik dia jugak lah depa tu, dia masih sayang ngan depa, tapi kalau dia serbu rumah tu dari luark, kan nampak macam buta perut. kenalah yg ada didalam buat keputusan, dan perbetui apa yg perlu di perbetui. yg diluark tu, bila ayarq lioq tekak dah kering bersorak beri semangat tak jalan jugak, bulan posa pun bolih pi perang. tak mau lagu tu. zaman nabi bolihlah, sebab depa tu terang2 kapir. la ni

depa ni masih sedara kita, melainkan nak kena tampark baru sedark kot!
bila rumah dah dibaik pulih, tuan tun dan yg lain2 yg dah chow dulu bolihlah balik masuk rumah kesayangan depa. sekian. macam pentas tapi memang pentas.
melalut dipagi khamis…, salam muila tuan tun.

225. *warisan melayu*

June 26, 2008 at 8:10 am | Permalink

Salam Tun…
Sy sokong sepenuhnya tentang komen Tun kali ini. Sy percaya ramai lagi orang-orang UMNO khususnya akan menyokong apa yg Tun dokong. dan sy salah seorang darinya…
P/S:kenapalah pak lah tak nampak sokongan sebenarnya terhadapkan kian pupus dan berkurangan?

226. *baok*

June 26, 2008 at 8:10 am | Permalink

Assalamualaikum,
Tun Dr. Mahathir,
Pada masa sekarang Melayu memang nampak berpecah belah. Apatah lagi Melayu yg ingin mengejar pangkat dan harta. Kalau kita singkap politik masa kini, berapa cabang Melayu kita yang dah berpecah belah.
1. UMNO
2. PAS}Pakatan Rakyat
3. PKR}Pakatan Rakyat
Walaupun pada dasarnya kita nampak Melayu hanya berpecah kepada dua, tapi ada di antara pengikut PAS tidak bersetuju dengan cara PKR. Lebih memalukan ada juga orang Melayu kita yang telah mendaftarkan diri mereka ke dalam DAP.
Saya merupakan orang yang berkecuali dalam politik kerana saya merupakan kakitangan kerajaan. Dan saya terus pegang pada prinsip jika saya ingin bergiat dalam politik, saya akan meletakkan jawatan sebagai kakitangan kerajaan.
Jadi, senario sekarang, berapa cabang sebenarnya Melayu telah berpecah?
Disebabkan ketidak puashatian, mereka menubuhkan satu parti yang baru. Itu bukan cara untuk menyelesaikan masalah. Itu merupakan cara memecahbelahkan melayu.
Saya menyokong penuh Datoâ ™ Mukhriz untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda. Saya berharap ada pembaharuan yang beliau akan bawa. Sebagaimana Tun telah bawa dalam UMNO sewaktu Tun diterima semula kembali kepada

UMNO sewaktu Allahyarham Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri. (Mahathir Di Sebalik Tabir ; Oleh Zainuddin Maidin) Saya sayangkan parti UMNO. Parti untuk orang melayu. Saya dapat rasakan mungkin ada satu jalan untuk membangkitkan UMNO semula. Cuma sekarang masih samar-samar. Sebagai seorang bukan ahli UMNO, saya hanya mampu berdoa semoga UMNO dapat dipulihkan akan lahir seorang pemimpin yang lebih berdedikasi dan cekap dalam mengendalikan Malaysia yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum.
Saya doakan kesihatan TDM dan seluruh keluarga berada dalam sihat sejahtera.

227. *tayadiH maysiA*

June 26, 2008 at 7:59 am | Permalink

Assalamualaikum Tun,
Kebiasaannya, bangsa kita selalu berpegang pada peribahasa "bila nasi sudah menjadi bubur". walhal kita tahu apabila nasi sudah menjadi bubur, maka apa-apa usaha pun sukar untuk mengatasi masalah yang melanda. Namun, sebelum "nasi menjadi bubur" kita biasannya lupa dan endah tak endah termasuklah soal perpaduan dan menolak pemimpin yang paling lemah dan dayus dalam sejarah orang Melayu. Semuanya hanya mementingkan kedudukan dan duit yang masuk ke poket masing-masing. Kerana KUASA, KEKAYAAN, dan KEDUDUKAN, ada yang sanggup menjual maruah diri, bangsa, dan negara!!!! siapa yang untung…"mereka dan keluarga mereka di selatan tanah air yang untung"…kita melopong!!! kita akan menerima padahnya suatu hari nanti jika kita tidak bertindak sekarang!!!

228. *iamagoodmalaysian*

June 26, 2008 at 7:33 am | Permalink

Antimamak,
u ni tak paham lah..
Perpaduan Melayu amat penting cuz we are the majority! kalau melayu tak berpadu, mana mungkin kaum lain akan berpadu??? think deeply man cuz perpaduan melayu tunggak perpaduan Malaysian! Dont narrow down your thinking with the 'anti-mamak' sentiment!
bangunlah Melayu, bangunlah bangsaku, untuk perpaduan seluruh rakyat Malaysia! Mari kite pergi makan roti canai ramai1, supaya bisness anti-mamak semakin laris.. kalau nak laris lagi masuk blog dia, penat aje dia bagi url!

229. *dali*

June 26, 2008 at 7:19 am | Permalink

Salam TUN,
Inikah tauladannya "Hadhari" tu kot?
Satu sikap kita sendiri yang teramat susah nak dihilangkan adalah nak percayakan seseorang, walaupun mereka2 ini bangsa Melayu sendiri. Kenapa?
Bangsa kita sendiri tidak mahu diberi peluang (a chance atau a second chance) dari segala segi untuk membuktikan yang kita sendiri berkemampuan atau layak untuk menerimanya. Kenapa?
cuba kita sendiri pikirkan sebahagian yang tsb di bawah ;
1) tidak saling percaya mempercayai
2) saling menjatuhkan antara satu dengan lain
3) perangai bermusuhan dan dengki yang tak boleh ditegur bila cerdik, tak boleh di ajar bila bodoh.
4) tak ada kelompok/NGO/badan2 yang mewakili orang2 tua/cendikiawan/professional/imam-iman yang neutral yang sanggup menegur atau menjadi orang tengah untuk menyelesaikan segala bentuk pertelingkahan sehingga boleh berdamai atau sehingga pulih dengan ikhlas hati dari pihak yang bertelagah.
5) tak ada satu badan/institusi/organisasi tempat mengadu/bantuan untuk orang2 Melayu dari segi politik, ekonomi, agama, institusi keluarga, pendidikan, kesihatan dsb yang khusus bagi orang2 Melayu. Singkatnya sukarelawan professional.
6) tak ada persatuan2 Melayu yang khusus dan financially strong untuk menyokong perkara2 di atas.
7) tak ada satu pun inisiatif2 yang dapat merapatkan tali-silaturahim orang2 Melayu dari segi moral, pendidikan, institusi kekeluargaan, ekonomi dan ukhwah agama yang dituntut dan yang terutama sekali jurang kehidupan kemasyarakatan dari golongan professional, ahli2/tokoh2 perniagaan, apalagi golongan politik.
pada pendapat saya, yang tersebut inilah kekurangan dan kesilapan orang2 melayu sendiri hingga sukar untuk kita mendapat perpaduan.
Orang Melayu terperangkap dengan percaturan yang sudahpun merenggangkan/memecah belahkan perpaduan itu sendiri secara tidak kita sedari dan amat memudharatkan.
Secara singkatnya, bolehkan kita jawab perkara2 ini?
1) Networking/Rangkaian (untuk kepentingan/kerjasama/keteguhan untuk orang2 Melayu sendiri) dari segi politik, ekonomi, pendidikan, perniagaan, sosial dan lainnya. Kita belum sentuh dalam menghadapi saingan.
2) Research and Developement(Kajian & Pembangunan)
3) Gedung ilmu untuk rujukan dan pengglembengan tunas2 muda sebagai pelapik
4) Yang amat perlu sekali adalah, POLITIK orang2 Melayu;
a) yang tak boleh duduk sama rendah, tegak sama tinggi?

b) ringan sama dijinjing, berat sama dipikul?
c) bulat air kerana pembuluh, bulat kata kerana berpakat?
d) buang yang keroh, ambil yang jernih?
e) sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak berguna?
Apa yang cukup terserlah, cemerlang dan terbilang pada kami2 sekarang adalah sikap SIAPA BERKUASA-DIA HIDUP, SIAPA KALAH-DIA MATI. Semua parti politik Melayu begitu.
Domino effect dari trend sebegini turut terpalit pada para penyokong2nya sekali. Mereka turut berkubur, hilang, hancur, muflis dsb.
Ada tak pemimpin2 politik Melayu terdahulu sehingga kepada TUN sendiri dihargai, dihormati, disanjungi? Pak Lah sendiri bakal menyusul dan mungkin juga terjadi pada bakal pengganti beliau seterusnya.
Inilah tradisi kita, ORANG MELAYU.
Anak2 dan keturunan kita kemudian kelak nak jadi apa?
Allah sendiri berfirman, kalau kita tidak memperbaiki diri kita, keluarga kita, kaum kita, kampung kita, negeri kita dan negara kita, niscaya DIA tidak datangkan rahmat, kebaikan dan pertolongan. Kita tunggu sahaja-lah musibbahnya.
Kepada para pemimpin Melayu kesemuanya – EGO & PROUD = EVIL.
Rujuklah pada ilmuan, cendikiawan, bijak pandai atau imam2 yang MURSYID, mereka ada jawapannya.
kami semua ni kucing kurap. TQ

230. *SwitchBlade*

June 26, 2008 at 6:46 am | Permalink

Assalamualaikum Ayahanda Tun..
Pada saya Tun adalah salah satu pintu segala ilmu di akhir zaman ini dimana terdapat sebuah hadis mengatakan zaman ini ialah Zaman Fashyak & Mungkar.. Dalam berbagai cabang bidang ilmu yang Tun miliki, Tun adalah sangat pastinya arif mengenai Sirah Rasulullah S.A.W.. Tun lebih tahu tentang wujudnya dan kiamatnya bumi kita ini.. Dari apa yang saya tahu tanda besar dah tinggal separuh je lagi.. Apa yang tersurat dan tersirat sejak 1430 tahun dahulu kini nampak nyata satu persatu depan mata.. Rupanya kiamat itu datang sewaktu manusia sedang leka dan bersuka ria.. Saat manusia tak lagi menghiraukan maha Penciptanya.. Tun mungkin lebih tahu tentang Iran dan Isfahan serta apa yang bakal berlaku kepada dunia waktu itu.. Apa akan jadi di bumi bertuah kita ini.. Ketika Ad-Dajjal memunculkan dirinya sambil disokong oleh pengikut-pengikutnya.. Ia akan menakluki Dunia dan menawan setiap Negara, kubu kuat, wilayah dan bandar.. Tiada sebuah bandar pun yang tidak dimasuki oleh Ad-Dajjal melainkan Mekah dan Madinah.. Apa la yang jadi kat kita Rakyat Malaysia ketika tu…
Mungkin soalan saya yang di atas pada Tun dan blogger lain nampak macam blur je.. Bukan apa, cuma musykil je… 60 tahun dulu masa perang Jepun, moyang dan

tuk nenek kita ingat dah macam nak kiamat dah dengan peperangan dan bom.. Padahal tanda kiamat kecil pun sayup dan tak nampak tanda lagi waktu tu.. Tau-tau je 60 tahun lepas tu separuh tanda kiamat besar dah berlalu secara sedar atau tidak…
Pada Tuan Abdullah Hj Ahmad Badawi, doakan lah kami hamba rakyat agar diberikan kehidupan yang lebih baik di akhirat.. Dunia Tuan dah ambil semua bagi anak beranak… Maka ambil lah… Doakan je la kami hamba rakyat ni agar tak ada yang mati berbungkus surat khabar tak laku sebab harga kain putih yang mahal.. Dan kain putih lebih sesuai dibuat baju berKOLAR untuk para-para menteri sekelian.. Dan orang bukan Islam buleh arah kat mana buleh dan kat mana pulak tak buleh nak tanam mayat orang-orang islam.. Bagus lah ini macam Tuan Lah..
Untuk Ayahanda Tun, saya doakan agar Allah meredhai Tun di dunia dan akhirat dan dibangkitkan dikalangan para-para syuhada.. Itu saja yang termampu bagi saya untuk balasan dan terima kasih atas jasa baik Tun selama ini..

231. *selumber2000*

June 26, 2008 at 5:57 am | Permalink

Tun kenapa media dari zaman saya lahir hingga sekarang asyik tunjuk berita kebaikan fasal kerajaan dan keburukan pasal pembangkang sahaja?? boleh Tun komen tak?

232. *SHAZ*

June 26, 2008 at 5:29 am | Permalink

Salam Yg Bhg Tun & bloggers,
May i ask you Tun, do you think AAB actually doing what he is doing now to show his protest to the Rakyat?
The announcement on 1Mil to be given to Olympic gold medalist is a total pouring salt to the wound.
He has been flushing our money like a fool. Pure bribery almost all of it.
Where the hell true sportsmanship when sportsmen will only be attracted to the remuneration?

233. *hai*

June 26, 2008 at 4:51 am | Permalink

The Importance of Unity in the Face of Chaos
In times of desperation, fear, anger and confusion, it can be an element of human nature to search for blame. As members of a free and multicultural society, though, we must make a conscious effort not to assert responsibility or hate against people of any particular race or creed.
No great objective can be attained by lone individuals. Several people have to strive together if even the simplest things are to be achieved. But united effort, besides having many advantages, also presents one great problem- the problem of people differing among themselves.
Whenever people work together, it is inevitable that various disagreements and grievances should arise. Sometimes one will receive a smaller share of the credit, while another receives a larger portion. Some attain to high positions while others have to be satisfied with lower ranks. At times, it is something which has been said which offends another; at others it is some ill-considered action which seems to hurt another's interests. Whatever the bone of contention may be, there are bound to be repeated occasions which lead to resentment. There will always be times when one feels anger, jealousy, vindictiveness and animosity towards some colleague.
There is only one practical solution in such situations. That is, every individual has to turn himself into a self-correcting machine. He must defuse within himself the antipathy which he feels towards another. The grudges which he harbors have to be forgotten. Only then will people be able to work and struggle on together.
This is what Khalid ibn Walid did when the Caliph of those days, Umer ibn Khattab, removed him from his post as commander of the Muslim forces in Palestine. At the time, he felt extremely aggrieved. But then he thought: I am fighting, not for Umer, but for the sake of Umer's Lord, it is from Him that I hope for reward, so why be angry with Umer. Instead of airing his grievances, he settled them within himself.

234.  *azmany*

June 26, 2008 at 4:42 am | Permalink

Masalah kita sekarang ialah masalah kepimpinan (leadership problem). Menjadi pemimpin diwaktu senang memang senang tetapi memimpin diwaktu susah memanglah susah. Dan masalah kita ialah pemimpin sedia ada tidak berkemampuan menangani isu-isu semasa.
Kita tak boleh mengharapkan seorang pemimpin seperti Dr M. Dia adalah seorang yang unik dan seperti P Ramlee, hanya datang sekali. Mungkin kita perlukan pemimpin baru yang **tidak sama** dengan Dr M. Cara kepimpinan yang berbeza, approach yang lain. Tetapi visi dan matlamat perjuangan mestilah ada.
Sewaktu kepimpinan Dr M, saya ada berpendapat yang kepimpinan Malaysia

terlalu bergantung kepada Dr M seorang. Yang bagus, beliau dapat melaksanakan sesuatu yang sukar walau dicabar oleh pihak tak bersetuju. KLCC, Proton, KLIA, NS Highway, tidak akan wujud dizaman ini kerana pemimpin sekarang tidak dapat menahan tentangan amatlah banyak. Yang tidak bagus, cara ini mewujudkan struktur dimana pemimpin yang lemah sukar dicabar – seperti sekarang.
Hasil usaha kepimpinan 51 tahun, masyarakat kita sekarang telah banyak maju. Kita bukan katak dibawah tempurung lagi – dibuktikan kita mampu untuk bersaing dengan sesiapa saja. Dr M tunjukkan kita mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah, cakap sama kuat, dengan sesiapa saja didunia ini.
Untuk melonjak ke tahap yang lebih tinggi, pentadbiran masyarakat perlu diubah supaya kuasa kepimpinan dibawa turun dan diagihkan kepada pemimpin disemua tingkat. Agar rakyat dapat mengambil bahagian yang lebih bererti dalam pengurusan negara ini.
Sekarang ini: ketua kampung hanya pada nama. Ketua bahagian hanya menurut perintah. Malay Chambers of Commerce, GPMS hanya tempat untuk mendapat kuasa politik dan seterusnya projek.
**Perpaduan** akan dapat di capai jika rakyat dapat merasai bahawa mereka adalah relevan. Kita tak akan dapat lagi seorang Superman yang boleh membuat keputusan untuk semua 30 juta penduduk Malaysia. Lihat muka-muka pemimpin sedia ada – dan kita semua tahu tiada Dr M v2 dikalangan mereka. Tetapi kalau kita cari dikalangan kita 10,000 orang pemimpin dikalangan kita yang hanya ada 0.1% dari Dr M dan digabungkan didalam sebuah jentera yang berjalan lancar – insyaallah kita boleh jadi lebih kuat dari Malaysia tahun 2000.
Ini lah perpaduan yang kita patut cari. Dan bila DSAB disedarkan Allah dan meletakkan jawatan, inilah perjuangan yang kita patut cari. Supaya kuasa pemerintahan diagihkan dan dibawa turun daripada Putrajaya ke semua pelosok negara. Dari Perlis ke JB ke Tawau ke Miri.
Kita pindah dari sistem feudal.
**V** for victory.
p/s Turkey put up a great performance against Germany in Euro2008 – as I write this. Hope Malaysia can rise again and reach the football status of 1979!

235. *zulkiffle b.mohd kassim*

June 26, 2008 at 4:34 am | Permalink

Saya kecewa dengan kerajaan sekarang,lebih banyak percakaran diantara mereka sambil membesarkan empayar masing-masing. Perpaduan tidak ada lagi dlm kamus mereka,hanya masing-masing mengutamakan diri sendiri. Saya masih ingat ketika TUN menjaga negara ini,dengan iltizam TUN dapat mengawal UMNO dr dalam dan sambil memperjuangkan hak UMNO.

236. *nikdublin..*

June 26, 2008 at 4:09 am | Permalink

Tun…
Idea saya ni agak extrim…tapi rasanya kena bawak perkara ni ke jalanraya baru Paklala tau yang orang dah benci dia. Kena buat macam mana Allahyarham Suharto kena.
salam hormat.

237. *herkillerinstinct*

June 26, 2008 at 3:58 am | Permalink

Assalamualaikum Tun..
U sounded very angry.. I wish u the best of health..take good care of urself tun..

238. *Daniel Leiberman*

June 26, 2008 at 3:55 am | Permalink

BERSATU KITA TEGUH BERCERAI KITA ROBOH
Orang melayu harus bertindak sekarang jika tidak mahu negara ini tergadai atau dijajah semula. Mahukah kita melihat segala saham, harta & aset strategik negara ini dipindah milik dan ekonomi negara hancur. Sanggup kah kita melihat generasi akan datang menderita disebabkan kita tidak bersatu.
Seandai nya para perajurit negara yang berjuang mempertahankan negara ini dari 2 ancaman musuh, Peperangan Dunia II & Komunis dibangunkan Allah swt, mereka akan bertanya kepada kita.
Adakah nyawa yang kami korbankan ini tidak mempunyai sebarang makna langsung kepada kita, atau adakah pengorbanan kami ini sia-sia, kenapa kamu tidak bersatu menyingkir pemimpin yang telah bawa kecelakaan kepada parti dan negara
Sia-sia lah mereka mengorbankan diri mereka mempertahankan kedaulatan negara ini dari di cerobohi oleh musuh. Sedangkan kita tidak melakukan apa-apa, kecuali bercakap dan mengeluh.

239. *m'sian*

June 26, 2008 at 3:51 am | Permalink

please see the history don't just say only malay was the people behind to independent, why no body teach history for you or you forgot malaysian history. Please if you forgot history pls get primary student book and read. When you to talking about "Perpaduan" Do you think all races must be unite and bring up malaysia or just other races work for malays to come up like your NEP Policy Please Think there are other Human Being living in malaysia and born in malaysia but other the malays we cant say anak malaysia because you talking about bumuputera status and if bumuputera buys house you give discount 10 to 15% which the can that money to pay deposit so you want only malays to buy house and other low income Non bumies Cant afford to buy house and you expected us to stay in hut please before you post any blogs please think twice whether the word you used will make other un happy and please write the thruth thank you

240. *Mr. X*

June 26, 2008 at 3:22 am | Permalink

Just wanna inform YAB this blog have been officially nominated as a candidate for â ¦
Cuma nak beritahu YAB telah dipilih sebagai calon untuk â ¦
The Greatest Malaysian Blog â " POLITICIAN (English)
Blog Malaysia Yang Paling Bagus â " AHLI OILITIK (English)
(http://thexopinions.blogspot.com/2008/06/greatest-malaysian-blog-politician-en.html)
YOUR OPINION COUNTS!
PANDANGAN YAB DIKIRA!
Message from:
the X opinions (http://thexopinions.blogspot.com/)

241. *Pemuda Pelapis*

June 26, 2008 at 2:51 am | Permalink

Salam bahagia Tun seisi keluarga,
Saya amat-amat bersetuju dengan ulasan Tun tentang perkara ini. Rata-rata pemimpin Umno dan BN yang duk ada pada hari ini hanya tahu menyarankan perpaduan tetapi tidak memahami apakah maksud serta tujuan sebenar pada hakiki.
Nyata sekali politik di bawah kepimpinan DS Abdullah dan Timbalannya DS Najib adalah POLITIK ROJAK dan PASEMBUR yang tidak tahu membezakan yang mana buruk dan yang mana baik. Mereka main redah semacam saja. Orang lain cerita perpaduan, depa pun sebut perpaduan tetapi perpaduan lagu mana pun depa sendiri tak faham. Betul-betul korup kepala otak pemimpin yang duk ada hari ini.
Daya pemikiran mereka tidak kesampaian dan amatlah jauh sekali jika dibandingkan dengan pemikiran Tun. Kalau nak bercerita tentang wawasan lagi jauh. Memusnahkan wawasan yang Tun telah bina selama 22 tahun dulu ke arah WAWASAN 2020 ada-lah kot. Nak bina bukannya senang tapi sesenang itu Dolah dan Najib merobekkannya.
Lakukanlah sesuatu dengan kadar segera agar kemusnahan negara tidak berleluasa. Kita bimbang setelah hancurnya nanti amatlah sukar untuk dibina kembali. Rakyat yang majoriti nampaknya **terus mahu berpaut lagi pada Tun** dan ketika ini merupakan saat paling sesuai untuk Tun bertindak dengan lebih drastik. Apa cara dan kaedah sekali pun, Tun harus melakukan sesuatu usaha sebagai memenuhi harapan tinggi menggunung yang diluahkan oleh rakyat.
Saya menyeru dengan tulus ikhlas kepada Tun supaya perubahan mampu dilakukan segera demi rakyat dan negara tercinta. Juga ikhtiarkan sesuatu di dalam menyekat kemaraan Najib sebagai pengganti yang hanya bakal mewarisi kedunguan Abdullah. Ada kemungkinan Najib akan lebih teruk lagi daripada Abdullah. Tidak lupa untuk menguburkan terus karier politik Khairy menantu Abdullah yang menjadi dalang selama lima tahun kebelakangan ini.
Fahamilah jiwa-jiwa rakyat yang masih mengharapkan pembelaan serta jasa Tun. Saya amat yakin Tun tentu ada banyak strategi yang berkesan yang mampu menjayakan misi ini. Saya adalah penyokong utama di belakang Tun sekiranya Tun mahu duduk semula di jawatan Perdana Menteri dengan kejayaan misi kita nanti. Tidak ada apa yang mustahil dengan izin Allah swt jika kita berjuang di atas landasan yang benar.
Sekian semoga dipertimbangkan. Wassalam!
**PEMUDA PELAPIS – PEWARIS PERJUANGAN BANGSA**
http://www.pemuda-pelapis.blogspot.com

242. *joehoney*

June 26, 2008 at 2:45 am | Permalink

Salam Tun,
Apa yang saya dan keluarga boleh buat sekarang, hanyalah memberi sokongan

padu kepada perjuangan Tun sehingga akhir hayat. Nak cakap banyak banyak pun PM sekarang dan kuncu2nya tak mau dengar. Doa kami sekeluarga semoga Tun dan keluarga dipanjangkan umur agar perjuangan ini akan selesai tidak berapa lama lagi. Hidup Tun!

243. *pakbelalang*

June 26, 2008 at 2:24 am | Permalink

Dear Tun,
The best strategy if Pak Lah is still reluctant to resign is for you to just give a signal for all the Malays to vote for PAS. I am very certain all the Malays will oblige you and vote for PAS in drove. This will be the most effective strategy as a last resort. UMNO will collaspse immediately and Pak Lah will be cursed like hell for the rest of his life. It will be written in the history books the cause of UMNO downfall is because of Pak Lah's haprak and HP6 leadership!

244. *Sheikh*

June 26, 2008 at 2:20 am | Permalink

Tun,
Saya sangat sangat menyarankan supaya semua orang Melayu membaca buku Hitler yang bertajuk Mein Kemp iaitu Perjuangan Saya. Buku ini boleh di dapati secara percuma di internet. Jangan lah kerana kita membencinya kita tidak mencedok idea bernasnya menyatukan orang German dan mengenepikan Yahudi. Ketka itu orang German menjadi hamba kepada kapitalis Yahudi. Sekali pun seni dan akhbar di cengkam oleh Yahudi. Ikuti lah perjalanannya dalam menyatukan bangsa German. Tak perlu bersusah payah berfikir mengenai itu cuma baiki dan teladani mana yang perlu. Sikap atau pendiriannya yang ganas jadikan sempadan tetapi idea baiknya jadikan teladan.
Kalau lah boleh saya minta dan merayu cerdik pandai kita di sini menterjemahkan buku Mein Kemp itu atau Tun usulkan untuk di terjemah dan di edar secara percuma dalam bentuk ebook di blog ini.
Bagaimanakah kita ingin menyatukan orang ramai atau orang melayu. Cara paling mudah mengumpulkan orang ramai ialah dengan membuat kenduri. Kalau ada makan minum sudah tentu majlis meriah. Ada makan minum insyallah kita sampai. Yang lupa di jemput pun ada juga terselit hadir.
Erttinya kita perlu ada satu topik atau 'benda' yang boleh menarik perhatian orang melayu dengan bernafsu sekali untuk bersetupadu. Semangat dulu yang menyatupadukan orang melayu perlu di perbaiki kerana orang melayu kini

berpelajaran berbanding dulu. Orang melayu kini samada di bandar atau di kampung mempunyai pemikiran yang hampir sama kerana teknologi seperti IT telah mengecilkan dunia. Melayu yang ada ini telah berubah. Mengapa tidak kita kaji perkara ini. Adakah masa untuk itu? Tentu perkara ini tidak mendatangkan wang pada pihak tertentu?
Dalam UMNO sendiri melayu telah berubah. Saya ingat lagi semasa pemiilhan ketua UMNO cawangan atau ahli jawatan kuasa lainnya di tempat saya di sekitar Kuala Lumpur. Apabila di cadang, mereka yang di cadang beriya iya menolaknya. Sampai di pujuk baru mereka mau. Murni sungguh hati mereka dengan merendah diri sungguh orang lain dan yang empunya diri tau kelebihan diri.
Tetapi sekarang melayu sudah mula kurang ajar dan tebal muka tapi di bawa secara halus. Apabila tiba masa pemilihan. Si polan walaupun sebenarnya menteri atau AAB sendiri pernah berkata, "Saya dengan ini menawarkan diri…".
Haluskan tapi sesuai juga dengan bidalan orang tua tua. Hidung tak mancung pipi tersorong sorong. Kurang ajar dalam halus dan lembut.
Orang melayu sekarang lebih kreatif dan fikirannya bercabang cabang. Ini dapat di buktikan dengan komedi komedi merapu yang sememangnya memerlukan fikiran kreatif yang diminati ramai. Dalam pergaulan di dapati tanpa di sedari orang melayu telah pun menilai sesuatu topik perbualan dari sudut yang berbeza beza di sebabkan pemikiran kreatif ini.
Orang melayu kini akan bercakap dengan berani tentang apa saja tanpa malu malu seperti generasi terdahulu. Mereka berani bangun membela hak mereka mengenai apa jua. Boleh kah mulut mereka di tutup?
Mereka bukan jenis generasi lembab terdahulu yang lemah lembut. Mereka lebih agresif. Ada masa tersalah tafsir di katakan kurang ajar.
Bahasa mereka tajam dan tepat tetapi adakah orang yang sedia mendengar walau terasa terkena pada hidung sendiri.
Generasi baru ini sukar dibendung didapati liar sedikit tetapi mereka adalah melayu baru!
Seperkara lagi ialah sebgai tempat untuk mengadu. Menteri dahulu selepas merdeka, rumah mereka boleh di datangi sesiapa pun dari ahli UMNO. Isteri menteri juga tolong membuat air. Begitu mesranya mereka dengan rakyat.
Menteri sekarang mungkin sibuk tetapi gunakan konsep yang sama supaya mudah didekati.

245. *antimamak*

June 26, 2008 at 2:14 am | Permalink

Tun :
Berpandangkan sejarah UMNO waktu pemerintahan Tun, jelas sudah nampak Tun adalah Pemusnah UMNO. dimana 1988 Semangat 46 juga memecahbelahkan perpaduan kaum Melayu, 10 tahun 1998 kemudian datang pula Anwar, cerita Anwar main bontut dan heret anwar masuk penjara. Maka wujudnya semangat

reformasi. tahun 2008. tepat waktunya UMNO telah memasuki zaman perpechan. Bukanlah rakyat tidak bersatu padu, atau memecah belahkan UMNO, tetapi Tun lah orang yang patut bertanggung jawap dan patut menanggung dosa yang berat ini.
Hari ini, perpaduan melayu semakin lemah, disebabkan pada waktu pemerintahan Tun tidak membubarkan akta ISA, OSA, Hasutan dengan demikian rakyat menjadi takut pada pemerintah, tengoklah sekarang, walaupun ada ramai penyokong Tun, tetapi kesemuanya tak berani meruntuhkan kerusi Pak Lah. Kenapa berlakunya keadaan sedemikian? ini adalah kerana Kaum melayu mempercayai memasuki UMNO akan mengautkan keuntungan dan peluang menjadi millionaire, malah dapat hidup mewah, sekiranya dapat menjadi golongan Umnoputra, maka tidak mustahillah menjadi golongan elite dalam masyarakat,akan menikmati Status masyarakat yang tinggi.
]
Pengelutan Tun dan Paklah adalah kerana Tun telah kehilangan kuasa dan tidak berupaya dapat kuasa menjalankan kronisma, nepotisma dan rasuah, maka menyebabkan Tun marah marah dalam blog sendiri! Tun lah orang yang membina UMNO Baru, dan Tun lah orang yang memusnahkan UMNO Baru!
Kesimpulannya, Mamak amat marah disebabkan roti canainya tak dapat digoreng dengan nyaring, akibat salah pilih minyak sapi. Malah menyebabkan roti canai senang pecah berkecai kecai.
Kepada penyokong chedet, kalaulah nak marah sangat datanglah blog saya lepas geram!!Kami tetap dengar suara hati anda!
http://www.antimahathir.blogspot.com/

246. *pakbelalang*

June 26, 2008 at 2:12 am | Permalink

Dear Tun,
Sorry to divert. I just want to bring to your attention that Bernama reported today that the former ex-judge who had just got his "durian runtuh" from a Santa Claus, Azmi Kamarudin was asked about what he thought of former Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad in relation to the selection of judges without providing the reasons for their appointment.
"As a Malay, we don't want to be rude to the country's leader, but the prime minister should not take advantage of the situation," he said.
What rubbish is this "idiot" ex-judge is talking about? What does he mean that the prime minister should not take advantage of the situation. What situation is he talking about?

247. *pakbelalang*

June 26, 2008 at 2:11 am | Permalink

Dear Tun,
Sorry to divert. I just want to bring to your attention that Bernama reported today that the former ex-judge who had just got his "durian runtuh" from a Santa Claus, Azmi Kamarudin was asked about what he thought of former Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad in relation to the selection of judges without providing the reasons for their appointment.
"As a Malay, we don't want to be rude to the country's leader, but the prime minister should not take advantage of the situation," he said.
What rubbish is this "idiot" ex-judge is talking about? What does he mean that the prime minister should not take advantage of the situation. What situation is he talking about?

248. *kzso*

June 26, 2008 at 2:09 am | Permalink

Semoga Tun dan Tun Hasmah dianugerah oleh Allah SWT kekuatan, kesihatan dan dilimpahi rahmat dan nikmatNya.

249. *xlahunaix*

June 26, 2008 at 2:00 am | Permalink

mohon maaf jika apa yg saya hendak perkatakan adalah tidak kena mengena dlm artikel TUN yg ada sekrang ini…
saya mmg tau TUN adalah seorang yg pakar ,cerdik dan byk lagi dlm semua hal…tujuan saya ni bkn la untuk memuji…maafkan saya sekali lagi TUN…tetapi saya ingin meminta pandangan TUN tentang masalah yg saya hadapi skang ini…hanya disinilah saya boleh menanyakan TUN tentang soalan yg saya hendak buat untuk assignment saya ni…hanya sekadar rujukan sahaja…
soalannya : SHOULD MALAYSIA JOIN IN THE RACE OF SPACE EXPLORATION
harap TUN boleh menolong saya…dan saya berharap TUN boleh send ke email saya di : xtalam_roidx@yahoo.com
maafkan saya jika permohonan saya ini terlalu berat..

250. *observer*

June 26, 2008 at 1:58 am | Permalink

Politik parti yang sempit telah menyebabkan keadaan sekarang. Ramai intelektual dan professional tidak menyertai atau meninggalkan parti kerana ruang yang kecil untuk mereka memberi sumbangan dan juga mendapat tempat yang sesuai untuk menabur bakti. Kemungkinan keyakinan untuk maju tidak ada justeru mereka menyertai parti lawan. Orang-orang UMNO perlu melihat proses dan struktur mahupun sistem parti dari akar umbi yakni dari peringkat cawangan ke bahagian dan pusat. Adakah apa yang ada sekarang memberi peluang yang cukup untuk menonjolkan yang terbaik dari yang terbaik. Di waktu yang mencabar ini melayu seperti terpinga-pinga mencari cahaya untuk memimpin mereka. Tapi apakah pilihan yang ada?

251. *xlahunaix*

June 26, 2008 at 1:51 am | Permalink

assalamualaikum Tun…
permulaan, Tun adalah edola saya dari saya mengenal dunia ni…ini ikhlas dari hati saya tun dan saya sentiasa menghormati Tun dan akan setiasa berdiri di belakang Tun…insyahallah…
selepas Tun meletak jawatan saya melihat banyak org melayu cuba mengawal kuasa masing2…tu la pasal mereka mcm hilang hala tuju yg mereka tidak perasan langsung dan hanya untuk membuktikan bahawa diri meraka adalah benar…
kemana puisi "MELAYU MUDAH LUPA" yg sekarang ni digantikan oleh puisi "MENCARI DAMAI ABADI"…kenapa mereka tidak serap atau semaikan perkataan MELAYU MUDAH LUPA…atau mereka sengaja melupakannya…dan saya amat kecewa dlm hal ini…
keris dihunus untuk memohon maaf kepada bangsa lain..bkn kerana saya ada anti perkauman…tetapi di mana letaknya mertabat dan keagungan keris itu…mana melayu sejati kita yg terdahulu…terutama skali keagungan dan keistimewaan Raja-Raja yg skrang ni ada yg sanggup mempertikaikannya…byk lagi yg ingin saya ketengahkan tetapi saya tdk mau ada yg terasa dengan coretan saya ini…
saya bknla seorang yg minat politik tetapi apabila parti sesama parti bertelingkah ini adalah satu permulaan berakhirnya pemerintahan BN di bawah naungan UMNO dlm negara ini seperti menjejaki parti politik di negara lain…dan isu seperti ini pasti akan menyenangkan org ketiga bagi perebutan kuasa yg ada di negara kita…maka negara kita bakal akan di jajah lagi Tun…saya amat takut perkara seperti ini akan berlaku…dan keputusan anak Tun supaya pemerintah sekarang mengundurkan diri adalah wajar…kerana tiada apa yg dpt dia lakukan meskipun dia boleh lakukan tetapi ini sudah terlambat…saya ckpkan ini bkn la dr pandangan saya sendiri tetapi dari org ramai yg saya kenali ataupun ditempat2 awam yg sentiasa membincangkan hal ini…
tiada salahnya bekas mantan PM menolong masalah negara kan TUN…tetapi kita

nampak pemerintahan skarang ni takut untuk menerima pandangan org yg pernah memerintah dan tau isu dalaman mahupun luaran negara…apa yg dorang ckp org lama kena berehat…
jika tiada org lama tiadalah negara skarang ni…
saya berharap ksihatan TUN sekeluarga sihat sejahtera dan sokongan kami semua masih setia di belakang TUN.

252. *ketam*

June 26, 2008 at 1:20 am | Permalink

I would like to seconded motion put forward by barusedar. Dato Mustafa Mohammad is the best of all. I am from Kubang Pasu and not Kelantan and still I think Dato Mustafa Mohammad is the best. He is clean, intelligent and trustworthy. Sorry, I just jump in the conversation. I just wrote on something and just want to keep the momentum going. Good day to TDM and my fellow Malaysian. I love Malaysia but I hate Pak Lah and his cronies

253. *Budak Kampung*

June 26, 2008 at 1:18 am | Permalink

Salam Tun,
Saya tak malu mengaku saya anak melayu dari kampung cerok negeri, yang turut membesar dalam era Tun..anak melayu yang ada ilmu hasil ehsan kerajaan pimpinan Tun..anak melayu kampung yang miskin, tapi tu dulu..syukur jasa dan dasar Tun dah bawa bahagia pada saya dan ramai lagi anak melayu Malaysia..tapi kenapa sekarang ramai yang dah LUPA??
Teringin sangat nak balas jasa Tun, bila lalu depan rumah Tun rasa nak singgah hulurkan ketupat daun palas…ketupat mai dari kubang pasu..tapi takut polis depan tu marah..
anyway, saya akan terus berjuang bersama Tun untuk maruah Melayu

254. *zaki_77*

June 26, 2008 at 1:08 am | Permalink

vira, you write why Tun does not speak of national unity, well you must understand that there can be no national unity without Malay unity first as they

comprise 60% of the population. Once there is grass-root unity, then it becomes easy for national unity to develop upon a common platform.
ray77light, the reason why UMNO members are reluctant to demand that AAB step down is not because of a precedent this may set, but rather because they are selfish and self-centered of their own political aspirations. If they bite the hand that feeds them, then they can say good bye to their future.
Tun has the influence to mobilise the level-headed rakyat against the destruction of AAB led UMNO machine and we would follow him because he has the wisdom and foresight to see the long-term damage that AAB is wreaking upon our beloved country.

255. *amienmas*

June 26, 2008 at 1:05 am | Permalink

Salam Tun.
Definisi menyokong perpaduan yg dinyatakan oleh Tun amat tepat dgn situasi skrg. Jelaslah, org tua kita dulu-dulu pandai memberikan perumpamaan, peribahasa & simpulan bahasa utk mewakili sesuatu perkara atau situasi yg berlaku dgn perlambangan. Inilah yg dinamakan sokong bawa rebah…
Saya masih ingat lagi bahawa satu ketika dulu, Tun 'membawa usul' kontroversi berkaitan sistem DiRaja dan undang-undang. Maka banyaklah suara yg menyokong & menentang. Tetapi, apa yg pasti, tindakan Tun adalah bertujuan utk keadilan bersama dan menguatkan lagi saling percaya serta perpaduan institusi DiRaja dengan rakyat jelata. Malah, sultan Johor sendiri diberitakan menyokong saranan Tun utk dibuat jambatan bengkok… bukan WPI (kini Iskandar Malaysia = menjaga hati Sultan Johor).
Seingat saya (jika saya salah, Tun & kwn2 pembaca tolong betulkan), tidak pernah dgr, tonton, baca atau lihat anak2 atau pun menantu Tun terlibat secara aktif dlm politik & menjadi ahli parlimen, hatta utk berniaga pun di peringkat antarabangsa (mungkin utk mengelakkan tuduhan/fitnah salah guna kuasa).
Hanya setelah Tun bersara, barulah Mukhriz aktif & bertanding dlm pilihanraya.
Begitu juga dgn perihal Mokhzani & anak2 serta menantu Tun. Boleh dikatakan agak 'low profile'.
Berbeza dgn DSAAB & DSNTAR, apabila pegang saja tampuk pemerintahan, nama ahli keluarga mencanak naik dlm politik & bisnes. Nama Khairy & Kamaruddin pantas mencuri tumpuan lensa media dlm bidang masing2. Malah, melalui syarikatnya, Kamaruddin pernah tersenarai sbg salah sorang Melayu terkaya di Malaysia. Dahulu, tidak tercatat pun namanya di dalam senarai.
Adakah relevan meletakkan saudara-mara rapat bekerja di bawah bumbung yg sama (hanya berlaku jika kronisme diamalkan), apatah lagi di Pejabat Perdana Menteri – biarpun di tingkat yg berbeza?
Semoga kita bertemu lagi… teruskan Tun perjuangan utk menyedarkan gelombang kebangkitan rakyat menolak pemerintahan yg kononnya di canangkan

sbg “selamat aman makmur” selamat= sbb org masih sokong dia, aman= sbb press org2 dia yg jaga, makmur= periuk nasi ahli keluarga dia….

256. *Kamalias*

June 26, 2008 at 1:04 am | Permalink

Assalamualaikum Tun dan semua pengunjung.
saya telah membaca semua artikel yang TDM post dari awal lagi. Majoriti isi kandungan TDM mengenai masalah kepimpinan dan kerajaan sekarang atau lebih tempat mengenai DSAAB dan UMNO-BN.
Saya rasa biarlah TDM berterus terang kepada jutaan rakyat yang sentiasa mengikuti blog Tun Siapa sebenarnya orang yang TDM rasa paling layak menjadi PM atau pemimpin negara. Bagi saya sudah tentu bukan DSAAB dan sudah tentu juga bukan Najib. Jadi minta Tun jelas siapakah paling layak dari kaca mata TUN. Sebab kalau kita berhari-hari bercerita tentang kelemahan seseorang/pemimpin tapi dalam masa yang sama kita tak cadangkan siapa yang patut mengambil alih tak guna juga. Biarkan rakyat membuat penilaian tentang siapa yang Tun fikirkan sesuai…
Sebab kalau hari-hari dok cerita yang sama pun boring jugak….
Ikhlas dari saya…
(masih teringat Tun cepatkan masa semenanjung setengah lebih awal masa Tun mula-mula memerintah 😐)

257. *ketam*

June 26, 2008 at 1:00 am | Permalink

Salam TDM, saya berharap Tun akan panjang umur untuk terus menjadi mentor kami semua. Adalah terlalu banyak yang kami kehendaki dari Tun dan hanya tuhan saja yang dapat menentukan samada ianya dimakbulkan atau tidak. Saya tidak merasai sangat semangat nasionalisme sehinggalah saya berada di UK 1997 untuk belajar di mana pada waktu tersebut poster besar kacau bilau berlaku di Indo/Malaysia telah ditampal di belakang Marks and Spencer di Glasgow. Saya terfikir kenapa gambar di Indonesia ditampal sedangkan IRA pada waktu tersebut kerap juga melakukan pengeboman di Ireland. Pada waktu tersebut saya sedar bahawa kaum penjajah ini memang suka jika kacau bilau berlaku di negara kita. Tun, saya tidak salahkan Tun kerana melantik Pak Lah kerana sewaktu melantik beliau, KJ belum lagi menjadi menantunya dan saya rasa waktu itu latar belakang Pak Lah masih lagi bersih. Kalau tak salah saya KJ menjadi menantu beliau selepas beliau menjadi Timbalan Tun. Saya juga percaya kes Altantuya

mempunyai kaitan dengan KJ. Tolonglah siasat kerana KJ mempunyai spin doktornya yang saya percaya sangat merbahaya . Tun, jagalah keselamatan dan kesihatan Tun kerana kehadiran Tun sedikit sebanyak menguatkan semangat kami. Saya percaya sekiranya Tun adakan satu parti lain , orang orang yang memang ikhlas akan menganggotainya dan tidak seperti ahli umno sekarang yang menjadi ahli umno untuk mendapat habuan saja. Sekarang saya berada sekali lagi di UK dan saya dapati Malaysia tidak lagi terkenal semasa saya mula berada di sini dulu. Malah di akhbar utamanya (bukan tabloid) sangat jarang nama Malaysia disebut , tidak seperti semasa Tun menjadi Perdana Menteri dulu. Saya risau Tun….

258. *mustafa aziz*

June 26, 2008 at 12:45 am | Permalink

mustafa aziz, jasin, melaka.
YABerbahgia Tun, apakah ini sudah suratan orang melayu atau adakah ini malapetaka bagi orang melayu yang telah lupa, Tun pernah berkata Melayu Mudah Lupa, ini adalah salah satu sebabnya, peminpin yang ada sekarang ini, semuanya seolah-olah dipaksa menurut perintah, manakan tidaknya dalah surat mereka pun di akhirkan dengan "SAYA YANG MENURUT PERINTAH", rosak sudah pemimpin melayu sekarang ini, bangkitlah ahli-ahli UMNO, padukan suara kamu dalam dan undi kamu supaya tidak memilih PM Abdullah, buktikan kesetiaaan kepada agama, bangsa dan negara bukan kepada pemimpin yang mudah lupa seperti PM Abdullah. Ini satu malapetaka yang mesti di betulkan, tiada cara lain kecuali dengan tidak mengundi PM Abdullah sebagai Presiden UMNO, undilah Tengku Razaleigh Hamzah, pemimpin Melayu yang setia, sanggup menjual hartanya untuk UMNO. Dan percayalah bahawa ini bukan satu mimpi, jika G7 benar-benar sayangkan UMNO dan orang Melayu.

259. *Ah Tech @ Mamad*

June 26, 2008 at 12:42 am | Permalink

Salam Tun, Madam Tun & all,
1. Di Parlimen baru2, Pak Lah mendpt sokongan majoriti padu bagi meluluskan usul kenaikan harga minyak.
2. Saya rasa ini perpaduan yg Tun maksudkan.
3. Ahli2 parlimen berebut2 bersatu padu memberi sokongan kpd Pak Lah. Perpaduan yg membawa kemusnahan kepada rakyat!!
(25. Janganlah desak supaya diadakan perpaduan tanpa mengambil kira hasrat dan

matlamat ia diadakan)
4. Selepas 'kemenangan' usul naikkan harga minyak ni, dikatakan yg ini menunjukkan rakyat menyokong penuh usaha kerajaan. Sokong kepala hotak dia!! We are not that crazy la to agree with the increase of our cost of living. Come la, who will??
5. These statement is a laughing stock by other countries to Malaysian. What a shame!!
6. Nampaknya Pak Lah lebih pentingkan suara ahli2 parlimen dari suara2 rakyat. Ahli Parlimen setuju, membawa maksud rakyat pun setuju, Jadi Pak Lah pun selamat…
7. Jadi nampaknya ahli2 parlimen ni lagi penting untuk 'menjamin keselamatan' Pak Lah; dan bukannya rakyat. Maka peliharalah dan senangkanlah hati ahli2 parlimen ni, bukannya rakyat semua….
8. Ahli2 parlimen ni pun ada 5 tahun utk 'mengambil peluang' dari Pak Lah sebab mereka tahu Pak Lah perlukan mereka. Jadi, at the end mereka sesama mereka saja yg senang… rakyat macam mana??
9. Terutama bila ahli2 parlimen ni tahu sekarang Pak Lah tengah 'cash rich' sebab subsidi petrol dah dipotong. So siapa x sokong Pak Lah dia pun x dapat 'bahagian' dia la…
10. Pada mereka, apa nak jadi lepas 5 tahun itu belakang kira. Yg penting skrg perut kembung!
11. Jadi ahli2 parlimen yg sokong Pak Lah baru2 ni adalah satu contoh PERPADUAN. 'PERPADUAN YG MEMBAWA KECELAKAAN!!!'
Penyelesaiannya??? Tun dah bagi 'clue' apa yg perlu dilakukan oleh ahli2 parlimen ni….
(24. Sebaliknya perpaduan yang perlu diadakan ialah untuk menyingkir pemimpin yang telah bawa kecelakaan kepada parti dan negara.)
APA TUNGGU LAGI???………..

260. *Anotherme*

June 26, 2008 at 12:41 am | Permalink

Greetings Tun,
I see that UMNO is very weak as a platform to unite the Malays and the opposition that is led by a person who claims to be pious is clearly separating the malays nevertheless looking helpless to speak up or defend the malays in general. It is virtually impossible to strengthen the party(UMNO) under the current front-man. Is there any suggestion to this problem.

261. *fortress*

June 26, 2008 at 12:40 am | [Permalink]

Salam TDM.
Perpaduan sangat penting bagi survival bangsa. Apabila keadaan kucar-kacir, perpaduan tiada dan perpecahan menggantikannya. untuk mengatasi keadaan yang membahayakan masa depan bangsa dan negara maka kepimpinan mesti dipertanggungjawabkan.
Memandangkan kita mengamalkan demokrasi maka UMNO juga mesti mengamalkan demokrasi. Biarlah Ku Li bertanding menentang Pak Lah, barulah ada 'kick'. Ahli UMNO mesti ada pilihan, UMNO mesti ada pilihan. Kalau Ahli UMNO taida pilihan dan UMNO tiada pilihan maka Pak Lah pun tiada pilihan . Dia mesti letakkan jawatan. Kalau dia tak mau letakkan jawatan, paksa dia letakkan jawatan. Itu saja jalan yang ada sekarang ini.
Semuga Allah sentiasa memelihara Bangsa dan Negara Malaysia. Ameen.
Fortress

262. *[Just A Tot....]*

June 26, 2008 at 12:29 am | [Permalink]

Salam Tun ,
Dear readers of this blog.You cant find anybody whos more devoted to Dr M than I do . However , I find that most comments are due to the love of Dr M . Im sure as he deserved the honour and respect , knowing Chedet , he will appreciate more if we talk based on facts , and not merely " Im 100% behind you,no matter what ".
Having said that , the fact is , yes Dr M , I agree ,we need you back . WE NEED YOU . And not just because we love you , but simply because NOBODY else can turn things around .
My 2 brothers is a singaporean . My , how they used tohate u . Talk bad things about you ,and malaysians in general . Suddenly , nowadays , they talked about you , like youre a saint or something . Weird , so I asked . Guess whats the answer ? KIASU-ness . To admit Malaysias Prime Minister is better thn theirs ? Gawd … thts embarassing . But now , no harm . And Im telling u , if ever 2 arabic looking singaporeans came to you , and kiss your hands repeatedly , im sorry ,chances are they are my brothers .
Back to FACTS . Forget bout what has been said , written etc by whoever , even this in this blog for a while . Think for 5mins .See what , How n who around you . Chances are you praying to have things back to 5-6 years ago .Government is too weak now , and oppositions ,well , todate , to me , theyre still riding on the governments weaknesses.They dont even have to come up with somethg new. Jus take whatever Govnment is doing , and do it the other way round.Done. Govnment increase petrol , they give cash to help out.Govnments into bribe , they ask BPR to be based in their office. Easy job for them.No need to think of somethg new. Bukak paper , see what government is doing , do the otherwise.

DONE.Gawd … and EVERYBODY , if notmost , is buying into it . Heck,even me !
Sad isnt it ?
Anyway ,lets talk facts , okay? This blog is read by the whole world ( Kudos Dr M , 3 million anytime now ).Let them see tht were supporting Dr M for what is true , and not simply because we love him . I know , easier said thn done . Hey , I chase Dr M 3 stories , about 500m with my GF to take picture with him in One Utama . Wow , all mu friends was sooooo envious of us !!! hahaha..
Anyway , keep up the good work DR M. Same old line … We all LOVE YOU !!!!
ps – how about we have a CYBER-GOVERNMENT ? Dr M can be the first Prime Minister of our … lets call this country … E-MALAYSIA. And itll be the first in the world !!!! Anybody second me ? Share your thots .. here … or at my blog … http://jusatot.blogspot.com/
salam , Dr M .

263. *fawz*

June 26, 2008 at 12:28 am | Permalink

Assalamualaikum Wr Wb,
Tun yang saya hormati dan semua penulis dan pembaca, salam sejahtera!
1. Makin hari makin meruncing ! UMNO tidak dapat dipulihkan selagi ahli ahli nya tidak berani menentang kepimpinan sekarang.
2. Mungkin sudah terlambat untuk selamatkan UMNO kerana ramai ahli ahli nya sendiri dah “give up” ; jadi UMNO sudah tidak relevant lagi, sedih, tapi inilah hakikatnya. So kita kena cari jalan baru untuk menyelamatkan bangsa dan tahan air kita.
3. Kepada penulis penulis yang sering kali mengungkitkan kesalahan Tun kerana memilih AAB sebagai pengganti nya, saya luah kan pandangan saya seperti berikut:-
BAHAWA;
3.1 Tun tida ada banyak pilihan pada waktu membuat keputusan untuk mencari pengganti nya (UMNO tidak ada pemimpin yang Cekap, Bersih dan Amanah, sekarang lagi teruk)
3.2 Kemuncullan Tun sebagai PM pada tahun 1981, pada hakikatnya telah melambatkan kehancuran UMNO selama 22 tahun, sememang dari dulu lagi UMNO tidak ada banyak pemimpin yang CBA
3.3 Saya kira sebab itulah Tun menanggis sambil mengaku bahwa Tun gagal merubah minda orang orang Melayu (terutama orang2 UMNO sendiri)
AKHIR SEKALI;
4. Saya merayu kepada Datuk Mukhriz dan pemuda pemuda UMNO yang Cekap, Bersih dan Amanah agar segera menubuhkan PARTY PROGRESSIVE BARU dan jangan lupa meletak kan TUN sebagai PENASIHAT & MENTOR. Berilah

arah dan tujuan baru kepada rakyat.
Terimakasih, Wassalam.

264. *sujini*

June 26, 2008 at 12:28 am | Permalink

Para 24 menarik perhatian saya.
24. "Sebaliknya perpaduan yang perlu diadakan ialah untuk menyingkir pemimpin yang telah bawa kecelakaan kepada parti dan negara."
I. Saya sependapat dengan komen Caliph mengenai para 24 diatas.
Setakat ini terdapat dua senario untuk matlamat yang sama:
a. Ada suara yang suruh PM meletakkan jawatan.
b. SAPP adalah satu-satunya parti yang hendak membawa usul undi tidak percaya keatas PM.
II. Kedua-dua senario diatas ini tidak akan mencapai matlamat kerana tiada perpaduan.
III. Kalau rakyat mengharap akan ada satu perpaduan seperti yang dinyatakan dalam para 24 daripada MP-MP dan pemimpin-pemimpin parti politik selain daripada SAPP maka kita semua mati beranganlah.
Wassalam.

265. *Orang Dapur*

June 26, 2008 at 12:24 am | Permalink

Ayahnda Tun yang dikasihi.
Saya sangat bersetuju dengan pandangan DatOK ZeQ dari Kelana Jaya ni.
Kita kena bertindak Tun, yang pasti " kena ada action dan kena ada plan ".
Sokong 100%.
Moga Ayahnda Tun dan Keluarga beroleh kesejahteraan. Amin.

266. *ynwa1976*

June 26, 2008 at 12:21 am | Permalink

Chedet, I tend to be swayed by those who argued for national unity first and foremost, instead of Malay unity. I would love to hear your response on that, but

maybe I can offer some myself.
People may be inclined to offer the analogy of lidi. One lidi is weak but if many lidis are put together, they are strong, hence a few weak lidis maybe excusable if the entire penyapu lidi is still strong and usable. The problem is, Malays make up the bulk of the lidi, so it makes sense to make sure the bulk of the lidi is strong, hence address the Malay unity first.
In a family analogy, it is hard to maintain the strength of the family if one of your son/ daughter is in trouble. It affects the whole family.
Hopefully my 2 sen make sense.

267. *Tamingsari*

June 26, 2008 at 12:08 am | Permalink

Tun,
The atmosphere in this country is not good. Most Malaysian's are peaceful abiding citizens, but I feel there is tension in the streets, the people are not happy with the present government. Something has to changed soon…if all the Petrol stations all close tomorrow as reported then all hell will break out.
I am afraid this country is going backwards…we will not achieve your vision of 2020.
Wassalam

268. *shahraduan*

June 26, 2008 at 12:07 am | Permalink

"Aku menghitung 6 perkara menjelang hari kiamat." Baginda menyebutkan salah 1 diantaranya, iaitu penaklukan Baitulmuqaddis."

- Sahih Bukhari

~ dah jadi dah…

2) Zina bermaharajalela.

"Dan tinggallah manusia2 yang buruk, yang seenaknya melakukan persetubuhan seperti himar (keldai). Maka pada zaman mereka inilah kiamat akan datang." – Sahih Muslim

~ dah nampak dah… bersepah mana2 ada..zina hati, zina mata ramai yg tak sedar lagi.. Sendiri mau ingat..etc

3) Bermaharajalela alat muzik .

"Pada akhir zaman akan terjadi tanah runtuh, rusuhan & perubahan muka". Ada yang bertanya kepada Rasulullah; "Wahai Rasulullah bila hal ini terjadi?" Baginda menjawab: "Apabila telah bermaharajalela bunyian(muzik) & penyanyi?wanita" – Ibnu Majah

~ S'pore Idol, Malaysian Idol, Akademi Fantasia, Anugerah? CT kahwin..artis paling glamor saper???.. etc.

4) Menghias masjid & membanggakannya .

"Di antara tanda2 telah dekatnya kiamat ialah manusia bermegahan dalam mendirikan masjid" – Riwayat Nasai.

~ memang dah nampak dah…cantinyer..tp isi (jemaah) tak byk, leh bilang..yg lelaki tuh jgn lupa ada hadis mengatakan tak sah solat lelaki bersendirian di rumah, igt2…

5) Munculnya kekejian, memutuskan kerabat & hubungan dengan tetangga tidak baik.

"Tidak akan datang kiamat sehingga banyak perbuatan & perkataan keji, memutuskan hubungan silaturahim & sikap yang buruk dalam tetangga." – Riwayat Ahmad dan Hakim.

~ ada anak tak mengaku ada mak/bapak pasal malu… etc

6) Ramai orang soleh meninggal dunia.

"Tidak akan datang hari kiamat sehingga Allah mengambil orang2 yang baik& ahli agama di muka bumi, maka tiada yang tinggal padanya kecuali orang2 yang hina & buruk yang tidak mengetahui yang makruf dan tidak mengingkari kemungkaran" – Riwayat Ahmad

~ boleh kira berapa jer para ulama' yg tinggal…kirala..yg ada pon dah meningkat usia daa..itu pun dicerca, diperlecehkan, ckp ckit org kata politik di masjid…eh, politik tu bukan pun sebahagian dari Islam ke??

7) Orang yang hina mendapat kedudukan terhormat.

"Di antara tanda semakin dekatnya kiamat ialah dunia akan dikuasai oleh

Luka' bin Luka'(orang yang bodoh & hina). Maka orang yang paling baik ketika itu ialah orang yang beriman yang diapit oleh 2 orang mulia" – Riwayat Thabrani

~ George Bush, Ariel Sharon, Tony Blair….. etc.

8 ) Mengucapkan salam kepada orang yang dikenalnya sahaja.

"Sesungguhnya di antara tanda2 telah dekatnya hari kiamat ialah manusia tidak mahu mengucapkan salam kepada orang lain kecuali yang dikenalnya saja." – Riwayat Ahmad

~ jiran sesama islam pon tak bertegur sapa…satu pejabat wat dek jek tak bagi salam pon, "hai" la yg popular skali diguna…aper arrr…bye….etc

9) Banyak wanita yang berpakaian tetapi hakikatnya telanjang.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a. "Di antara tanda telah hari kiamat ialah akan muncul pakaian wanita & apabila mereka memakainya keadaannya seperti telanjang".

~ fesyen zaman skarang pakai tudung tp menampakkan buah dada dsb,fesyen tube,spaghetti strap, Seluar ketat,Baju ketat..(g-string etc.)… yg tak pakai lagila, insafla wahai "muslimat" sblm terlambat, tp aku heran klo depa solat pakai tudung pulak??? nape, Allah tgk kamu masa kamu solat je ker?? ish2..

10) Bulan sabit kelihatan besar

"Di antara tanda2 telah dekatnya hari kiamat ialah menggelembung (membesarnya) bulan sabit." – Riwayat Thabrani

~ tak caya gi tengok…perhatikanlah ..

11) Banyak dusta & tidak tepat dalam menyampaikan berita.

"Pada akhir zaman akan muncul pembohong2 besar yang datang kepadamu dengan membawa berita2 yang belum pernah kamu dengar & belum pernah didengar oleh bapa2 kamu sebelumnya, kerana itu jauhkanlah dirimu dari mereka agar mereka tidak menyesatkanmu & memfitnahmu" – Sahih Muslim

~ try baca akhbar2 & majalah?yg popular skarang nie…byk berunsur fitnah…ai, melodi pon fitnah gak tau..jgn main2..kita byk dilalaikan.aku pon tak tau mungkin isu halal haram psl makanan ni alah satu petunjukNya….

12) Banyak saksi palsu & menyimpan kesaksian yang benar.

"Sesungguhnya sebelum datangnya hari kiamat akan banyak kesaksian palsu & disembunyikan kesaksian yang benar." – Riwayat Ahmad

~ tengok kes peperangan Iraq ..

13) Negara Arab menjadi padang rumput & sungai..

"Tidak akan datang hari kiamat sehingga negeri Arab kembali menjadi padang rumput & sungai – Sahih Muslim

~ Dubai dah turun salji… Mina dah kene banjir… Mekah pun dah banjir pd tahun tak sampai pun 100 tahun dubai dah ade salji da

TOLONG FORWARDKAN KEPADA TEMAN-TEMAN LAIN! SBB KITA SAMA-SAMA LALAI DAN LUPA…SLH SATU BENDA YG MUSTAHIL DI AKHIRAT KELAK IALAH PULANG SEMULA KE DUNIA NAK BUAT AMAL…SESUNGGUHNYA SEKSAAN ALLAH ITU AMATLAH PEDIH…..

Dari Abdullah bin 'Amir r.a., Rasulullah s.a.w.bersabda:

"Sampaikanlah pesanku biarpun 1 ayat…"

301. *sangsetia*

June 25, 2008 at 10:03 pm | Permalink

Salam Tun,
Saya bersetuju dgn cadangan luxxssmana supaya diwujudkan satu kepimpinan utk memimpin satu perjuangan ahli UMNO, tidak kisahlah sekiranya dicap sebagai aktivis UMNO, utk memimpin satu perjuangan utk menjatuhkan dan menidakkan kepimpinan PakLah & Sons. Kalau seorang membuat lapuran polis mengenai penyelewengan yg berlaku ianya tidak berkesan berbanding dgn bilangan yg ramai.
Apa kata Tun saje yg menjadi pemimpin tentu tidak jadi masalah kerna ramai ahli UMNO mengetahui niat baik Tun. Ianya perlu dimulakan sebelum terlambat … kerna kalau PakLah menang bertanding atau tanpa bertanding pada Disember ni maka PakLah akan gunakannya utk mengatakan marjoriti ahli UMNO masih sayangkan beliau dan menyokong beliau sebagai presiden UMNO. Masa tu … sukarlah sikit perjuangan …
Ape kata diwujudkan satu kumpulan bebas yg tidak menerima bantuan kewangan atau arahan dari mana-mana calon yg bertanding utk berkempen di cawangan dan bahagian utk menidakkan kepimpinan PakLah … tentunya calon yg bertanding yang dicalonkan tidak akan dikenakan tindakan disiplin … kumpulan bebas ni takut apa … paling tinggi hukuman yg boleh dikenakan ialah digantung keahlian … tu saje. Mungkin ini yg sedang KJ rancangkan entahlah … BERTINDAKLAH SEBELUM TERLAMBAT.
Wassalam

302. *Anak Johor*

June 25, 2008 at 10:02 pm | Permalink

Ayuhhh… Apa tunggu lagi..!!!
Jangan kita asyik leka bersorak saja di dalam blog ini, tanpa kita sedar nanti ‘kampung’ kita tergadai. Mulakanlah langkah untuk mendesak orang yang memusnahkan kemajuan dan keamanan negara ini agar turun dari singgahsananya.. Dia sudah terlalu lena didodoi. Jeritan2 rakyat tidak mampu membangunkan dia lagi. Cara paling mudah adalah, kita angkat dia ramai2 dan campak ke dalam tasik Putrajaya…

303. *ifan9701*

June 25, 2008 at 10:00 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,setelah 5 tahun saya meninggalkan malaysia,amat sedih apabila saban hari saya membaca berita tentang keretakan pemerintahan malaysia oleh pemimpin kerajaan sekarang.semakin hari semakin banyak berita yang menjurus kearah kemudaratan rakyat.ketidak utuhan pemimpin negara sekarang amat ketara.saya sebagai pelajar tajaan kerajaan(Look East Policy)hasil usaha Tun),merasa terkilan melihat senario di malaysia hari ini.terutama apabila kaum melayu seolah-olah "menumpang" di negara sendiri.dulu apabila saya ditanya oleh rakan tentang malaysia,banyak yang saya boleh saya banggakan.tapi sekarang,nothing to be proud of.even dalam news di jepun pun selalu menyiarkan "kerapuhan" kepimpinan kerajaan sekarang.
Idea dan fikiran Tun selalunya 20 to 30 years beyond.tapi sayang Tun tak dapat meramal apa akan jadi bila Tun menyerahkan kuasa kepada Datuk Seri Abdullah.im not saying he`s useless.but cuma rasa dia agak tidak sesuai dgn jawatan tersebut,terutama untuk membela nasib rakyat especially kaum melayu.
-ifan tokyo-

304. *kashfi*

June 25, 2008 at 9:58 pm | Permalink

Terima Kasih Tun, kami senantiasa kenang jasa-jasa Tun kepada Agama, Bangsa dan Negara ini. Tanpa Tun Malaysia tidak akan berada dimana ia telah berada sebelum ini. Teruskan perjuangan Tun, kami akan senantiasa bersama Tun.
Hidup TUN DR. MAHATHIR!!!

305. *Mr. Kay*

June 25, 2008 at 9:56 pm | Permalink

Bersatu Teguh Bercerai Roboh.
~k~

306. *CucukSanggul*

June 25, 2008 at 9:54 pm | Permalink

DSAAB mesti kena letak jawatan. Kalau tidak rakyat-rakyat seperti saya yang membuat undi rosak / undi parti lawan pada PRU lepas akan terus tak mahu pergi mengundi langsung pada PRU13. Nanti sampai ke tahap kena pujuk orang ramai keluar mengundi pula!! As we speak now, I don't think so that I will want to attend PRU 13. I don't want to go through another painful experience, knowing that they won't appreciate a single shiver of ours doing it so….I had enough listening to 'I have work to do' answer he would give out to the rakyat.
Pak Lah: Just leave. :(

307. *zaki_77*

June 25, 2008 at 9:53 pm | Permalink

UMNO is not a fixed entity, it must move with time and space to fit in with the needs of the people, otherwise it becomes irrelevant (as it has become). It is people like Tun and other true patriots who reinvent UMNO for the needs of the rakyat.
Abdullah and his bunch of incompetent ministers do not seem to understand that they are there to serve the people; we the rakyat do not server them! Our PM is becoming despotic by doing everything he can to cling on to power and make a mess of the national trust that Tun had developed which made Malaysia envy of the world.

308. *Messra*

June 25, 2008 at 9:53 pm | Permalink

Salam buat TDM & Famili and bloggers,
Bab perpaduan ini satu topik yang sangat menarik. Kita bangsa Malaysia sentiasa sangat diingatkan tentang pentingnya semangat ini dipupuk untuk memastikan kesejahteraan dan keharmonian dalam semua lapisan masyarakat.
Dalam keadaan seperti sekarang, memang amat dituntut semangat bersatu padu. Perpaduan hanya akan dapat dicapai sekiranya semua anggota masyarakat menyertainya dengan mengenepikan segala bentuk kepentingan diri. Perpaduan harus digunakan sebagai wadah untuk membawa Malaysia dan penduduknya keluar dari tekanan dan ancaman.
Namun, melihat pada senario tanah air dan sebagaimana yang TDM katakan, perpaduan yang dituntut oleh kuncu-kuncu DSAAB adalah untuk kepentingan dan kesejahteraan DSAAB dan mereka-mereka ynag berkepentingan sahaja.
Bagaimana hendak mewujudkan perpaduan sekiranya DSAAB dan UMNO sekarang hanya tahu melaungkan perpaduan tetapi pada masa yang sama mereka

merobohkannya dengan unsur-unsur negatif.
Saya seru sekalian MP-MP yang didalam tu supaya keluar dan bersama TDM, MP dari SAPP, Dt Anifah dan Dt Gaffur dan mereka yang seangkatan dengannya untuk membentuk sebuah kerajaan yang bebas dari anasir DSAAB. Mari kita bersatu padu membina sebuah kerajaan benar-benar bebas dan tidak takut pada ancaman.
Bangun, bangun, BANGUN wahai MP semua.

309. *antimamak*

June 25, 2008 at 9:51 pm | Permalink

Tun:
Tun patutlah memupukkan perpaduan nasional, iaitu perpaduan kesemua rakyat malaysia, tanpa mengira mana mana bangsa,sama ada india, cina, kandazan, melayu…
Ia adalah lebih penting dari perpaduan di UMNO.
Tun telah menegaskankan UMNO semakin tidak relevan, tetapi perpaduan rakyat Malaysia adalah lebih mulia, lebih hebat jika dibandingkan dengan UMNO. Begitu juga melalui perpaduan rakyat Malaysia, ianya hendaklah dengan tujuan memulih semula maruah dan kejayaan bangsa dan negara. Maka ujudnya Bangsa Malaysia yang tulin. Kenapa pula Tun hanya menitik beratkan bagsa Melayu sahaja??
"Sebaliknya perpaduan yang perlu diadakan ialah untuk menyingkir pemimpin yang telah bawa kecelakaan kepada parti dan negara.â ˜â ™Tun Syabas, jangan sedih, rakyat Malaysia amat memahaminya, dan rakyat boleh lakukannya tanpa gesaan Tun sama sekali, bukankah Tun sudah nampak dengan Jelas dalam PRU12?? Ini lah kuasa rakyat, bukan kuasa UMNO yang akan menolak pemimpin yang membawa kecelakaan itu.
Kesimpulannya, takkan lah hanya mengharapkan kaum melayu makan roti canai, kaum lain juga memberikan sokongan kepada mamak juga. betulkah. Malah rakyat telah mengganggap roti canai teh tarik sebagai makanan sembang politik di gerai mamak.
Sokongkanlah perpaduan Rakyat Malaysia, hapuskanlah perpaduan UMNO melayu- nampaknya ideologi tun telah ketinggalan masa!
http://antimahathir.blogspot.com/

310. *Bendahara Din*

June 25, 2008 at 9:49 pm | Permalink

Salam Tun,
1) If that be the case, who do you think is the best Malay leader in the country now? Is it Pak Lah or Najib or Anwar or Nik Aziz or Mukhriz? I believe you choose the last.
2) You're right that Malays should seek for Perpaduan Melayu. I view that despite the BN election fiasco and not supporting your ideas, Pak Lah is still the better Malay leader now among all Umno leaders.
3) I view the kingmaker in the Malay politics now is PAS, not Umno or Keadilan. They are the Perpaduan Melayu party….think about it.

311. *menyegar*

June 25, 2008 at 9:44 pm | Permalink

Tun yg dihormati.Saya adalah ahli umno yg setia kepada parti umno sehinggalah pada PRU 12 saya telah dengan bangganya memberikan undi saya yg sagat bernilai kepada perti pembangkang.Undian saya buat adalah kerana saya sudah tidak mempercayai kepada parti umno lagi.Dan saya jgk tau masih ramai org melayu diluar sana yg sanggup dan bangganya mengundi pembangkang kerana kelemahan kepimpinan umno sekarang.Sedarlah wahai pemimpin pemimpin umno. tanpa undi rakyat marhain seperti saya apalah umno.. belajarlah dari sejarah apa bila sesebuah parti jatuh,tak mungkin pasti itu akan dpt memerintah lagi.Untuk menyatu padukan semula umno yg sudah busuk ini saya sarankan umno perlu di reformasikan dari dalam. tendang semua pemimpin pemimpin yg berjuang hanya utk kepentingan peribadi.kerena merekalah umno sudah tidak lagi relavan bagi org muda sekarang.Tidak salah kita tendang 50 org ahli majlis tertinggi umno dari membiarkan 2 juta ahli umno mengundi parti pembangkang.. sedar sedarlah …

312. *eugene*

June 25, 2008 at 9:39 pm | Permalink

Yang terhormat Tun,
Sungguhpun ramai pemimpin dalam BN sedar ketua yang memimpin mereka itu tidak relevan lagi, mereka tetap bersepadu dalam menyokong pimpinan ketua tersebut.
Mungkin mereka rasa perbuatan ini adalah satu perbuatan yang mulia tetapi sebaliknya, perbuatan mereka ini adalah satu pengkhianatan terhadap BN.
BN bukan milik seorang yang bergelar pemimpin parti.
BN bukan untuk kepentingan peribadi ketua pemimpinnya.

BN bukan untuk mengkayakan keluarga ketua pemimpinnya.
Sifat pemimpin dalam BN yang lebih pentingkan ketua pemimpin mereka dari kepentingan parti BN ini akan mengakibatkan kemusnahan BN dalam pilihanraya yang akan datang.
Adakah negara ini akan kekal dengan keamanan dan keharmonian bila dipimpin oleh parti pembangkang nanti?
Adakah kepentingan seorang individu itu lebih penting dari keharmonian dan keamanan negara ini?

313. *Ruslizan*

June 25, 2008 at 9:34 pm | Permalink

Salam, Tun..
Tumbangnya Malayan Union, Kerana Perpaduan,
Kalahnya KOMUNIS, juga kerana Perpaduan,
Hampir tumbangnya kerajaan Barisan Nasional di Malaysia pada PRU12, Juga kerana Perpaduan, tapi, kali ini bukan untuk UMNO, tapi kerana rakyat bersatu-padu mencari Keadilan, Mencari Pembelaan, Mencari Kebenaran…
Kami masih menanti seorang WIRA>>>>

314. *umm muhammad*

June 25, 2008 at 9:33 pm | Permalink

Assalamualaikum Yang Dihormati Tun
Tun, terima kasih kepada semua jasa-jasa Tun buat agama, bangsa dan negara. Pada pandangan saya, telah sampai waktunya untuk kita membuat sesuatu, bukan hanya setakat berblogging tiap hari, lama kelamaan ianya memang boleh menjadikan kita ketagih. Kita perlu mengambil kesempatan semasa ini untuk membuat strategi untuk perubahan, telah tiba masanya untuk "mobilise" penyokong-penyokong Tun. Kami telah melantik Tun sebagai "General" untuk memikirkan langkah-langkah yang perlu diambil.
Kepada fellow bloggers , it's time to put our action to our words!

315. *Melayu Mudah Lupa*

June 25, 2008 at 9:33 pm | Permalink

Sebenarnya orang Melayu sudah keliru dengan apa yang hendak diperjuangkan. Kepada orang politik, Melayu ini akan menyokong mereka yang mempunyai kuasa yang dapat memberikan mereka habuan. Mereka ini mementingkan tembolok mereka sahaja. Tidak kira pemimpin mereka lemah atau melakukan kebodohan yang merugikan bangsa mereka asalkan tembolok mereka penuh berisi. Kepada rakyat biasa, Melayu ini kucar-kacir dengan kehidupan yang semakin susah dan teruk kerana masalah kenaikan harga pelbagai macam barangan. Jadi Melayu ini menyokong mereka yang dapat memberikan keringanan kepada beban kehidupan seperti janji-janji yang ditaburkan oleh parti-parti pembangkang dahulu yang telah menjadi kerajaan di beberapa negeri. Dapatlah mereka nikmati air percuma dan sebagainya. Melayu ini juga memikirkan tembolok sendiri. Mereka tidak lagi melihat dalam visi yang besar kerana masalah perut yang mengempis dan terhimpit. Mereka tidak nampak bahawa kalau mereka semua bersatu dengan cara yang betul, mereka akan beroleh kejayaan yang lebih baik dan besar, tetapi dengan syarat pemimpin yang bakal mereka sokong pula harus mempunyai visi yang besar untuk menjayakan bangsa Melayu dan bukan kemudiannya mengisi tembolok sendiri pulak. Masalah sekarang, Melayu hari ini tidak lagi mempunyai pemimpin yang ikhlas, amanah, bersemangat tinggi untuk membantu bangsa dan bervisi! Akibatnya Melayu hari ini seperti anak ayam kehilangan ibu bertebaran mencari siapa ibu mereka yang dapat memberikan mereka makan!!!

316. *Sue*

June 25, 2008 at 9:31 pm | Permalink

aduii what is happening to our country now? malaysia doesn’t look like malaysia, and it’s becoming a country that i don’t recognize anymore. i really miss the time when our beloved country was so peaceful and is still “peaceful” even now.
i don’t wish to see msia huru-hara, but i am afraid it’s getting to that point now.
god bless malaysia!

317. *heicalmy*

June 25, 2008 at 9:30 pm | Permalink

Perpaduan dalam UMNO sudah berkecai.
Betul 99 % kena ada seorang pemimpin yg boleh satupadukan.
Buang sifat tamak dan pentingkan diri sendiri.
Bantu membantu.

Bukan dengki mendengki
Tengok THE STAR dulu dan sekarang .

318. *Oumono*

June 25, 2008 at 9:28 pm | Permalink

takdak cara ka nk bagi pak lah ni paham yg dia kena turun..
klo buat rally nnti dituduh ganas plak..

319. *piratemalaya*

June 25, 2008 at 9:28 pm | Permalink

Salam Buat Tun Sekeluarga …
Perjuangan yg belum selesai…
Sampai bile kite bleh mengharap perubahan yg tak kunjung datang…
Sampai bile golongan rakyat peringkat bawahan akan jadi mangsa…
Lepas naik harga beras… naik minyak..naik elektrik…
lepas nie ape lg yg naik…
mungkin golongan peringkat pertengahan masih boleh bernafs walaupun hampir sesak.
Bagaimana dengan mereka yg berpendapatan rendah…
Mestikah terus menderita akibat kepimpinan yg haprak lg x bermoral..
Memperjuangkan Islam Hadhari, tapi membiarkan rakyat yg miskin tamabah menderita….
"CEMERLANG,GEMILANG DAN TEMBERANG"

320. *kancil putih*

June 25, 2008 at 9:27 pm | Permalink

assalamualaikum, Tun…
saya setuju dengan tun kita orang melayu dah semakin berpecah. betul cakap Mr. Kay umno masih relevan. tapi pemimpinnya sekarang yang tak relevan. sebab hanya umno lah yang memperjuangkan bangsa melayu. kalau kita tengok pkr, dalam parti tu sendiri bukan semua orang melayu, so macam mana ianya nak mempertahankan nasib orang melayu?
banyak yang suruh Tun tubuhkan parti baru, tapi saya yakin Tun tak akan berbuat

demikian sebab tun amat menyanjung umno. kalau dulu tun dikeluarkan dari umno pun, tun tak sertai parti lain, apatah lagi sekarang.
walaubagaimanapun, jika suatu hari nanti tun ada berniat untuk menubuhkan parti baru,saya harap parti yang ditubuhkan itu adalah sebuah parti dimana ahlinya orang melayu dan mempertahankan nasib orang melayu. tun pun boleh mempelawa parti-parti komponen bn sekarang untuk menyertai tun, dan menjadi parti komponen seperti model barisan nasional. jika tidak ada yang mahu menyertai parti tun, tun boleh cari beberapa orang cina dan india yang berpengaruh untuk menubuhkan parti untuk bangsa masing-masing dan menjadi parti komponen.
mungkin sebelum ni tun ada mencadangkan supaya semua wakil rakyat umno untuk undi tidak percaya pada pak lah, tapi nampaknya cadangan tun dianggap kolot. mereka lebih mementingkan kedudukan dari rakyat dan bangsa melayu itu sendiri. malangnya tanpa mereka sedari, jika nanti pembangkang mengambil alih tampuk pemerintahan negara, bukan sahaja kedudukan yang mereka kejar2 hilang, malahan nasib orang melayu sendiri juga akan tergadai.
ini hanya hanyalah sebuah cetusan idea saya yang masih banyak kekurangannya apatah lagi nak dibandingkan dengan idea2 bernas tun. apepun, kami generasi muda bangsa sentiasa berada di belakang tun walau ape langkah yang nanti bakal tun ambil.
~La Motion C'Est La Vie~
Wassalam…

321. *nazimshah*

June 25, 2008 at 9:23 pm | Permalink

Saya bersetuju dengan apa yang Tun sampaikan.Kenapakah pemimpin sekarang masih fikir bahawa dia diperlukan oleh rakyat sedangkan dia tidak diperlukan.Senario yang berlaku sekarang hanya akan mengakibatkan negara,semua bangsa serta umno sendiri akan hancur.Tidakah pemimpin masih tidak sedar kita tidak dihormati seperti dahulu lagi.
Undurlah Pak Lah..demi kebaikan negara serta bangsamu….
http://www.indiamuslim.com.my

322. *tmoz*

June 25, 2008 at 9:18 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun..
Saya rasa, kebanyakan pemimpin melayu hari ini, sudah ada banyak kepentingan.

sebab tulah mereka tak mahu menentang DSAHAB. INi andaian saya sahaja.
Yang paling malang sekali, mereka membiarkan sahaja apa yang DSAHAB nak buat. pelik betul.. entah entah ini pun politik jugek. supaya DSAHAB cepat jatuh. kok ye pun .Takkanlah sampai menggadai negara..
Kalau DSAHAB buat silap, sepatutnya semua sekali menteri-menteri bawahnya kena hukum, sebab membiarkan aje DSAHAB membuat silap.
Haii takkan lah tak tahu lagi..
Awal-awal dulu, masa DSAHAB nak jadi PM. member saya dah bagitahu.. ini orang lagi teruk wooo. Saya tak percaya.. rupa-rupanya betul.
Lepas tu yang paling malu. Member singaporean sendiri cakap, DSAHAB ni ngan dia punya tu, nak jual negara. Saya pun pelik jugak.. Ingatkan orang nak fitnah pemimpin aje.. rupa-rupanya betul jugak. Saya pun kecewalah dengan prestasi DSAHAB. Kalau DSAHAB kerja kat swasta. Lama dah kena tindakan. Kena hantar training ..
Wassalam.
Jangan marah .

323. *wisdom67*

June 25, 2008 at 9:13 pm | Permalink

Generasi muda terutama umur 20 tahun ke bawah hanya membaca ilmu sejarah perjuangan bekas2 PM …..kalau membaca sahaja apa ada pada jiwa mereka ….mereka lebih kearah zaman cyber. Mereka ikut masyarakat yang telah benci kepada BN tanpa berfikir.Mereka telah dan tidak akan mengundi BN pada pilihan akan datang. Bagi yang umur 20 tahun keatas dah meluat dengan perkataan2 belit Pak Lah dan anak2 itiknya yang yes man.
Bagi saya Pak Lah adalah PM UMNO yang akan serah kepimpinanya kepada bukan Pembangkang. Tapi dia akan tewas ke kepada seorang yang akan bangun dengan berkata SAYA AKAN MEMIMPIN NEGARA kita Malaysia. Kata2 saya nie mungkin ramai tak terfikir. Tapi tunggu dan lihat.
Pak lah adalah PM menteri yang cakap A tapi buat B…pembelit…saya dah kaji perangai dia tu….semasa jadi TPM.
Pak Lah nyanyilah lagu :tinggal kenangan gagal segala impinan …. nyanyilah setiap hari.
Bangsa Melayu kena ingat… UMNO telah hancur kerana pimpinan Bodohwi tu.
Malangnya nasib aku, keluarga ku dan rakyat jelata kerana rezeki alam negara kita begitu melimpah tapi kerana PM yang pentingkan diri maka kita tidak dapat rasa nikmatNYa…tapi jangan lupa kita ada Mahaesa yang akan memimpin makhluk2nya yang sentiasa berusaha mendapat keredahaanNYA dan balasan bagi yang mungkar. Rezeki ditanganNYa. Amin.

324. *editorialblog*

June 25, 2008 at 9:07 pm | Permalink

Buku Tun bertajuk Dilema Melayu patut diulang cetak dan dijual semula. Buku itu walaupun 'memukul' hati orang Melayu, tetapi ia dapat menimbulkan kesedaran kepada orang Melayu bahawa mereka adalah satu bangsa yang agung. Dan seruan demi seruan telah kita buat supaya Pak Lah berundur, tetapi beliau memekakkan telinganya. Beliau yang mendapat maklumat dari konco-konco Tingkat 4 memberi alasan bahawa beliau masih diterima rakyat. Konco-konconya belum puas mengaut kekayaan sebab itu mereka tidak mahu Pak Lah turun. Kenapa projek tebatan banjir di Sarawak bernilai RM300 juta sudah meningkat kepada RM3 bilion dan siapa yang mendapat projek itu? Pak Lah tahu siapa? Harap supaya Tun berdua tetap sihat.

325. *tebengau*

June 25, 2008 at 9:07 pm | Permalink

Salam Tun.
Saya adalah generasi yg membesar dlm era Tun.Tapi kenikmatan dan kemakmuran yg dikecapi selama ini dgn izin Allah, nampaknya akan semakin terhakis angkara org2 yg tamak dan tak tahu mentadbir tp mengaku pandai. Sampai bila rakyat akan terus ditipu?
Tun……. kembalilah. Kami akan sentiasa bersamamu.

326. *sintaro08*

June 25, 2008 at 9:04 pm | Permalink

Masalah Melayu yang ada sekarang yang menyokong UMNO dibawah kepimpinan lemah Pak zzzz dah pekak… atau mungkin terpaksa sokong kerana takut hilang pendapatan hadhari masing2…

327. *WS*

June 25, 2008 at 9:03 pm | Permalink

Tun yang dihurmati;
Saya sedih dan terkejut akan kenapa blog Tun disekat? Walau bagaimana pun saya bersyukur kerana dapat juga memberi sepatah dua komen didalam ruangan ini.
Benar kata Tun tentang Perpaduan.Sekarang sudah tidak ada lagi perpaduan samaada bagi bangsa melayu apatah lagi perpaduan bagi rakyat jelata.Ini adalah kerana Pemimpin kita asyik mencari kekuasaan dengan mengunakan kuasanya yang ada sebagai Perdana Menteri untuk menghentam Parti lawan dan tidak terkecuali Tun sendiri.
Semua ini untuk apa dan kenapa dilakukannya? Hanya untuk menunjukan bahawa beliau berkuasa, walaupun dalam PRU 12 UMNO dan BN dibawah kepimpinan beliau kalah teruk dan amat memalukan.Mereka masih buat tak kisah dan masih berbangga kerana masih bolih memerintah.Apakah pemimpin sebegini yang mesti kita hurmati?
Jika seorang Pemimpin yang benar benar mementingkan perpaduan bangsa dan negara, tentunya kita mesti sanjung dan menghurmati beliau, tetapi apa yang kita dapat dengan beliau sebagai pemimpin? Hanya Perpaduan di dalam Majlis Tertinggi dan kabinet boneka beliau.Ini yang PASTI.
Kuasa yang ada pada Beliau membuat beliau lupa akan tanggung jawab beliau pada bangsa dan juga negara. Ini yang menyedihkan kita sebagai rakyat.Rakyat hidup susah dengan bermacam masaalah, dan walau beliau berjanji akan menyelesainya, tapi dilihat tidak berjaya kerana niatNYA yang tidak JUJUR.Beliau hanya tunjuk jujur kepada yang mengikut telunjuknya sahaja, yang menentang tentu akan menerima padah darinya atau kuncu kuncunya.Inilah perpaduan yang kita ada sekarang…

328. *menerung*

June 25, 2008 at 9:03 pm | Permalink

Maybe young generations, keen on the idea of 2 parties system.
Now we have pakatan rakyat and barisan nasional. Who give us better perspective, we vote them.

329. *flashkidz*

June 25, 2008 at 9:02 pm | Permalink

Tun,
Saya sudah tidak percaya akan kepimpinan yang ada sekarang. Siapakah yang paling layak?

330. *ray77light*

June 25, 2008 at 8:58 pm | Permalink

Dearest Tun
I agree with Caliph.
The theme now is “Contingency Plan”.
Surely there is a way forward both within and from outside of UMNO?
Time may not be on the rakyat’s side.
Do take care of your well-being.

331. *nelly*

June 25, 2008 at 8:54 pm | Permalink

Bukan sahaja perpaduan UMNO sudah berkecai, perpaduan rakyat Malaysia sudah berkecai. Baru tadi saya mendengar petikan dari radio menyiarkan AAB berkata dia tidak mahu paksa semua rakyat untuk mengundi sebab kita negara demokrasi. Tambahnya lagi, 70% rakyat Malaysia telah register sebagai pengundi. Betul kah statistic ini? semakin hari semankin mengarut lah dia ni. Kita pun tidak tahu priority dia ni apa sebenarnya….when it comes to serving Malaysia. What we know that he has got time to promote batik, rich enough to own a private jet, and has come up with stupid moves to halt new business potentials for our country, his reason is to cut cost.
saya ingat Tun cepat tubuhkan parti baru. Kita akan for sure dapat banyak undian. Yang tidak pernah mengundi pun akan turut mengundi sebab dah meluat sangat kepada AAB ni.

332. *ARESHAN*

June 25, 2008 at 8:51 pm | Permalink

asalamualaikum..
memang betul dah tak releven golongan muda untuk menyokong UMNO disebabkan oleh bakyak faktor: pTPTN, minyak, cukai2 pintu, harga barang naik dengan mendadak, kadar gaji yang tak konsisten , gejala rasuah…
bila lagih negara kita nak berubah menjadi sebuah negara berdaulat.. bukan menurut telunjuk barat.. tetapi membangunkan ekonomi sendiri dengan kudrat sendiri.. tidak bergantung kepada kekangan luar..

Malaysia adalah negara yang maju dan memerlukan tenaga orang muda yang berpengajian tinggi dan inginkan kepada generasi yang matang yang mampu membina sebuah negara yang mencapai matlamat wawasan 2020.

333. *Nero*

June 25, 2008 at 8:50 pm | Permalink

It is unfortunate that your successor, who I suspect was only to be a transitional leader, has clinged onto power like a leech. He sucks the coffers dry, despite futile efforts to dislodge him. It will certainly be "Independence Day" the day we get rid of this weak and imbecilic prime minister.
I do get your drift though. The people of Malaysia tried to convey a message to him, but unfortunately this is often not successful with people with thick skulls and are big headed, such as our prime minister. It is now up to the the Malays, through UMNO to give him a resounding "Tak Nak" message. I sincerely hope that the Malays will be united in sending this message to him, as the nation is now on the edge of an abyss.
Your courage in the face of adversity is admirable. At a time when most people your age would have cited health and age related excuses not to wage a war on the administration, you have taken off your gloves and have come out fighting for the future of Malaysia. God bless you.

334. *iamagoodmalaysian*

June 25, 2008 at 8:50 pm | Permalink

tun,
saya mmg risau sgt dgn perpaduan org melayu skrg.. knp perlu tubuhkan 'serpihan' umno sedangkan umno masih boleh diperbaiki jika pemimpinnya ditukar.. perpaduan kaum Melayu amatlah penting dalam menjamin perpaduan pelbagai kaum di Malaysia kerana kita semua satu bangsa Malaysia.. dengan wujudnya perpaduan di kalangan kaum paling majoriti (melayu) di Malaysia barulah dapat memupuk perpaduan Malaysia! knp pempimpin lain di PAS & PKR tidak boleh bersatu dan memulihkan keadaan Malaysia skrg? Knp perlu bersifat terlalu 'berpolitik' tanpa mementingkan kepentingan rakyat? knp perlu bersengketa sesama sendiri atas dendam peribadi?? semoga pemimpin di malaysia lebih memikirkan rakyat berbanding perjuangan peribadi!
p/s: will fully respect, i realy admire kenyataan akhbar tun ptg tadi! tun sgt berani mengakui kesalahan yang tidak disengajakan.. inilah pemimpin sebenar Malaysia yang boleh menjamin perpaduan Malaysian! sesungguhnya kepimpinan tun tidak

terganti! saya amat menyokong tun.. saya sudah lama memaafkan walau apapun kesilapan yang tidak disengajakan dahulu..

335. *Fazrulls*

June 25, 2008 at 8:49 pm | Permalink

Salam Tun,
Kami seisi keluarga amat sedih dengan keadaan sekarang, dengan membaca tulisan Tun diatas terlintas dihati saya untuk menyelak semula buku2 sejarah tanah melayu dll, bertapa peritnya kita dahulu dan sekarang kita menjadi lebih perit dengan keadaan yang berlaku dek kerakusan kerajaan sekarang… Di harap dewan rakyat dapat bertakafur sejenak mengenang susah senang pemimpin lampau dan mengambil iktibar dengan apa yang telah berlaku…
Salam mesra buat tun dan isteri…
Wasalam,

336. *kedah youngster*

June 25, 2008 at 8:49 pm | Permalink

Memang betul Tun, di zaman pemerintahan Paklah ni sudah tiada lagi perpaduan di kalangan orang melayu, UMNO dan semua bangsa di malaysia ini. Pemerintahan paklah ini sudah boleh dianggap sebagai pemerintahan "SILENT KUKU BESI". Paklah banyak memusnahkan keamanan, kesejahteraan dan kejayaan yang dinikmati oleh bangsa melayu khasnya dan negara malaysia amnya. Antara perpecahan yang dicipta oleh paklah ialah ;-
1) Pergolakan dalan pucuk pimpinan GPMS (Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung). Khairy banyak memainkan peranan.
2) Pergolakan parti-parti komponen BN seperti MCA, MIC dan Gerakan.
3) Rusuhan dari HINDRAF. mereka mengambil kesempatan untuk berdemontrasi di atas kelemahan & kelesuan pemerintahan Paklah.
Paklah juga menyembunyikan perpecahan yang sedang berlaku di dalam UMNO. Sebenarnya, ahli UMNO yang menyokong Paklah hanyalah mereka yang SUKA MENGAMPU, SAYANGKAN JAWATAN, SAYANGKAN PROJEK ANGAN-ANGAN PAKLAH. (golongan-golongan ini akan kembali memaki hamun & mengutuk paklah bila 'ORANG TUA' ni sudah tidak lagi jadi PM.)
Sebaliknya, kebanyakan ahli UMNO di peringkat akar umbi (termasuk saya) terlalu sangat tawar hati dengan parti keramat bangsa melayu ini. Ini kerana, UMNO sekarang dipimpin oleh manusia yang busuk hatinya dan mempunyai sifat-sifat PENGKHIANAT. Itulah Abdullah Badawi.

Saya masih ingat di zaman pemerintahan Tun, Tun selalu menyatakan bahawa satu-satunya kejayaan yang Tun cipta selama 22 tahun menjadi PM Malaysia ialah KEAMANAN & PERPADUAN PELBAGAI KAUM.
Kami faham bahawa Perpaduan Kaum akan memudahkan kerja-kerja Pentadbiran sesebuah negara. Apabila kerja pentadbiran menjadi mudah, barulah negara dapat melakukan pembangunan. TETAPI apakan daya, nasib kita bangsa Melayu & negara Malaysia sekarang begitu malang sekali kerana dipimpin PAKLAH & FAMILY.
Bagi saya sepanjang pemerintahan paklah, beliau tak faham benda-benda berikut:-
1) Apa itu perpaduan kaum?
2) Apa itu pembangunan ekonomi?
3) Apa itu dasar politik luar?
4) Apa itu kedaulatan negara?
Paklah hanya tahu untuk membela dirinya & keluarganya sahaja. Beliau sanggup membiarkan rakyat menderita. HARUS DIINGAT PAKLAH, APABILA RAKYAT MENDERITA MAKA TIADALAH LAGI PERPADUAN DI DALAM NEGARA INI.
Kepada Ayahanda Tun,
KAU ADALAH BAPA PERPADUAN SEJATI.
KAU ADALAH BAPA PEMBANGUNAN NEGARA.
KAU ADALAH PEMBELA BANGSA MELAYU.
TERUSKAN USAHA MURNI MU.
AMIN….

337. *nshahril*

June 25, 2008 at 8:46 pm | Permalink

Ayahanda Tun,
Tiada perpaduan sebenarnya di dalam UMNO itu sendiri. Tidak perlu tidak, masing-masing yg berada di dalam parti, punya AGENDA mereka tersendiri. Mengisi poket serta tembolok sendiri dan kaum kerabat yg ada jika menjawat jawatan tinggi di dalam parti – ITU YG SUDAH PASTI!
UMNO perlu dicuci, disugi, dilapah, ditawas dan sebagainya untuk memastikan MISI and VISI yg dibawa oleh UMNO diterima oleh golongan2 muda dan cerdik pandai yg sekarang sudah menoleh mencari arahtuju baru di dalam berparti. Oleh kerana itu, UMNO sudah TIDAK RELEVAN di mata mereka-mereka ini yg beranggapan UMNO utk parti mencari kekayaan; bukan UMNO yg punya matlamat yg kukuh seperti sedia asalnya UMNO ditubuhkan!
Semoga Ayahanda akan terus bertinta dan senantiasa di bawah lindungan Yang Maha Esa!
Salam hormat,
nshahril, MLWT

338. *azlim_hamzah*

June 25, 2008 at 8:46 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,
apa yg di perlukan sekarang adalah seseorang yg mempunyai visi and misi seperti Tun. (Ini merangkumi keseluruhan aspek termasuklah cara menyampaian dan the choice of words)
Di dalam Umno sekarang, sudah tidak ada mereka yg memperkatakan tentang "Melayu Mudah Lupa/Melayu dalam Delema". Jgnkan, memperkatakan, malah tidak ada yg ingat apa tersirat di dalam buku2 tersebut…
Sekian…. sedih kerana bangsa

339. *melayumahumaju*

June 25, 2008 at 8:45 pm | Permalink

Kerana ada kedudukan dan kekayaanlah Melayu sekarang lebih pentingkan diri daripada negara.

340. *ibnuyusof*

June 25, 2008 at 8:45 pm | Permalink

Salam Tun,
Tahniah kerana blog ini masih beroperasi seperti biasa walaupun sebelum ini wujud masalah dengan Blogger. Pada hemat saya perpaduan wujud bila rakyat berada dalam kerugian dan yang memerintah berada di pihak yang untung serta dapat memanipulasi berbagai sumber kekayaan negara secara sewenangnga untuk faedah diri. Sebab itulah orang Melayu dulu bersatu teguh dan sanggup berkorban menentang penjajahan.
http://www.megasutra.com

341. *jebatmustdie*

June 25, 2008 at 8:42 pm | Permalink

Dearest Tun,
I wrote slightly similar posting regarding my disappointment with the current Umno leadership.
Dengan izin Tun,
http://jebatmustdie.wordpress.com/2008/06/19/umno-is-no-more-protecting-the-malays-dignity/
Thank you.
Semoga panjang umur dan murah rezeki.

342. *Ediç¥*

June 25, 2008 at 8:42 pm | Permalink

we need perpaduan tun!
TUn please come nad whack badawi and Najib into shape!

343. *adi*

June 25, 2008 at 8:42 pm | Permalink

Itulah Tun. Dulu Tun selalu marahkan PAS, Tun selalu perli2 PAS, Tun selalu memperlekehkan PAS, Tun selalu provoke PAS, macam-macam la yang Tun buat terhadap PAS. Walhal PAS itu adalah parti orang melayu jugak dan yang penting lagi PAS adalah parti orang melayu Islam. Tetapi Tun selalu membuatkan PAS sebagai parti low class, parti picisan, parti orang-orang sesat. Itu anggapan Tun. Sehinggakan penyokong-penyokong PAS seperti saya merasakan saya ini bukan hidup di negara saya sendiri. Sehinggakan semua penyokong-penyokong PAS seperti saya ini senantiasa berdoa kepada Allah yang Maha Kuasa supaya dijauhi dari kejahatan Tun terhadap PAS. Allah itu Maha Berkuasa, pada hari ini saya dan semua yang berdoa kepada Allah swt sudah nampak pembalasan Allah, melalui tindakan-tindakan Tun yang sudah tidak mempercayai parti Tun sendiri! Semoga Allah menunjukkan lagi kekuasaanNYA.

344. *ANAK-DAMIT*

June 25, 2008 at 8:40 pm | Permalink

Saya mewakili suara generasi muda SABAH sudah bosan dengan kepimpinan pak-dolah dan K.H (paling di benci di kalangan monyet-monyet sumatera).

UMNO perlu di rawat secepat mungkin, humban monyet-monyet tersebut keluar dan gantikan dengan yang layak dan berkaliber. Perpaduan perlu di capai di sabah bukan hanya merujuk kaum melayu malah bumiputra sabah yang terdiri daripada berbagai etnik ( melebihi kaum yang terdapat di semenanjung). Kami di SABAH amat risau dengan corak pimpinan BN-UMNO yang berpecah belah di kalangan parti dan UMNO sendiri. Dengan kadar kemiskinan yang tinggi dan tahap pengehtauan yang rendah di kalangan rakyat SABAH, maka rakyat SABAH sekarang menjadi terlalu akur walaupun korupsi berlaku di mana-mana dan masa depan bagi bumiputra SABAH kian tergadai. Saya percaya walaupun harga minyak mencecah RM 4.00 seliter, rakyat SABAH akan tetap berdiam diri dan menyokong penuh tindakan tersebut kerana kebanyakan rakyat di luar bandar langsung tidak mengehtaui apa-apa dan berserah sahaja kepada nasib sedangkan kuasa mengundi ada pada tangan mereka. Saya berharap agar Tun dapat membantu nasib kami di sini dan memberi kami beberapa idea untuk menyelamatkan dan mengeluarkan kami dari kepompong kemiskinan kami kerana kepimpinan kami tidak mampu untuk membantu kami. Antara beberapa masalah yang masih kami hadapi;

1. Jumlah pendatang asing yang makin bertambah dan tidak terkawal sejak akhir akhir ini berikutan pertambahan projek di sabah yang secara tidak langsung memberi peluang keemasan bagi mereka.

2. Kurang peluang pekerjaan dan kadar gaji yang amat rendah (masih terdapat rakyat kami yang menerima gaji RM 400-500 sebulan walaupun taraf hidup makin meningkat berikutan harga minyak yang melambung). Selain itu, ramai siswazah kami yang tidak mendapat pekerjaan dan terpaksa berhijrah ke semenanjung.

3. Pembangunan yang tidak seimbang antara daerah-daerah sabah. Saya mengakui, bandaraya kota kinabalu di sabah telah berubah dan saya sebagai rakyat sabah saya amat berbangga bila berada di bandar kota kinabalu tetapi kebanggaan itu hilang sama sekali bila meninjau ke kawasan luar bandar kami. Masih ramai yang buta huruf, tidak memiliki kemudahan asas, kemiskinan sehingga terpaksa menyara hidup melalui tanaman sendiri,anak-anak muda yang terbiar, pekan usang yang ketingalan dan banyak lagi.

4. Politik wang yang berleluasa – saya amat sedih bila fenomena ini masih berlaku. Dengan kadar pengehtauan rakyat kami yang majoritinya rendah, kebanyakkan rakyat sabah hanya mahu mengundi bila mendapat wang. Ianya seperti turun temurun iaitu sejak saya kecil dan tidak dapat di bendung lagi. Saya amat sedih bagaimana rakyat-rakyat sabah yang begitu mudah menerima wang yang mereka tidak tahu asal usulnya. Boleh dikatakan wang haram itu telahpun di guna hampir di setiap pelusuk sabah ini dan adakah setiap penduduk di negeri saya ini telah pun secara sedar atau tidak sedar telah termakan duit haram?.Bagaimana pun saya percaya, mereka ini masih menganggap duit tersebut adalah halal dan ianya adalah pemberian daripada kerajaan.

5. Sikap YB/wakil rakyat yang masih tidak berubah â “ Kebanyakan wakil rakyat kami masih lagi org yang sama setelah berpuluh-puluh tahun lamanya ( hasil dari politik wang yg tidak memberi sebarang faedah ). Kebanyakan wakil rakyat kami mengabaikan nasib rakyat kami yang miskin ( kecuali pada hari-hari

terdekat pilihanraya ). Hasilnya, rakyat kami masih ramai yang miskin, pekebun kecil tidak memiliki tanah, alam sekitar yang kian lama rosak dan sebagainya. Malah ada juga segelintir yang langsung tidak mengehtahui siapakah wakil rakyat meraka apatah lagi parlimen. Wakil rakyat juga jarang kelihatan dan tinggal jauh daripada kawasan jagaan mereka.
Saya berharap agar Tun dapat membantu kami membela negeri kami yang semakin di belenggu kemiskinan. Saya percaya negeri kami masih lagi miskin bila kita melaungkan tahun 2020 kelak.

345. *Ummabdrahmaan*

June 25, 2008 at 8:39 pm | Permalink

Assalamu'alaykom!
I regularly checked in here to discover the latest. Amazingly, subhanallah, I'm shocked to discover the topic that has been much on my mind.
Orang Islam Melayu perlu bersatu padu demi maruah dan kejayaan bangsa!!!
I'm 100% with you on that point!
Ummabdrahmaan.

346. *Neil*

June 25, 2008 at 8:39 pm | Permalink

I saw in MT that you want to have your days in court to clear you tainted name.Better not,Tun,all will gang up and tear you to shred.I think you are in a way been found guilty by the royal commission on the lingam's tape and the public have made up their minds that it's you who is the culprit.You messed Article 121 and belittle the judges by sent them to boot camp.You say you will answered to Ian Chin's allegation in due time, but still haven't Tun.Why? Lost your memory!We are still waiting for your side of the story.Thamks.

347. *Offshore Representative*

June 25, 2008 at 8:36 pm | Permalink

Tun,
Tidak dinafikan Melayu dah mula berpecah dan berpuak-puak gara-gara politik hari ini. Pemimpin yang tidak lemah, bertokoh dan dihormati lawan atau kawan

adalah yang paling layak memimpin. Sedih nasib yang menimpa rakyat Malaysia hari ni …. dapat pemimpin yang bernama Abdullah Badawi. Bila saya fikir dan renung dalam-dalam, tak percaya diri ini macamana pemimpin macam Pak Lah boleh jadi Perdana Menteri. Yang lebih menghairankan … UMNO hari ini tak macam yang Tun gambarkan … semua takut dan "SOKONG Pak Lah 100%". Untuk Pak Lah … saya dan ramai lagi rakyat Malaysia sekali lagi memohon jasa baik Pak Lah untuk berundur. Berilah peluang untuk Malaysia menjadi maju dan makmur semula. Pak Lah … jasa mu akan di kenang kerana sudi berundur atas kesedaran sendiri mengakui kelemahan diri dan tak layak untuk memimpin kami rakyat Malaysia.

348. *win*

June 25, 2008 at 8:33 pm | Permalink

You are my idol TUN…Semoga Tun sekeluarga sihat walafiat hendaknya…

349. *marakarma*

June 25, 2008 at 8:33 pm | Permalink

ASSALAMUALAIKUM WBT TUN MAHATHIR & TUN CT HASMAH
ATAS NAMA DEMOKRASI KATANYA
HADIRI KENDURI KAHWIN SALAH ETIKA
ATAS NAMA DISIPLIN SEMASA
MENGHADIRI TAHLIL DAN YASIN DIANGGAP BERDOSA
INI 1 JULAI 2008 AKAN BERMULA
SETELAH PERJUMPAAN PAK DOLAH DGN CAWANGAN2 SELESAI SEMUANYA
UMNO KINI ADA KASTA
DEMI KUASA DAN PENGEKALANNYA
KINI APA PUN TAK BOLEH KITA KATA
SEMUANYA DITANGAN DIA
DISURUH CANGKUNG , CANGKUNGLAH DIA
MT LEMBU CUCUK HIDUNG MEMBUAT ETIKA
MACAM BODOH DAN HILANG TELORNYA

350. *Mayor*

June 25, 2008 at 8:29 pm | Permalink

Assalamualaikum…
Harap tun sihat dan panjang umur, kami akan tetap sokong tun..

351. *greysmoke*

June 25, 2008 at 8:29 pm | Permalink

Anak kecil main api
Terbakar hatinya yang sepi
Airmata darah bercampur keringat
Bumi dipijak milik orang
Nenek moyang kaya raya
Tergadai seluruh harta benda
Akibat sengketa sesama kita
Cita lenyap di arus zaman
Indahnya bumi kita ini
Warisan berkurun lamanya
Hasil mengalir ke tangan yang lain
Pribumi merintih sendiri
Masa depan sungguh kelam
Kan lenyap peristiwa semalam
Tertutup hati terkunci mati
Maruah peribadi dah hilang
Kini kita cuma tinggal kuasa
Yang akan menentukan bangsa
Bersatulah hati bersama berbakti
Pulih kembali harga diri
Kita sudah tiada masa
Majulah dengan gagah perkasa
Janganlah terlalai teruskan usaha
Melayu kan gagah di Nusantara

352. *damah*

June 25, 2008 at 8:28 pm | Permalink

Assalamualaikum Yg Berbahagia Tun,
Orang Melayu memerlukan seorang pemimpin yang boleh menyatukan bukan saja dikalangan Melayu malahan seluruh rakyat Malaysia.

Semoga Tun sihat sejahtera dan sentiasa berada dalam keredhaan Allah
Amin.

353. *cariidea*

June 25, 2008 at 8:26 pm | Permalink

Assalamualaikum
Tiap kali dia (AAB ) bagi ucapan, tak dak modai lain dah..PERPADUAN,PERPADUAN,PERPADUAN. Dia suruh bersatu supaya dia bertambah bongkak dan boleh buat macam – macam lagi dan boleh gelak besaq lagi. Bila oghang hentam dia,panglima dia ( Nazri ) akan pertahan dia. Dulu ada sekoq menteri yang baru nak tempah kot menteri cuba – cuba belajaq nak jadi panglima dengan berkata " TDM,kalau dah pencen jangan masuk campur urusan kerajaan sekarang". Bila dah kena hentam dengan Tan Sri Sanusi Junid terus senyap. Tengok muka pun tak dah tokoh nak jadi Menteri Pen ada hati nak kata Tun. Ceh! Tak boleh tengok muka menteri tu,sampai la ni pun dok geram lagi ni.
Pastu Tun bagi cadangan supaya PM ada penasihat khas, tapi DS Adnan senang – senang je menolak cadangan Tun. Sapa DS Adnan tu yang senang2 menolak cadangan Tun? Apa jasa dia kepada negara ? Apa dia sumbangan besaq dia kepada negara..habuk pun tarak.
Paling dibenci Si Nazri tu..fuh..punya celupaq mulut dia. Kalau jumpa dia rasa macam nak ludah.
Teruskan Tun korek dan bagi idea yang bernas untuk kami ikut. Rasa sunyi kalau tak boleh buka blog Tun.
Semoga Allah SNW merahmati segala usaha Tun untk kebaikan kita semua.

354. *anak merdeka*

June 25, 2008 at 8:26 pm | Permalink

asssalamualikum TUN dan semua bloger2 serta pembaca2 blog,sekiranya pihak kerajaan yg korup cuba membuat tuduhan yg palsu terhadap TUN,maka kita harus dan wajib pertahankan TUN dgn apa cara sekali pun,mohon PERPADUAN YG YTU DRPD SEMUA YG MENYOKONG TUN,ALLAHU AKBAR,SELAMATKAN TUN DRPD PEPIMPIN YG KORUP

355. *sithxiii*

June 25, 2008 at 8:26 pm | Permalink

Salam, webmaster:tak payah la post komen nih.. tapi saya saja nak tulis…
Unfortunately for me, I took the first chance to run away from Msia in 2007 (the year that I felt Msia is going the wrong way – the opposite way towards the future (especially in Engineering/business field). the year that I felt I was only menyalak bukit bila dok bercerita pasai politik Msia). I ran…
Unfortunately I miss Msia (especially petai, belacan, nasi lemak & mee goreng mamak) and I still want to go back to my hometown. At least my anak2 should membesar di Msia. Unfortunately, saya rasa bangsa saya akan tertindas jika keadaan Msia tidak berubah. But I ran…
I'm sad because I ran (at the time I felt if this is happening to Msia and in one years time (thats now) I will 'kais pagi makan pagi semalam' dgn gaji yg saya dan isteri dapat.(kami graduate dan saya kerja swasta)(takder la cikai sangat).. I'm sad because i feel that everybody is just talking and menyalak bukit.
I hope there is someone out there in Msia, will change this (current state of Msia) the way it should be. I don't care what people say about Tun dulu atau sekarang.. tapi saya tau masa dulu saya dan rakyat pelbagai peringkat hidup boleh dikatakan senang dan sama rata. (lebaih2 lagi kalau banding dgn sekarang.)

356. *sayangchedet*

June 25, 2008 at 8:25 pm | Permalink

assalamualaikum Tun..
saya adalah peminat setia Tun yang sentiasa menyanjungi Tun… Tun jangan sedih…. 10 orang yang benci Tun, 1000 orang yang sayang kat Tun..
Walau apa pun.. saya sekeluarga tidak pernah melupakan jasa Tun. U r the best and will always be the best…
Sayang Tun…

357. *amantubillah*

June 25, 2008 at 8:25 pm | Permalink

Salam Ayahanda Tun serta all bloggers
Betul apa yang Ayahanda katakan. pakBODOlah lah yang menjadi punca segalanya. Begitu juga dengan anak dan menghantu nya.
Singkirkan pakBODOlah….
Singkirkan KJ KURANG aJAR……..
Singkarkan Kaki Bodek dan pengampu pakBODOlah……

Baru Malaysia akan selamat.
Saya tetap sokong Ayahanda Tun.
Kami tunggu apa juga tindakkan Ayahanda Tun. Kami tetap bersama Ayahanda Tun.
BERAMBUSLAH pakBODOlah……
Wassalam

358. *chronix*

June 25, 2008 at 8:24 pm | Permalink

Assalammualaikum Tun,
By experiences, they have never learned. Nowdays, they've just 'keep their stomach'. Meaningless about intergrity. Badly, they have forgotten something.. A government is formed by rakyat powers. I'm universal person but you have to standing where you are. All the decisions were made not out the door seems blinded eyes to see. Absolutely, they have know nothing about economy

359. *helplineenterprise*

June 25, 2008 at 8:23 pm | Permalink

ASSALAMMUALAIKUM TUN..
SAYA SENTIASA DI BELAKANG TUN..SAYA MENYOKONG TUN DENGAN SEPENUH JIWA SAYA,SEKIRANYA PIHAK UMNO SEKARANG BERANI MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP TUN,MAKA DENGAN RASMINYA SAYA AKAN MENJADI PIHAK TERORRIST UNTUK MELAWAN KETIDAK ADILAN MEREKA TERHADAP TUN.MEREKA INGIN MENCUBA KEKUATAN POPULARITI TUN DAN SOKONGAN TERHADAP TUN,MEREKA TIDAK TAHU/ATAU BERBUAT TAK TAHU YANG TUN RAMAI PENYOKONG YANG SANGGUP BUAT APA SAJA UNTUK TUN..
SENTIASA AKN MENYOKONG TUN DALAM APA APA TINDAKAN YANG BOLEH MEMULIHKAN MALAYSIA DARI CENGKAMAN MEREKA YANG TAMAKKAN KUASA…
SEMOGA TUN PANJANG UMUR UNTUK MENIKMATI MALAYSIA YANG TUN CIPTA UNTUK KAMI SEMULA.

360. *cakkuncak*

June 25, 2008 at 8:21 pm | Permalink

YAB Tun,
Penulisan Tun kali ni sememangnya serupa dengan apa yang kita mendengar rata-rata rakyat mengeluh, mengecam dan marah kepada kepimpinan sekarang.
Hampir setiap hari saya mendengar dari kawan2, rakan sekerja, jiran dan kenalan memberi komen yang serupa seperti yang Tun tulis hari ini.
Blog Tun mencapai kunjungan yang begitu tinggi mencecah jutaan dalam masa yang singkat adalah kerana faktor ini sebenarnya.
Rakyat sudah meluat dan menyampah dengan PM dan konco2nya, pemimpin UMNO yang penakut dan UMNO yang kaku dan bisu. Rakyat tiada sesiapa yang boleh di harap. Media, analisis, komen pakar semuanya dijamu kepada rakyat seolah rakyat ini buta, bodoh dan tuli.
Justeru, perasaan muak sudah sampai ke tahap kemuncak. Blog penulisan Tun memberi harapan kepada rakyat bahawa masih ada pemimpin yang berfikir dan berusaha dan dapat mengurangkan rasa muak tersebut.
Penulisan Tun kali ini jelas menjawab saranan Dr Asri Zainal Abidin (Mufti Perlis)baru-baru ini. Saya harap beliau mendapat jawapan siapakah pihak yang melampau dalam hal ini dalam menilai soal perpaduan untuk kesejahteraan negara tercinta ini.
YAB Tun,
Saya secara peribadi merasakan sudah terlambat untuk usaha yang bersifat rasional lagi. PM ini terpaksa di singkir kan dan beliau akan di singkirkan walaupun beliau merasakan beliau popular dan kebal.
Segala usaha Tun saya hargai dan InsyaAllah matlamat dan cita-cita Tun akan diteruskan selepas anasir ini di singkirkan.

361. *vira*

June 25, 2008 at 8:19 pm | Permalink

shouldn’t you be talking about national unity at times? you are only seen talking about malay unity. why? mutiracial country like malaysia is ‘unique’ in the eyes of the world because of their national unity.
perpaduan itu milik semua rakyat malaysia. perpaduan di umno dan perpaduan melayu sahaja tidak akan dapat menjamin kesejateraan negara.
perpaduan antara kaum pernah dan akan menjadi kekuatan negara dari semua aspek.sejarah telah buktikan hakikat ini.
saya lahir, bersekolah dan membesar di era tun, saya amat bangga. saya belajar mengenai perpaduan dan muhibah di bangku sekolah semasa tun menjadi menteri pelajaran.
tun tetap menjadi wira saya. tetapi pegangan dan falsafah tun dari sudut ‘perpaduan’ kini mengelirukan saya.
saya silap? tersalah faham matlamat tun yang sebenar?

362. *Adam*

June 25, 2008 at 8:18 pm | Permalink

Salam Tun,
"Pemimpin" ini seumpama sudah lupakan diri. Beliau telah hilang pertimbangan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diserahkan oleh Tun . Saya bukanya orang politik tapi saya adalah rakyat Malaysia yang membesar dibawah pimpinan Tun. Saya tinggal dan berkerja di Kubang Pasu. Saya sering berada tiap kali Tun ke Langkawi atau ke Alor Star. Saya pernah memerhatikan hampir setiap orang yang berada dikeliling Tun. Daripada yang berpangkat seperti Tan Sri dan Dato Seri sehinggalah ke orang biasa seperti CIkgu dan sebagainya. Adakala mereka ini mengekori Tun ( di zaman Tun masih menjadi PM ) hanya sekadar tunjuk muka malah ada yang mengekori Tun kerana mahukan projek. Seringkali saya lihat setiap kali Tun balik kampung, Tun bagaikan menjadi "posman". Lagi hampir Tun dengan pesawat, lebih ramai yang akan menyerahkan sampul surat. Sebaik saja Tun berangkat, maka ramai yang akan berdiri dan melambaikan tangan tanda selamat jalan. Saya memerhatikan pemimpin negeri yang akan berdiri dan melambaikan tangan kepada Tun semasa pesawat berlepas. Perbuatan tersebut adalah sama sekali hanya untuk bodek Tun sahaja. Mereka kadangkala tidak hiraupun untuk melihat Tun dan hanya tangan sahaja yang akan melambai. Mereka inilah yang kini sedang 'mengkianati' Tun. Mereka tidak sedar bahawa Tun adalah orang yang bertanggungjawab memilih dan memberi peluang kepada mereka dalam arena politik negara. Sekiranya 10 pemimpin dilastik dengan batu hampir 9 yang mengenainya adalah pilihan Tun satu ketika dahulu. Secara ringkasnya tiada Tun maka tiadalah mereka diarena politik negara.
Kini mereka lupa, mereka leka akan sumbangan Tun kepada mereka. Mereka ini yang dinamakan "pemimpin" tidak sedar akan jasa Tun kepada diri mereka. Mereka lupa periuk nasi mereka kini adalah atas jasa dan sumbangan Tun dengan izin allah swt.
Apa pun Tun, ini adalah petanda dunia hampiri kiamat. Tun lebih arif dan Tun lebih mengetahui daripada saya. Saya sebagai anak didikan era Tun pastinya akan berjuang sehingga titisan darah yang terakhir untuk negara ini dan juga ugama Islam saya.
Salam Tun

363. *jamnbond*

June 25, 2008 at 8:17 pm | Permalink

salam Tun,
Saya setuju pendapat Tun mengenai perpaduan melayu adalah penting segalanya bagi menentukan kekuatan kita untuk menangani semua masaalah ekonomi dan juga untuk diyakini.
Nasihat tun hanya semata-mata bagi menguatkan negara Malaysia yang tercinta tetapi pemimpin-pemimpin kita yang sedia ada perlu belajar mendengar keluhan rakyat dan memahami hasrat sebenar bagi kemakmuran negara.
Pelabur luar negeri mengenal negara kita sebagai potensi bagi pelaburan iaitu persekitaran politik yang stabil. Tetapi Keadaan Politik semasa tidak menunjukkan keyakinan bagi pelaburan yang menguntungkan. Corridor banyak tetapi yang akan berjaya saya rasa ECER Kot yang lain rasa-rasa jadi corridor kat belakang rumah walaupun diwar-warkan dapat pelaburan sana sini.
Jalan penyelesaiannya mudah iaitu Ketelusan, keikhlasan selaras dengan nilai-nilai Islam dan juga konsep Islam hadhari yang diwar-warkan oleh PM sedia ada. Kalau nak pegang pokok yang tak kuat tonggaknya , alamatnya rebah . Bangsa rebah , negara hancur. Sekarang kita masih ada masa nak selamatkan negara kita ,tetapi pada pendapat saya kerajaan kita tidak konsisten dalam kenyataannya dan pendiriannya tidak teguh. Kerajaan dibawah pimpinan Tun adalah tegas dan teguh dan mantap dalam membuat keputusan samada disukai oleh orang ramai atau tidak itu dalah keputusan yang terbaik pada masa itu. Pengundi Lain selain Melayu mengundi secara strategik untuk kepentingan masing masing. Ingat anak cucu kita akan mewarisi hasil dari perbuatan kita sekarang.
Ini jelas dengan penjelasan Tan Sri Hassan Presiden Petronas, berasaskan fakta dan jelas halatujunya dan business strategy yang menyumbang kepada profit oriented and social obligation yang jelas matlamatnya untuk kesejahteraan rakyat malaysia. Rakyat malaysia perlu mensyukuri nikmat yang dianugerahkan melalui kejayaan Petronas , kita jangan mengigit tangan orang yang menyuapkan rezeki kepada kita. Biar presiden Petronas tersebut menjalankan kerjanya.
Polisi kerajaan sedia ada berubah-ubah, tiada strategi yang jelas, mengikut kehendak ramai (popular demand) bagi menangani masaalah yang meningkat tanpa surut. Setakat ini rakyat kita belum lapar dan sesak nafas dan satu hari kita belum tahu , tak perlu tunggu, kena cari jalan.
Kerajaan sedia ada ramai penasihat-penasihat yang telah ditinggalkan oleh era Tun , tetapi apa salahnya minta pandangan dari Tun ataupun sesiapa yang perlu bagaimana mengatasi masaalah ekonomi , makanan, harga minyak, dsbnya.
The moral of the story Keep your pride somewhere and let us do it for the nation to be respected again and prosperous . To retreat does not mean surrender but to win together.
Saya pernah mendengar dari rakyat singapura, Katanya Malaysia has surpassed singapore by having Formula 1 Circuit in Sepang.They said they should have build the circuit. Now they want to have in City centre singapore. Think malaysians, the idea is smart to have F1 circuit , why we have to say bad about who head KLIA F1.
Jadi bersatu dan berpadu mencari pemimpin yang mempunyai ciri-ciri yang boleh memakmurkan rakyat. Kalau pemimpin sedia ada sudah tak ada idea tanyalah yang ada idea. kalau pemimpin rasa the self pride is greater than the nation’s pride

then the people will decide,not now may be in PR 13. I m sure TUN is more than willing to give the advice and ideas.
I do respect The present PM and Tun , But We have to put people above all. No time to lose.

364. *Frank*

June 25, 2008 at 8:14 pm | Permalink

Betul Tun..Perpaduan Bangsa Adalah Perkara yang amat penting.Jangan kita Laungkan Perpaduan Tetapi Kerajaan Hilang Arah Tujuan.Si A kata Pegi Kanan Tetapi B pulak Kekiri.Nakhoda mana kita nak ikut ni Tun.Bagi saya Biarlah DSAAB meletak jawatan dengan Cara Terhormat dan Biarlh Pemimpin yang betul Berkelayakan untuk Layarkan Bahtera ini.

365. *beskal_biru*

June 25, 2008 at 8:14 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun.
Pada pandangan saya, jauh di sudut hati kita semua orang Melayu semuanya ingin hidup dalam perpaduan. Tapi dari penelitian saya, orang Melayu sekarang ini perlu meningkatkan diri dengan menghapuskan budaya hasad dengki, sikap menghasut orang lain, mengumpul pengaruh untuk merasakan diri sendiri lebih hebat berbanding yg lain.
Segala pembaharuan yg ingin disampaikan untuk meningkatkan kualiti diri orang Melayu kebanyakannya ditolak orang Melayu sendiri. Bila ada sesiapa yg ingin meningkatkan kualiti diri, orang akan kata *"Belah la, macam bagus je", "Poyo la kau ni", "Ah, angan2 tahi ayam aje tu, cakap je lebih"* dan sebagainya.
Disebabkan perkara sebeginilah ramai orang2 Melayu yg bijak dan berjaya dalam hidup mereka memilih untuk terus ke depan dan meninggalkan yg lain.
Membiarkan orang Melayu lain hidup dengan *minda kelas ketiga* dan bersikap berkecuali dalam politik dan masa depan negara dan hanya memikirkan bisnes sendiri dan masa depan keluarganya saja. Set dalam minda untuk meraih lebih wang dan pangkat. Masyarakat Melayu tidak bangun bersama2 memajukan diri secara keseluruhan. Yang sudah memajukan diri mula mementingkan diri sendiri.
Tidak kurang juga yang sudah memiliki pangkat mula menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri: rasuah. Bermula dari situ perpaduan bangsa Melayu mula melalui perpecahan.
Cuma sekarang bukan sahaja orang Melayu, malah semua bangsa Malaysia mula bersatu untuk menyingkirkan kerajaan yang ada sekarang kerana dianggap gagal

memberikan hak yg adil kepada rakyat, membuat keputusan untuk negara dengan akal yg pendek dan mementingkan ekonomi keluarga sendiri sedangkan jurang ekonomi bangsa Malaysia semuanya sedang huru hara. Yang kaya akan menindas yang miskin untuk menjadi lebih kaya dan golongan miskin hanya dapat menongkat dagu mengenang nasib bermusafir di bumi sendiri.
Di mana silapnya? Projek pembangunan modal insan yang dilaksanakan kerajaan itu adalah suatu platform yang baik untuk membuka minda orang Melayu dan bangsa Malaysia umumnya kepada dunia untuk meneladani corak pemikiran bangsa2 lain di dunia yang berjaya memajukan negara mereka dan pada masa yang sama pembangunan modal insan itu haruslah berlandaskan ajaran Al Quran dan As Sunnah. Negara tidak akan maju jika minda rakyatnya sentiasa negatif dan masih berada di takuk lama, dalam *minda kelas ketiga:* mind setting lama orang Melayu yg membawa kepada kejatuhan Empayar Melaka dan terus hidup dengan minda dijajah.
Saya yakin terdapat ramai orang Melayu dan bangsa Malaysia yang lain yang kini sudah dapat berfikiran seperti Tun tetapi mereka memilih untuk tidak berada dalam kerajaan atas alasan mereka tersendiri. Namun hakikatnya kerajaan memerlukan kepimpinan baru dan semua rakyat perlu bersatu padu menyumbang tenaga kepada negara untuk mencari jalan untuk keluar dari zaman yg agak lambat kemajuannya ini. Kerajaan dahulu selepas merdeka hinggalah kerajaan yg sebelum ini berlari untuk terus mengejar Wawasan 2020 tetapi kerajaan sekarang ini macam tidak nampak jelas Wawasan 2020 itu dan hanya berjalan sahaja ke arahnya. Ketepikan semua fahaman politik, rakyat Malaysia harus bersatu menuju kegemilangan bangsanya. Peranan UMNO, MCA, MIC dan komponen BN yang lain sekarang ini sepatutnya lebih ditumpukan pada pembangunan bangsa yang berjaya merapatkan jurang ekonomi, sosial, politik antara semua etnik. Dalam memilih haluan masa depan negara, baik kerajaan mahupun pembangkang sama2 memutuskannya.

366. *Frank*

June 25, 2008 at 8:13 pm | Permalink

Betul Tun..Perpaduan Bangsa Adalah Perkara yang amat penting.Jangan kita Laungkan Perpaduan Tetapi Kerajaan Hilang Arah Tujuan.Si A kata Pegi Kanan Tetapi B pulak Kekiri.Nakhoda mana kita nak ikut ni Tun.Bagi saya Biarlah DSAAB meletak jawatan dengan Cara Terhormat dan Biarlh Pemimpin yang betul Berkelayakan untuk Layarkan Bahtera ini.

367. *ynwa1976*

June 25, 2008 at 8:10 pm | Permalink

I agree with point 14. I like to see more youth taking part in UMNO to rejuvenate the party, but was disgusted with the likes of Khairy. Why cant we have more clean, visionary young leaders, with no perception of corruption and cronyism, who can talk real sense?
That is why people my age didnt vote for UMNO in the last election.
In Bernama today, they mentioned that appointment of Amirsham should be applauded, cos it is a sign that the leadership wants some professionalism. But those who have been following Maybank would know that he is slow to develop Maybank, was sitting on a load of cash doing nothing, too afraid to make a killing, while others like CIMB grew faster. When he made way for the new CEO, you can see more activities, but it is too late cos prices have ballooned out of proportion – it shouldve been done in Amirsham's time. Yeah, he is clean so far, but clearly lacks vision!

368. *Dotsolo*

June 25, 2008 at 8:10 pm | Permalink

Ya lah tu , yang menang di olympic nak di beri wang sampai 1 Juta. Sekarang pun ramai murid sekolah dah kurang minat bel;ajar. Mereka lebih gemar bermain kerana bila menang imbuhannay wang beratus dan beribu. itulah yang di lakukan oleh DAAB semasa dia jadi menteri pendidikan. Mewajibkan kokurikulum. Belajar pun dah jadi perkara sampingan. kalau semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran di jalankan, murid boleh di panggil keluar untuk menyertai aktiviti kokurikulum. Tapi kalau murid sedang main bola atau berbahas, mereka tidak boleh di panggil untuk masuk kelas belajar . jadi belajar adalah operkara kedua. Sebab tiu Murid sekarang pun tak suka bawa buku dan alatulis ke sekolah. Beg berat pun mereka bersungut. Di sokong pula oleh ibu bapa yang takut anak patah bahu. Buku pun di buat nipis nip[is supaya ringan. Bila nipis isi ilmunya pun sikit dan ringkas ringkas , terlalu ringkar sehingga sukar di fahami konsep ilmu itu. Semuanya kerana tidak mahu menyusahkan murid bawa buku yang berat. Walau pun yang membawa beg sekolah mereka ialah motor, kereta dan bas.
Murid sekarang pun tak perlau belajar sangat. kalau tak lulus PMT pun boleh sambung pelajaran. Yuran pula tak perlu bayar . Ambil periksa pun free. Buat apa nak belajar bersungguh-sungguh. Semua nya tidak ada nilai. Percuma. jadi macam mana nak pandai berfikir. jenerasi sekarang tidak di latih berfikir secara logik. Tidak perlu di latih berfikir cara praktikal.

369. *cendanawangi*

June 25, 2008 at 8:07 pm | Permalink

Che Det,
Kita boleh bertanya banyak soalan tentang rosaknya perpaduan orang Melayu.
Dulu, perpaduan Melayu bagaikan ikatn keluarga yang kukuh.
1. Ketika UMNO ditubuhkan, sekuat manakah perpaduan orang Melayu?
2. Adakah orang Melayu memang asalnya bersatu padu atau parti politik yang menyatupadukan orang Melayu?
3. Parti politik manakah yang sebenarnya menyatupadukan orang Melayu.
4. Benarkah, kukuhnya perpaduan Melayu kerana kekuatan pemimpinnya?
5. Parti politik manakah yang sebenarnya memporakperandakan perpaduan Melayu?
6. Benarkah dikatakan ada pemimpin politik yang "berkepalabatu" dengan "menegakkan benang basah" sehingga Melayu tidak bersepadu?
7. Apakah perbezaan kefahaman dalam menegakkan agama menjadikan Melayu tidak bersatu padu?
8. Apakah perpecahan Melayu berlaku kerana Melayu masih tidak matang berpolitik?
9. Benarkah orang Melayu sendiri yang mahu melihat Melayu tidak bersatu padu?
10.Apakah akibatnya jika Melayu tidak bersatu padu.
Setiap orang akan memberikan jawapan yang berbeza kepada soalah di atas. Itu membuktikan bahawa Melayu sudah tidak bersatupadu…

370. *zali lampai*

June 25, 2008 at 8:07 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,
Inilah yang dipanggil "Sokong Membawa Rebah".
Saya sebagai rakyat biasa yang tidak memasuki mana-mana ahli politik kadang-kadang berasa hairan, mengapa ahli-ahli UMNO kebanyakannya berdiam diri??
Mengapa mereka tidak bertindak??
Presiden UMNO dilantik oleh ahli UMNO… tapi mengapa bila segalanya sudah jelas dan nyata mereka masih tidak dapat menyingkirkan presiden UMNO ini??
Ada ahli-ahli UMNO yang boleh jelaskan hal ini??
Jikalau alasan anda adalah untuk perpaduan parti… sedarlah perpaduan anda adalah untuk kemudaratan.
Risaunya hati bila memikirkan parti yang kita sokong membawa rebah dan parti pembangkang yang kita tidak percayai pula semakin hampir memerintah negara.

371. *Melayu Nusantara*

June 25, 2008 at 8:05 pm | Permalink

TUN,
Mereka adalah dari “PEMIMPIN MELAYU MUDAH LUPA” , bila buat masalah suruh rakyat bersamaNYA menyelesaikan masalah dan menanggung beban.
DAH BERAPA BANYAK DAAA…. MASALAH DAN BEBAN NAK RAKYAT TANGGUNG GARA KEBODOHAN PEMIMPIN BUAT KEPUTUSAN DAN TINDAKAN KEPENTINGAN DIRI DAN KELUARGA.
Kalau mahu PERPADUAN, turun dan duduk bersama rakyat lihat sendiri apa yang telah dibebankan kepada rakyat, gara kebodohan pemimpin UMNO sekarang.
AYOOK….KITA BERSATU (PERPADUAN) MENURUNKAN PEMIMPIN YANG LEMAH, MEMBERIKAN KECELEKAAN KEPADA NEGARA.
Salam dari perantau
M.Amirul

372. *kzso*

June 25, 2008 at 8:03 pm | Permalink

Semoga Tun dan Tun Hasmah dianugerah oleh Allah SWT kekuatan, kesihatan dan dilimpahai rahmat dan nikmatNya.

373. *Rustam Ariffin*

June 25, 2008 at 8:03 pm | Permalink

Dear TDM,
I wish you all the best Tun. You are still my inspiration. Deep inside I feel like Malaysia is You and You are Malaysia. But I wonder how do you feel right now? Was it a mistake when you appoint AAB? Is there any other way that you could do to mitigate the damage done as at to date? What AAB is doing right now is very damaging to our future. Believe me Tun. This is not for me, not for you, not for AAB and not for others. But this is for our future generation. Please do something Tun and i will always support you in whatever means. I believe the others will feel the same way too. Moga Allah sentiasa melindungi kita dari rasa “resah” dan “dukacita”.

374. *anak merdeka*

June 25, 2008 at 8:01 pm | Permalink

assalamualaikum ayahanda…….
sy akui perpaduan adalah kekuatan namun senario skrg adalah perpaduan wang,bersatu bila disogokkan dgn sesuatu,pergi perhimpunan dpt saguhati,menyokong dapat saguhati…….semua pun dapat saguhati…….org kita kalau dpt imbuhan semua ok,tp kalau tak dapat semua tak ok,mentaliti ini yg perlu di kikis……krn jln kehancuran untuk MALAYSIA yg tercinta makin hampir duk krn pemimpin sibuk nak dipimpin oleh anaknya…..anak belajar kat oxford tentulah cerdik putar belit pak…..paknya habuk apa tak tahu…….senang2 buat keputusan pastu esok lusa ubah balik..13 may satu lg sejarah betapa pentingnya PERPADUAN,sy tak tahu bila org kita nak terus pegang perpaduan yg sejati…..wahai anak2 melayu yg berpelajaran atau tidak sama2 kita gembleng tenaga menyatakan pendirian kita kpd pemimpin yg korup……jgn sok maruah,negara,anak bangsa tergadai br nak tersedar,semangat menentang malayan union perlu disematkan ke dlm setiap sanubari anak bangsa menentang pemimpin yg dayus…….anak2 muda pewaris negara bangun tegakkan kebenaran,bina perpaduan semoga generasi akan dtg bangga dgn perjuangan kita sebagaimn perjuangan nenek moyang kita mengusir penjajah,biar putih mata jgn putih tulang…berjuang singkirkan pemimpin yg dayus….singupara di gelar israel ke2,mahukah kita menjadi spt PALESTIN,MERANA DI NEGARA SENDIRI…hanya krn sedikit kealpaan pemimpin mereka membiarkan yahudi berteduh di negara mereka akhirnya pijak kepala tuan tanah…sama2 kita pikirkan kekuatan perpaduan ini…kpd ayahanda sy mohon pd artikel yg akan datang cetuskan penulisan yg dapat menaikkan rasa tanggungjawab muda-mudi betapa penting tindakan mereka pd hari ini untuk generasi akan datang,sekian wassalam

375. *tee kay pee*

June 25, 2008 at 8:01 pm | Permalink

cakaplah macamana pun …
orang2 macam tu ubat dia masa PRU13 nanti.
sekarang ni tengah bancuh ramuan kow kow….
sampai PRU13 besok (entah sempat ke tidak), kita pakat ramai2 kasi over dose kat dia orang..
bancuh lagi ramuan, che det…tak sabaq niihhh..

376. *tanakwagu*

June 25, 2008 at 8:01 pm | Permalink

Tidak perlulah kita terlalu menyalahkan Tun Dr Mahathir atas kekilafan beliau melantik Perdana Menteri sekarang sebagai pengganti beliau.
Tun Dr Mahathir bukan seorang yang terlalu sempurna. Tiada seorangpun yang 100% sempurna di muka bumi ini. Hanya Tuhan sahaja yang sempurna. Walau bagaimanapun, Tun Dr Mahathir merupakan seorang yang bijak, terlalu jauh melepasi had purata kebijaksanaan golongan pemimpin-pemimpin negara. Disebabkan Tun Dr Mahathir juga adalah orang biasa maka dia tidak boleh menilik sesuatu perkara yang kemudiannya nyata dan jelas akan terlaksana menurut tilikan beliau. Dia cuma boleh membuat keputusan berdasarkan rekod-rekod calon yang lepas dan prestasi calon menjelang keputusan dibuat. Harus juga diingat bahawa sesorang calon yang dipilih pada mulanya bersikap baik dalam erti kata lain cemerlang tetapi tidak mustahil boleh berubah sikap kerana kuasa dan kealpaan. Orang kata rambut saja sama hitam tapi hati lain-lain. Mungkin juga Tun Dr. Mahathir berpendapat bahawa Perdana Menteri sekarang akan cepat belajar sebab seseorang yang kelihatan 'cool' dan bersikap baik selalunya akan belajar dengan cepat. Lagipun berdasarkan pendedahan dalam kepimpinan negara, Perdana Menteri sekarang sudah lama terdedah.
Katakanlah Tun Dr Mahathir telah memilih orang lain untuk menggantikan beliau masa itu, adakah anda fikir orang tersebut juga betul-betul layak memimpin selepas 5 tahun sehingga kini? Jadi, kesimpulan saya, bukan senang untuk menentukan calon yang bakal memegang tampuk pemerintahan negara apatahlagi kalau pilihan masa itu cukup terhad.
Apa yang lebih penting sekarang ialah sikap bertanggung-jawab pemimpin tersebut untuk melepaskan jawatan secara beretika melainkan terdapat agenda-agenda tersembunyi yang hendak dikejar.

377. *Caliph*

June 25, 2008 at 7:55 pm | Permalink

**"UMNO hari ini tidak lagi berjuang untuk bangsa, agama dan tanahair. Ia berjuang untuk pengekalan kuasa dan kesejahteraan Presidennya. Perpaduan yang dituntut hanya untuk menyokong Presiden."**
**Apakan daya kuasa dah di tangan perdana,**
**nampaknya disalah guna,**
**melawan arus perdana,**
**buruk padahnya.**
**Modal dah habis,**
**sukar berniaga,**
**Anak menangis,**
**diberi gula-gula.**
**TDM sebagai predecessors kepada sucessors TDM tentu cukup bersedia dengan Contingency Plan untuk sebarang kecemasan.**

378. *Alang Mat Yasin*

June 25, 2008 at 7:55 pm | Permalink

Asalamualaikum,
Memang sedari dulu, sejak wujudnya UMNO, ianya dihurmati apabila pemimpinnya berjaya membawa negara kearah kejayaan.Orang-orang Melayu dan bukan Melayu majoritinya menyokong kepimpinan UMNO.Semua sedar perjuangan pucuk kepimpian UMNO adalah berjuang untuk membangunkan negara tanpa mengira kaum, walau pun UMNO adalah parti Melayu. Kita berkongsi kuasa dan berkongsi segalanya.Pemimpin sekarang ini tidak langsung mempunyai idea mengemudikan bahtera. Perdana menteri menjadi pak turut pada pehak-pehak yang mempunyai kepentingan peribadi.Arah tuju negara lintang pukang tanpa hala tuju.Saya penuh yakin dan percaya sekiranya Perdana Menteri Malaysia sekarang ditukar, segala-galanya akan kembali baik seperti sedia ada.Berundurlah, demi Malaysia.

379. *Hajar*

June 25, 2008 at 7:53 pm | Permalink

Salam Yg Berbahgia Tun,
Saya setuju dengan kesemua point – dari 1 sampai 25. Dan rumusan Tun dalam point 21-25 amat tepat. Saya sokong Tun.
“21. Perpaduan adalah untuk kebaikan, bukan untuk kemudaratan.
22. Jika kita harus ada perpaduan, ianya hendaklah dengan tujuan memulih semula maruah dan kejayaan bangsa dan negara.
23. Tidak ada sebab yang kepimpinan yang ada sekarang harus diperkuatkan dengan perpaduan di belakangnya.
24. Sebaliknya perpaduan yang perlu diadakan ialah untuk menyingkir pemimpin yang telah bawa kecelakaan kepada parti dan negara.
25. Janganlah desak supaya diadakan perpaduan tanpa mengambil kira hasrat dan matlamat ia diadakan.”
**DSAAB mesti LETAK JAWATAN, dan kita mesti bersatu/berpadu untuk mendesak beliau supaya berundur**.
Semoga Tun & keluarga sentiasa diberkati dan dilimpahi rahmat oleh Allah SWT. Amin.

380. *Wisely Dr Nasir*

June 25, 2008 at 7:51 pm | Permalink

Salam sejahtera Tun,
Perpaduan diantara Melayu sekarang telah luntur. Ini menyenangkan anasir terhadap bangsa Melayu dan negara Malaysia memporakperadakan kekuasaan politik dan ekonomi.
Apabila kuasa politik dan ekonomi Melayu menurun, Bangsa Melayu dan Malaysia dipandang rendah dimata kaca dunia.
Persoalannya mengapa perpaduan Melayu telah luntur. Pada saya,kepimpinan yang amat lemah, tiada visi, pentingkan diri dan keluarga dan tamak kuasa dan harta telah menyumbang BESAR kejatuhan kuasa politik dan ekonomi Melayu sejati.
Wasalam

381. *ashar*

June 25, 2008 at 7:51 pm | Permalink

TUN yang di hormati dan sayangi,
Salam buat semua.
PERPADUAN dalam ertikata menurunkan Pak Lah.
PERPADUAN dalam ertikata mengantikan kepimpinan yang telah merosakkan
PERPADUAN dalam ertikata suara rakyat boleh menukar kepimpinan yang lemah.
Sekarang apakah peranan kita semua yang menyokong PERPADUAN yang dikatakan TUN, agar Pak Lah mengundurkan diri.
Inilah tindakan yang kita perlu lakukan, walaupun nampak kecil namun kesannya adalah amat besar sekali.
Kepada ahli UMNO tunjukkan kuasa ahli anda dalam merubah kepimpinan. Pada bloger yang ahli UMNO dan bukan ahli, kita tunjukan sokongan kita pada TUN dengan mencari pengaruh sebanyak mungkin terutama pada orang terdekat kita.
Suara rakyat amat berharga sekali, kalau majority rakyat dah bersuara Pak Lah tiada pilihan lain lagi. Kita tunjukan suara rakyat berharga. Rakyat tidak akan bersuara tanpa ada kebenaran terhadap apa yang berlaku.
BAGAIMANA MEMATIKAN LANGKAH PEMIMPIN LEMAH YANG DEGIL @ KERAS KEPALA:
1. PENGARUH ONLINE:
a. Dalam kajian saya dalam blog TUN bulan lepas, sehari dengan purata 40,000 pengunjung, dan dalam bulan ini baru 22 hari purata pengunjung 65,000 pengunjung sehari. Ini akan bertambah lagi dalam masa terdekat ini.
b. Dengan menambah baikkan blog TUN dengan apa yang mungkin, blog TUN akan berjaya mengantikan media yang ada, insyallah boleh mencapai ke 200,000 perhari. Pengaruhnya akan luar biasa.
c. Muatkan who online: akan kelihatan seluruh dunia mengeksess ke blog TUN,

popularity blog TUN akan bertambah globally. Pengaruhnya juga akan jadi luar biasa.
d. Adakan poll terhadap apa isu semasa atau fanclub untuk kaji selidik.
e. Pada yang celik IT, emailakan nama blog chedt.com pada semua teman dan rakan. Perjelaskan kebenaran yang ada semoga semua tahu, terutama pada family kita sendiri.
f. Pada bloger yang faham akan isu semasa ini berani berdebat dengan mereka yang sudah,â œTersesatâ œ agar kembali ke jalur yang betul secara online.
2. PENGARUH OFFLINE:
a. Setiap seorang kita yang menyokong TUN, memaklumkan kebenaran yang kita tahu dalam blog ini kepada 2 orang saja sehari yang kita jumpa, sebulan 60 orang.
b. Dengan purata 60,000 orang pengunjung setia TUN setiap hari kini: 60 x 60,000 = 3,600,000 orang sebulan mendapat maklumat kita. Ini sudah melebihi jumlah ahli UMNO.
c. Gunakan photocopy atau ajarkan mereka yang tak tahu ke internet. Pastikan orang kampung yang selalu di gulakan oleh pihak tertentu mendapat message TUN ini. Insyallah pengaruh offline ini juga akan menjadi luar biasa.TUN akan mendapat sokongn yang luar biasa, sudah pasti.
d. Pada yang berkemampuan dan berkebolehan, menyertai perkumpulan TUN seperti yayasan perdana dan sebagainya. Menyalurkjan idea-idea TUN melalui saluran mereka sendiri. Mengunakan kepakaran mereka, at no cost kalau boleh, backing idea dan tindakan TUN demi agama bangsa dan Negara.
e. Pada ahli dan pemimpin UMNO yang sayangkan parti, bertindaklah mencari pengaruh dalam perti agar menukar pemimpin yang ada. Beranilah membuat keputusan demi agama bangsa dan Negara.
Marilah kita sama-sama bertindak dengan TUN. Lakukan sesuatu walaupun nampak kecil namun lebih baik dari tak melakukan apa seperti born loser aja.
Inilah sumbangan kita kepada agama bangsa dan Negara.
Keadaan sudah parah :
Bak kata Telur Hujung Tanduk dan Retak menungu Pecah.
Salam dari Pulau Tujuh. Indonesia.
_ashar_7;50_ 25 june 2008
Email: ashar_abdullah@yahoo.com
YM : ashar_abdullah

382. *Mr Kay*

June 25, 2008 at 7:48 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,
Perpecahan melayu sekarang berpunca dari sikap orang melayu sendiri. Seperti yang Tun pernah katakan, “Melayu Mudah Lupa”. Mereka lupa asal usul mereka. Mereka lupa penderitaan rakyat bila sudah mewah. Mereka lupa mereka “Pemimpin”, dan mereka lupa mereka perlu membela rakyat. Akibatnya, mereka

hanya membuat kerja untuk poket mereka, keluarga dan kroni.
14. Generasi muda Melayu sudah anggap UMNO tidak relevan.
Saya adalah golongan muda melayu. Saya tidak menganggap UMNO tidak relaven. Saya menganggap kepimpinan UMNO sekarang yang sudah tidak relaven. Saya juga sudah tidak memanggil kerajaan sekarang sebagai Kerajaan Barisan Nasional. Saya panggil Kerajaan DSAAB. Kerajaan sekarang sudah tidak boleh diterima dan tidak relaven kerana ianya adalah Kerajaan DSAAB dan bukan kerajaan Barisan Nasional.
Saya doakan Tun berdua sihat untuk membela nasib kami rakyat tertindas.
-Luahan rakyat tertindas-
http://www.orange4k.com

383. *BaDaNg79*

June 25, 2008 at 7:47 pm | Permalink

Salamz TDM…
Saya sebagai seorang kakitangan kerajaan merasakan bahawa kerajaan sekarang nie dah terlalu rosak!..memang tidak boleh dibaiki lagi..kepimpinan sekarang perlu dibuang kerana telah terbukti menyusah kan rakyat demi kesenangan diri serta kroni..TDM,sememangnya tun merupakan pemimpin yang terbaik pernah ada di Malaysia nie.biasalah kesalahan sememangnya ada kerana tun hanyalah manusia biasa..bukan nabi yang maksum..namun kebaikan dan sumbangan tun amat bermakna kepada kami rakyat semua..sekian tun!kirim salam pada seluruh keluarga tun..thanks for concerning our beloved country eventhough u shoul resting peacefully right now!thanks doc!!salamzz

384. *pakya28*

June 25, 2008 at 7:47 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun…
Saya amat bersetuju dengan pendapat TUN. Saya sebagai hasil idea yang bernas dari TUN iaitu LEP amat berterima kasih kerana dapat menimba ilmu di Jepun. Saya juga bersetuju ramai masyarakat Jepun sudah pudar untuk mengenali Malaysia dan imej Malaysia semakin menipis
dan ramai yang meningati nama UN dari PM kita sekarang. Sedih di buatnya apatah lagi tugas saya di Jepun ini mempromosikan Malaysia,. Harap TUN teruskan usaha-usaha yang baik ini. InsyaAllah berjaya

385. *ranjit*

June 25, 2008 at 7:42 pm | Permalink

Dr. M, you are the most professional leader in the world. I really likes to read your powerful comments. I support you 100%.

386. *Fid MD*

June 25, 2008 at 7:42 pm | Permalink

Perpaduan di kalangan melayu zaman sekarang ni sgt la susah nk dicapai.tp x mustahil.sekarang ni anak2 muda dh hilang satu matlamat or set of goal yg perlu dicapai.mungkin dh lama dibuai kesenangan.mungkin tiada rasa kebersamaan atau semangat yg dapat menyatukan melayu zaman sekarang…

387. *ruslizal*

June 25, 2008 at 7:41 pm | Permalink

Assalamualaikum TUN…
Saya merupakan anak kelahiran generasi Tun. Kami telah didiik cara Tun. KAmi melihat pembangunan cara Tun. Kami amat kecewa dengan apa yang telah berlaku sekarang. Apa yang PM sekarang lakukan. Banyak syarikat terpaksa offer VSS kepada kakitangan. Adakah cukup untuk mereka ini menampung keluarga? Adakah ini kestabilan ekonomi yang dicanang-canang oleh PM dan konco2 mereka? Mereka mungkin tidak terasa kerana walau seteruk mana pun ekonomi sekarang, mereka masih lagi mampu tersenyum lebar…. masih boleh ketawa besar… masih boleh memainkan makan di hotel-hotel dan restoran-restoran besar. Pernahkah mereka fikirkan rakyat yang menangis kerana anak yang perlukan susu, pernahkah mereka merenung ayah mereka yang kehilangan pekerjaan… Pernahkah mereka insaf???? Saya mewakili jutaan rakyat Malaysia yang merintih di era kejatuhan ekonomi Malaysia ini merayu supaya Tun mengepalai suatu kumpulan yang mampu membuat perubahan… yang mampu buat anak-anak kami tersenyum semula… Semoga Tun sekeluarga terus sihat dan dilindungi oleh Yang Maha Esa… Aminnn

388. *letting the time*

June 25, 2008 at 7:40 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,
Saya rasa sekarang Malaysia sudah menjadi negara kapitalist, survival for the fittest… dengan harga minyak pada RM2.70, hanya orang yang ade duit sahaja yang mampu hidup, kalau tak de duit, kena belajar makan ubi rebus sebagai juadah utama…
Saya rasa semakin ramai rakyat yang menjadi susah hati… Jika harga minyak naik, sudah tentu semua harga barang naik… Kalau sesiapa gaji naik sebanyak 20%, tolak cukai dan &kenaikan harga, dah jadi macam tak naik gaji? Cukai pun kena bayar jugak… malah makin bertambah.. Kalau kita tak naik gaji, macam kena potong gaji sebanyak 20% pulak…Kini, dengan kenaikan harga minyak, bertambah kadar inflasi jadinya… Jika dahulu RM10 boleh beli 10 keping apam balik, sekarang dah tinggal lima keping aje… Kalau dulu boleh beli murtabak 5 keping, sekarang dah tinggal empat keping…
Mampukah Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020? Tepuk dada lihatlah suasana sekrang nie… macam-macam krisis dah mula berlaku. stesen-stesen minyak pulak nampaknya dah mula nak protes tidak mahu terima kad kredit… Nampaknya bukan duit sahaja semakin susut nilainya, malah sistem ekonomi akan terjejas teruk…
Jika kerajaan terus mendedahkan ekonomi negara kepada trend ekonomi dunia, maka jawapan yang hampir pasti ialah, ekonomi negara akan menjadi sasaran serangan ekonomi luar dan mungkin akan menjejaskan ekonomi negara dengan teruk… Mungkin lebih teruk dari serangan matawang 1997… Apakah kerajaan sudah bersedia dengan mekanisme survival untuk menghadapi suasana kelembapan akibat kemelut ekonomi Amerika? Adakah negara sudah mempunyai pelan tindakan komprehensif yang mampu menangkis serangan ekonomi luar yang tidak dijangka lagi tahap kemusnahannya…
Dalam tahun 1997, serangan ekonomi matawang datang seolah-olah umpama tsunami yang melanda tanpa amaran bahaya, tetapi kali ini siren-siren kecemasan telah dibunyikan dan seluruh dunia sememagnya menantikan saat-saat kegentingan ekonomi ini…
Jika kegawatan ekonomi berlaku, impaknya tidak akan hanya tertumpu kepada golongan miskin kerana golongan kaya juga sudah pasti menerima padahnya… Mungkin golongan yang berduit mengganggap bahawa mereka masih mampu menikmati kehidupan yang selesa, tetapi berapakah nilai kerugian yang bakal dihadapi… Jika seorang mempunyai duit RM10, kejatuhan nilai sebanyak 30% akan menyebabkan dia kehilangan RM3.00… tetapi bayangkanlah jika seorang mempunyai RM3juta…? Dia akan kehilangan sebanyak RM900k…
Walau bagaimana pun saya masih berharap kerajaan yang ade sudah bersedia untuk menghadapi keadaan ekonmi gawat yang bakal menjelang. Mungkin saya terlampau risau dengan keadaan semasa,tetapi jika melihat keazaman Amerika

untuk menyerang atau mengganggu Iran, saya rasa kita kena bersedia untuk "worst case scenario"… Saya tidak mampu untuk menghadapi kegentingan ekonomi ini seorang diri, kerana saya percaya, usaha menghadapi kegawatan ekonmi kali ini memerlukan suatu usaha bersepadu dan Malaysia sememangnya memerlukan suatu bentuk perpaduan untuk mengharungi badai ekonomi yang bakal melanda…
Saya amat berharap kerajaan Malaysia kini sudah mempunyai formula jitu untuk menghadapi suasana ekonomi yang lembab, tetapi sejauh ini, langkah-langkah yang telah diambil kerajaan amat-amat meragukan. Saya tidak nampak sebarang langkah yang meyakinkan yang dapat membuatkan hati saya merasa lega dan merasakan kerajaan sememangnya sudah bersedia dengan perancangan yang teliti dan komprehensif. Apa yang saya nampak,kerajaan kini lebih mengikut rentak trend ekonomi yang melanda diluar negara yang secara tidak langsung menggugat keadaan ekonomi didalam negara. Kenaikan harga-harga komoditi seperti minyak, kelapa sawit, getah dan sebagainya yang sepatutnya membawa sinar baru didalam pendapatan rakyat nampaknya digerhanakan oleh kenaikan harga diesel dan petrol…
Minta maaf Tun kerana menulis agak panjang… tetapi seperti rakyat Malaysia yang lain, saya menganggap Tun sebagai pejuang negara dan bangsa yang memperjuangkan kepentingan umum dengan bersungguh-sungguh…

389. *Tombraider02*

June 25, 2008 at 7:39 pm | Permalink

Salam Tun,
Kalau seseorang itu betul betul cintakan UMNO, dia tak seharusnya mesti berada dalam parti atau memegang apa apa jawatan.Malangnya UMNO baru sekarang telah di daftar atas nama keluarga dan bukan bangsa dan negara.Ada pepatah melayu berbunyi"Sediakan Payung Sebelum Hujan". Tapi ketua pemimpin sekarang rela basah.Yang teruknya rakyat juga dilibatkannya.Apakah salah rakyat?Jawapan dan kehendak rakyat jelas terpapar di PRU12.

390. *resakse gorgone*

June 25, 2008 at 7:37 pm | Permalink

Salam Tun,
Amat tepat lagi benar apa yg diluahkan Tun. Nak ditelan tak boleh nak diluah pun tak boleh… Saya dibesarkan semasa zaman Tun menjadi PM.. Alhamdulillah,

serpihan kemakmuran serta visi panjang Tun telah sama saya rasai… Alangkah malangnya sekarang.. generasi selepas saya ini apakah nasibnya di tanahair sendiri…
Bersatu padulah kita untuk kejayaan dan kemakmuran.. bukan untuk menjahanamkan negara kita…
Kaum lain sekarang sibuk untuk menyalahkan Tun hanya untuk mendapat habuan dari pakcik lelah.. saya juga mendengar tentang DEB dari pandangan kaum-kaum ini, tentang orang Melayu itu sendiri malu untuk mengaku kejayaan mereka hanya disebabkan DEB ini… bagi saya itu Melayu terlupa… dan saya dengan besar hatinya menyatakan saya adalah hasil DEB yg sudah berupaya bersaing dengan orang lain dalam kerjaya saya… Terima Kasih Tun kerana memanjangkan DEB pada zaman Tun… maaf kerana lari topik… sekadar untuk menyedarkan Melayu lain…

391. *Dr Novandri Hasan Basri*

June 25, 2008 at 7:36 pm | Permalink

Salam Tun,
Di sini saya quotekan pandangan Dato' Mukhriz Mahathir yang disiarkan di dalam blog saya.
"Tapi hakikatnya ialah tidak ada satu2 bangsa di dunia ini yang mampu mengekalkan kuasa politik jika tidak menguasai kuasa ekonomi -lebih2 lagi bagi bangsa yang merupakan majoriti dalam negara tersebut.
Oleh itu, saya akan memberi perhatian yang khusus kepada peningkatan kedudukan ekonomi Melayu. Sebenarnya ini juga yang telah diperjuangkan oleh pejuang2 sebelum kita melalui dasar2 kerajaan seperti DEB dan sebagainya. Tapi berlaku juga ketirisan dimana perlaksanaan dasar tidak seperti yang diharapkan.Pada waktu yang sama, usaha untuk merapatkan jurang perbezaan antara Melayu/Bukan Melayu ini tidak bermaksud kita amalkan pendekatan Robin Hood – curi dari yang kaya, beri kepada yang miskin. "
Tun pun tentu setuju dengan pandangan Dato' Mukhriz. Ada beberapa lagi pandangan beliau yang membuka minda ini seperti nanotech, genomics etc.

392. *ranjit*

June 25, 2008 at 7:27 pm | Permalink

Am I second…

393. *luxxssmana*

June 25, 2008 at 7:26 pm | Permalink

Che det.. terima kasih kerana sudi menegur "pemimpin" tu.. harap2 dia dapat di "pimpin"…. dulu kata harga minyak naik suruh jimat cermat… tapi dia punya jimat.. kalau dulu menang pingat emas dapat ganjaran RM 100 ribu la ni kalau menang dia nak bagi RM 1 Juta… duit sapa tu !!! cermat sikit…

394. *Caliph*

June 25, 2008 at 7:23 pm | Permalink

**"Perpaduan yang perlu diadakan ialah untuk menyingkir pemimpin yang telah bawa kecelakaan kepada parti dan negara."**
**Rasanya telah wujud serpihan-serpihan yang mahu menyingkirkan.**
**Tapi apakan daya kami.**
**Bantulah kami menyatukan kesemua serpihan menjadi satu PASUKAN yang relevan untuk tujuan tersebut.**
**Kami lantik TDM untuk mengetuai kewujudan serpihan ini.**
**Sekian.**

395. *jerrya4j*

June 25, 2008 at 7:22 pm | Permalink

The biggest mistake you've made during your 22 years tenure was appointing **your successor. I really hope that you can make up for the mistake you've done.**

**Source: http://chedet.cc/blog/?p=48**